



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1341]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 1366]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) [Ruangan 1366]

Rang Undang-undang Undang-undang Sivil (Pindaan) [Ruangan 1381]

Rang Undang-undang Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan) [Ruangan 1382]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 1384]

Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) [Ruangan 1410]

Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan) [Ruangan 1411]

Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan) [Ruangan 1416]

Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 1419]

Rang Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan) [Ruangan 1434]

Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) [Ruangan 1439]

Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 1441]

Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) [Ruangan 1449]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) [Ruangan 1451]

Rang Undang-undang Mahkamah Budak-budak (Pindaan) [Ruangan 1482]

Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah [Ruangan 1486]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Jumaat, 18hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- ” TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- ” TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- ” TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).
- ” TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- ” DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
- ” DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- ” TAN SRI LIM CHING WAH (Sabah).

Yang Berhormat DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAY, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
 - „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
 - „ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).
 - „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
 - „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
 - „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
 - „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
 - „ DATUK SRI S.P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., P.M.P., D.P.M.P., J.P. (Dilantik).
 - „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI KE NEGARA TELOK ARAB/ ARAB SAUDI

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau ke Negara-negara Telok Arab dan Arab Saudi baru-baru ini dalam bidang-bidang:

- (a) Sains dan Teknologi;
- (b) Kesenian dan Kebudayaan;
- (c) Perniagaan dan Perusahaan; dan
- (d) Pinjaman wang dan Pelaburan modal.

Pemangku Perdana Menteri dan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara Arab baharu-baharu ini telah banyak membuat kejayaan. Pada masa ini terdapat perasaan muhibbah yang kuat di kalangan negara-negara Arab terhadap Malaysia, iaitu hasil daripada dasar Kerajaan kita memberi sokongan yang penuh kepada negara-negara Arab dalam perjuangan mereka menghadapi Israel dan dalam pertikaian Arab/Israel itu. Negara-negara Arab yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu juga telah memberi sokongan kepada usaha kita untuk menjadikan Asia Tenggara kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Dalam bidang ekonomi, kerjasama yang lebih erat telah terjalin. Negara-negara Arab Saudi, Kuwait dan United Arab Emirates telah bersetuju memberi bantuan kewangan kepada Malaysia untuk membiayai projek-projek pembangunan sektor awam seperti infrastruktur dan lain-lain lagi. Tabung Kuwait (Pembangunan Ekonomi Arab) untuk pembangunan ekonomi Arab dan Tabung Arab Saudi untuk pembangunan ekonomi misalnya telah bersetuju memberi bantuan kewangan untuk membiayai rancangan tanah FELDA di Paloh, Negeri Sembilan, Ulu

Kelantan dan Pahang Tenggara, selain daripada bantuan untuk perkembangan Fakulti Perubatan di Universiti Kebangsaan dan kepada Instituti Teknologi Kebangsaan. Negara-negara tersebut telah juga menyatakan hasrat untuk mengadakan berbagai joint venture, terutamanya dalam bidang-bidang projek perkilangan kayu, simin, kertas dan pulpa. Negara-negara Arab yang lain seperti Qatar, Oman dan Bahrain pula menawarkan peluang-peluang perdagangan dengan Malaysia. Mereka berminat dalam keluaran barang-barang buatan Malaysia seperti simin, getah, kayu, makanan dan barang-barang dalam tin.

Pengekspot-pengekspot dan ahli-ahli perdagangan kita adalah digalakkan mengunjungi negara-negara Telok Arab untuk memajukan barang-barang buatan Malaysia. Rombongan dari Tabung Kuwait bagi Pembangunan Ekonomi Arab telahpun berada di Malaysia pada 17hb Mac lalu untuk mengadakan perundingan lanjut di atas jumlah pinjaman yang dijanjikan. Satu rombongan ekonomi kita telah pergi ke Arab Saudi pada awal bulan ini untuk tujuan yang sama. Agensi-agensi dan badan-badan tertentu telah diberi arahan menyediakan butir-butir lanjut mengenai projek-projek joint venture dengan negara-negara Arab.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal dengan Arab Saudi, Kuwait, United Arab Emirates dan Qatar semasa lawatan itu. Demikian juga perjanjian-perjanjian yang lain seperti kebudayaan telah ditandatangani dengan Kuwait, Bahrain, Oman, Qatar dan United Arab Emirates. Kedua-dua perjanjian ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan kerjasama di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Pada penghujung bulan ini saya akan menghantar seorang Menteri lagi mengetuai satu rombongan pergi ke negara Arab untuk menghalusi lagi rancangan-rancangan yang mana dijanjikan kepada kita dan melaksanakan perjanjian-perjanjian yang telah dibuat di antara negara kita dengan negara-negara Arab itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri kita tadi, saya ingin hendak

mendapat keterangan bahawa perkembangan-perkembangan dalam bidang perkilangan dan juga pertanian telah dapat kerjasama daripada negara-negara yang berkenaan, cuma saya hendak tahu adakah termasuk dalam perkembangan bidang perkilangan petroliam?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Perkara ini boleh juga dirundingkan jika sekiranya ada memberi faedah kepada negara kita, kita sedia menerima kerjasama mereka itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masaalah kebudayaan dengan beberapa buah negeri kita telah adakan perjanjian, saya ingin mendapat tahu kiranya negara-negara itu menghendakkan supaya Pertandingan Quran Antarabangsa dibuat di salah sebuah negeri yang telah kita buat perjanjian kebudayaan, adakah Malaysia memberikan kebenaran?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Dalam Pertandingan Quran tidak ada undang-undang yang menentukan di mana negeri yang patut diadakan. Mana-mana negeri dalam dunia boleh mengadakannya jika mereka suka dan jika mereka mengundang kita, kita akan timbangkan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kembali daripada lawatannya di Timur Tengah ataupun Asia Barat tempoh hari beliau telah menyatakan satu angka pinjaman wang yang hendak diberi oleh negeri-negeri Telok Parsi, adakah angka itu melebihi atau kurang daripada yang kita anggapkan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Angka itu boleh dikatakan sesuai pada waktu ini dan mungkin kita akan berkehendakkan pinjaman dan joint venture yang lebih besar jika sekiranya kita telah dapat menyediakan projek-projek yang mereka yakin boleh menguntungkan.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Pemangku Perdana Menteri yang berkenaan telah menyatakan, menghantar rombongan ke luar negeri, adakah cadangan menghantar pula bersama-sama rombongan itu Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh timbangkan tetapi saya tidak tahu samada seorang wanita boleh di-

masukkan dalam rombongan ini kerana terpaksa pakai purdah atau sebagainya, tetapi ini boleh saya timbangkan.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Bukan tujuan saya bertanya ini untuk saya. Kalau Yang Berhormat Menteri beri pun, saya tidak akan pergi (*Ketawa*). Maksud saya orang-orang lain, Tuan Yang di-Pertua. Banyak sudah rombongan dihantar tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan Dewan Rakyat belum dapat sama-sama mengikuti rombongan Menteri-menteri itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara dan Dewan Rakyat mengandungi dua jenis, lelaki dan perempuan, jadi termasuk Ahli Yang Berhormat itu seorang perempuan dan kalau hendak timbangkan Ahli Dewan Negara tentu beliau ditimbangkan juga samada boleh pergi ataupun tidak belum tahu lagi.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Pemangku Perdana Menteri menerangkan berhubung dengan apa yang telah diterangkan tadi iaitu negara-negara Arab hasil lawatan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri baharu-baharu ini telah menyetujui akan menanggung perbelanjaan infrastruktur yang sebahagian daripadanya terlibat di kawasan Ulu Kelantan dalam masaalah pembangunan, apakah jenis infrastruktur yang dimaksudkan itu terutama di kawasan Ulu Kelantan?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Itu mengikut keadaan rancangan itu, setengah tempat berkehendakkan jalanraya, setengah-setengah tempat berkehendak taliair, bekalan api, bekalan air mungkin juga tempat yang mustahak ada padang-padang kapal terbang kecil ataupun pelabuhan-pelabuhan kecil, jalan-jalan keretapi, itu mengikut keadaan satu-satu sekim yang tertentu. Jadi, saya tidak dapat hendak sebutkan butir-butir halus dalam Dewan sekarang ini.

MAJALLAH DAN AKHBAR CETAKAN SINGAPURA

2. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedia mengkaji semula kebenaran yang diberi kepada empat puluh

jenis majallah dan akhbar yang dicetak di Singapura untuk jualan dan edaran di negeri ini dengan tujuan mencegah jualan dan pengedarannya sebagai satu tindakan balas Kerajaan terhadap tindakan Kerajaan Singapura yang tidak membenarkan jualan banyak majallah-majallah dan akhbar-akhbar yang dicetak di negeri ini. Bolehkah Kerajaan adakan perundingan atas perkara ini kerana memandangkan bahawa kita adalah Ahli-ASEAN dan juga jiran yang paling hampir yang mempunyai banyak persamaan samada dalam bidang kebudayaan atau sosial.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sentiasa mengawasi segala majallah-majallah dan akhbar-akhbar yang dicetak dan diterbitkan di luar negeri untuk dijual dan diedarkan di negeri ini supaya tidak melanggar kehendak-kehendak negara ini. Ini adalah hak asasi negara kita yang berdaulat. Hak asasi ini dipunyai juga oleh mana-mana negara yang berdaulat termasuk negara Singapura. Jika Kerajaan Singapura hendak menyekat penjualan dan pengedaran mana-mana majallah atau akhbar yang dicetak dan diterbitkan di Malaysia demi kepentingan negaranya siapa pun tidak dapat melarang. Begitu juga jika Kerajaan Malaysia hendak menyekat penjualan dan pengedaran mana-mana majallah atau akhbar-akhbar yang diterbitkan dan dicetak di Singapura demi kepentingan negara kita ini, siapa pun tidak dapat melarang. Soal tindak balas tidaklah timbul. Kerajaan kita telah tidak membenarkan akhbar-akhbar *Straits Times*, *Nanyang Siang Pau*, *Sin Chew Jit Poh* yang dicetak dan diterbitkan di Singapura untuk diedar dan dijual di Malaysia ini. Dalam pada itu Kerajaan kita adalah sebuah Kerajaan yang bukan bersifat keanak-anakan untuk mengambil tindakan balas seperti yang dilakukan oleh Kerajaan lain itu. Walau bagaimanapun apa yang dimaksudkan perundingan oleh Yang Berhormat itu tidaklah perlu kerana perkara ini adalah perkara dalam negara Singapura sendiri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam masaalah yang ada di hadapan kita ini,

sudahkah dibawa masaalah ini kepada peringkat perundingan kepada negara-negara ASEAN sebagai Singapura itu negara tetangga yang berhampiran supaya dapat mereka memberikan kemudahan mengedar majallah atau suratkhbar Malaysia ke Singapura.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi perundingan tidak perlu antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Singapura ataupun Kerajaan mana-mana jua pun tetapi persoalan yang harus ditimbulkan ialah penerbit-penerbit itu sendiri harus meminta kebenaran daripada Kerajaan yang berkenaan, itu yang perlu. Perundingan antara Kerajaan dengan Kerajaan kerana penerbitan satu-satu akhbar yang bercorak swasta tidaklah perlu Kerajaan berunding dengan sebuah Kerajaan yang lain.

REAKTOR ATOM MALAYSIA

3. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan bilakah Reaktor Atom Malaysia akan siap dibina dan di mana kawasannya dan berapa perbelanjaan yang terlibat dan adakah Kementerian yang berkenaan menyediakan peruntukan biasiswa bagi pelajar-pelajar Malaysia terutama Bumiputra yang ada kelayakan yang diperlukan serta minat dalam jurusan Ilmu Fizik Nuklear untuk mendapat pelajaran dan latihan di luar negeri yang akan membolehkan mereka berkhidmat dalam projek Reaktor Atom Malaysia kelak.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, biasanya, sebuah reaktor penyelidikan dapat memulakan tugas operasinya dalam tempoh lebih kurang 30 bulan selepas menandatangani kontrak bagi membeli reaktor. Reaktor Atom Malaysia dapat memulakan tugasnya seawal-awalnya pada permulaan tahun 1978, oleh kerana kontrak itu dijangka ditandatangani pada pertengahan yang kedua tahun ini. Memandangkan ianya menjadi projek pertama dalam bidang ini di Malaysia, tujuan Kerajaan ialah untuk melibatkan warganegara Malaysia dalam kerja-kerja perancangan, reka-bentuk dan pembinaan Pusat reaktor itu sejauh mana yang boleh.

Kos Reaktor itu adalah dianggarkan lebih kurang \$3 juta, dan bangunan-bangunan dan "associated instrumentation" akan melibatkan perbelanjaan sebanyak \$5 juta.

Tapak yang telah dipilih bagi pusat reaktor ini adalah dalam Negeri Selangor.

Pusat ini akan menghantarkan pegawainya ke luar negeri untuk mendapatkan latihan "postgraduate" dan "practical on-the-job training". Selaras dengan dasar Kerajaan, siswa-siswa Bumiputra yang mempunyai kelayakan yang sesuai akan dipilih dan dihantar ke luar negeri untuk mendapatkan latihan supaya mereka dapat berkhidmat di pusat ini sekembalinya dari latihan tersebut.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Atomic reactor ini akan siap tidak berapa lama lagi. Sebelum kita mendapat penuntut-penuntut kita yang mahir nanti sebelum mereka pergi belajar dan kembali adakah pakar-pakar untuk menjalankan atomic reactor ini, dan atomic reactor ini sebenarnya saya dapat tahu untuk menjalankan bukan untuk peperangan tetapi adalah untuk membaiki lagi seperti menjalankan factory ataupun lain-lain. Tetapi jika masa peperangan, adakah tujuan kita pada masa yang akan datang untuk membuat atomic bom dan sebagainya.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan rancangan untuk membuat atomic bom. Pusat ini cuma untuk kajian, pusat kajian sahaja untuk hendak mengeluarkan radio isotope bagi perubatan dan bagi tumbuh-tumbuhan dan tanaman dalam negara kita serta melatih orang-orang kita dalam bidang kuasa atom.

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—POTONGAN CARUMAN

4. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menaikkan potongan caruman kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja-Pekerja daripada 5% kepada 10% dan jika ya, bila.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, satu kajian mengenai perkara ini telah

disiapkan dan pengistiharan mengenainya akan dibuat tidak lama lagi.

PERKHIDMATAN BAS DI KUALA LUMPUR/SEMENANJUNG MALAYSIA

5. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia, memandangkan bahawa perkhidmatan ini tidak mencukupi dan kadang-kadang tidak memuaskan.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan tentang adanya rungutan-rungutan daripada orang ramai mengenai perkhidmatan bas yang kurang memuaskan baik di Bandar Kuala Lumpur mahupun di bandar-bandar besar yang lain. Walau bagaimanapun Kementerian saya adalah sentiasa berusaha dan mencari jalan bagaimana perkhidmatan bas yang dianggap sangat penting ini dapat diberikan kepuasan kepada orang ramai.

Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, di negara ini hampir kesemua perkhidmatan pengangkutan awam (bas-bas) adalah dijalankan oleh pengusaha-pengusaha bersendirian. Mereka mestilah memperoleh sedikit keuntungan atau kemudahan bagi membolehkan mereka menjalankan perkhidmatan bas-bas di jalanraya. Oleh itu di samping memerhatikan kehendak-kehendak orang ramai Kerajaan juga memerhatikan keperluan-keperluan ekonomi pengusaha-pengusaha bas.

Sejak beberapa lama Kerajaan telah menerima rayuan-rayuan daripada pengusaha-pengusaha bas itu di seluruh Semenanjung Malaysia menuntut kenaikan tambang bas untuk menampung kenaikan perbelanjaan. Setelah dikaji butir-butir tuntutan mereka itu, Kerajaan telah berpuashati bahawa kenaikan tambang itu adalah adil dan perlu. Mereka telah dibenarkan menaikkan tambang satu sen bagi tiap-tiap batu iaitu dari empat sen ke lima sen sebatu bagi bas-bas penumpang mulai 1hb April, 1975.

Dengan kenaikan itu, adalah diharapkan bahawa rancangan-rancangan untuk menyediakan perkhidmatan bas yang lebih banyak

dan baik akan dapat dilaksanakan. Pengusaha-pengusaha bas adalah diminta dan malah telah memberi janji mereka untuk memperbaiki mutu perkhidmatan bas mereka kepada orang ramai. Adalah diharapkan juga dengan langkah ini orang ramai akan menikmati lebih banyak kemudahan dari perkhidmatan bas-bas ini.

Kerajaan juga sedang mengambil langkah untuk membenarkan perkhidmatan bas-bas kecil (mini-bas) dan bas-bas sekolah untuk memenuhi keperluan-keperluan pengangkutan orang ramai, sebagai permulaannya di Kuala Lumpur dan mungkin juga di bandar-bandar lain jika didapati sesuai. Ini dijangka akan dapat mengurangkan masalah kekurangan bas di waktu-waktu sebok (peak hours) di mana orang ramai pergi dan balik kerja.

Sebagai suatu langkah jangka panjang juga, sebuah badan atau Unit Pengangkutan Awam (Public Transport Unit) telah ditubuhkan di Kementerian ini untuk mengkaji dan merancang semua aspek perkhidmatan awam di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar di Semenanjung Malaysia.

Demikianlah di antara langkah-langkah utama yang sedang diambil oleh Kementerian saya ke arah mengujudkan suatu perkhidmatan awam (khususnya bas) yang lebih baik dan memuaskan kepada orang ramai dan juga kepada kepentingan ekonomi pengusaha-pengusaha bas.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan perkhidmatan bas ini, baik di pekan ataupun di lain-lain tempat di merata pelusuk negara kita, saya dapati dahulunya di Lapanganterbang Subang ada perkhidmatan bas daripada kapalterbang ke airport. Apabila kapalterbang MAS 707 turun selalunya membawa 160 hingga 180 orang penumpang. Saya hendak bertanya kenapa dibeli bas yang hanya boleh bermuat 40 orang sahaja yang boleh duduk. Jikalau kita pergi ke International Airport seperti Tokyo, Hong Kong dan Singapura, bas-basnya cukup panjang dan boleh muat sebanyak 200 orang. Jadi apakah hanya bas yang boleh muat 40 orang sahaja yang dibeli untuk berulang-alik sebanyak empat kali antara kapalterbang ke airport. Saya hendak bertanya siapa yang bertanggungjawab membeli bas ini samada Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan atau Kementerian lain yang membuat kesilapan itu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham akan soalan tambahan itu, soalan tambahan itu telah menuju kepada bas-bas yang telah digunakan oleh Kementerian Perhubungan dalam air transport kita. Ini adalah satu masaalah yang tidak termasuk perkhidmatan bas di Kuala Lumpur dan bandar-bandar yang lain di Semenanjung Malaysia. Jadi saya sukalah mencadangkan supaya soalan itu ditujukan kepada Kementerian Perhubungan.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk melonggar syarat-syarat yang ada hari ini iaitu bagi kawasan 5 batu keliling pekan supaya seluruh company bas boleh mengambil passenger pada tiap-tiap jalan. Tidak seperti hari ini, satu jalan itu dikhususkan kepada satu company sahaja. Adakah syarat itu akan dilonggarkan?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat Senator itu sedia maklum kalau kita membenarkan lebih daripada satu syarikat bas menggunakan route atau perjalanan yang sama mungkin timbulah sedikit pergeseran. Akan tetapi kalau keadaan masing-masing itu perlu, kami bolehlah timbangkan dan ini hendaklah ditengok kepada keadaan di dalam kes masing-masing.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan 5 batu keliling pekan. Oleh sebab selalunya timbul kerumitan tentang bas ini, ialah mereka yang duduk jarak 3-4 batu daripada pekan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya faham soalan tambahan itu dan seperti yang saya terangkan tadi bahawa tiap-tiap kes hendaklah ditimbangkan dan sekiranya Ahli Yang Berhormat itu boleh menetapkan kes atau tempat yang spesifik yang dianggap perlu melonggarkan syarat itu, saya fikir Kementerian saya boleh pertimbangkan juga.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Harapan Kerajaan dengan naiknya satu sen sebatu maka masaalah bas boleh diatasi. Saya rasa kita akan menemui jalan buntu

juga. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan supaya bas-bas di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru, Pulau Pinang dan sebagainya menggunakan bas dua lapis bagi menjalankan perkhidmatan di dalam bandar.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu cadangan yang mungkin sesuai yang menyelaraskan kehendak antarabangsa sekarang. Dari segi Kementerian, memanglah boleh dipertimbangkan. Akan tetapi akhirnya mestilah terpulang kepada syarikat-syarikat bas yang menjalankan perniagaan itu dan ini bermakna adakah atau tidak ekonomi dari segi perniagaan mereka.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak mendesak Yang Berhormat Timbalan Menteri, akan tetapi pertimbangan Kerajaan tentulah bukan baharu diketahui bahawa kesulitan bas bagi penumpang-penumpang adalah sangat memerlukan satu perubahan. Bolehkah Kementerian sendiri memaksa pada tiap-tiap syarikat dalam perkhidmatan bas di bandar-bandar supaya menggunakan bas dua tingkat samada ekonomi atau tidak ekonomi, itu soalan lain.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan dalam jawapan pokok tadi, Kementerian ini bukan hanya hendak menjaga kepentingan orang ramai, tetapi juga hendak menjaga kepentingan pihak syarikat-syarikat bas juga. Akan tetapi pada keseluruhannya jika ada bukti yang jelas yang menyatakan sangat perlu hendak menggunakan bas-bas dua tingkat, Kementerian saya sanggup menimbangkannya.

Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Yang Berhormat akan mengambil tindakan di dalam Semenanjung Malaysia ini, Bas MARA yang selalu berulang-alik daripada Kuala Lumpur ke Kedah dan juga ke negeri-negeri lain, rasa saya tidak mencukupi dengan ada dua tiga buah bas itu, dan kalau seorang itu hendak menaiki Bas MARA sebulan terlebih dahulu kena ambil tiket baru boleh dapat menaiki bas itu. Jadi, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan

sepertimana juga Bas-bas MARA yang ada sekarang ini ialah keadaannya terlalu buruk kalau kita naik di dalam bas itu terdapat bunyi-bunyi bising screw yang longgar, dan kadangkala bunyi-bunyi itu lebih kuat lagi daripada lagu-lagu yang ada di dalam cassette dalam Bas MARA itu. Jadi itulah sahaja pertanyaan saya.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya akan anggapkan soalan tambahan itu satu aduan yang terdapat di dalam Dewan yang mulia ini, dan saya akan rujuk aduan ini kepada pihak yang berkenaan iaitu pihak MARA, dan saya yakinlah dalam masa yang singkat di masa-masa hadapan perkhidmatan itu dapat diperabiki.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Berkenaan dengan perkhidmatan bas di Kuala Lumpur ini dapatkah Kementerian menimbang sekiranya perkhidmatan itu ditambah dengan perjalanan bas dibuat oleh Bandaraya sendiri.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tolong ulangan soalan itu.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Berkenaan dengan perkhidmatan bas di Kuala Lumpur, dapatkah Kementerian menimbang sekiranya perkhidmatan bas di Ibu Kota Kuala Lumpur ini dijalankan juga bersama oleh Bandaraya sendiri.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang baru dan jikalau keadaan memerlukan, Kementerian saya sanggup berunding dengan pihak Bandaraya dan mungkin satu keputusan akan diambil nanti.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu bagaimana sikap Kementerian ini dari segi menimbang keperluan pengusaha bas dalam negeri ini dan juga keperluan orang ramai, mana yang diutamakan oleh Kementerian ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti satu bahagian daripada pihak yang memegang teraju Kerajaan ini, tidak salah kalau saya cakap mesti kita utamakan kepentingan orang ramai.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Adakah Kementerian sedar bahawa pengusaha-pengusaha bas dalam negara kita ini sangat sukar untuk membeli bas baru dan memakan masa setahun atau lebih daripada itu. Adakah dapat Kerajaan memberikan pertolongan memudahkan syarikat-syarikat ini membeli bas baru di luar-luar negeri?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan kesukaran-kesukaran itu, akan tetapi pada setakat ini Kementerian ini belum ada menerima satu permohonan meminta bantuan itu. Sekiranya kami dapat permintaan, Kementerian mestilah memberi pertolongan seberapa yang boleh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam suratkhbar dua tiga hari dahulu, ada satu syarikat bumiputra bernama "TAB" yang membuat bas muatannya seramai 58 orang dan telah dibuat lebih 100 bas. Bolehkan Kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berunding supaya bas-bas yang akan dibeli oleh pihak swasta dari luar negeri ditahan supaya swabeli dari syarikat TAB, iaitu syarikat bumiputra, dan syarikat ini dapat mengeluarkan lebih banyak bas-bas dan juga senang mendapatkan bas?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya cakap tadi kiranya pihak kami menerima satu syor begitu dengan rasmnya kita akan mengambil tindakan. Setakat ini kita belum dapat menerima sebarang syor-syor yang seperti itu.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Kementerian yang berkenaan adakah Kerajaan sedar yang bas-bas di Bandaraya Kuala Lumpur ini yang masa sibuknya adalah sebelah pagi dan dua jam, tengah hari dua jam, dan sebelah petang dua jam, selepas itu dengan mempunyai perbelanjaan begitu besar membeli bas dan tidak digunakan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara ini saya telah jelaskan tadi, dan kalau tidak salah saya maksud Yang Berhormat Senator itu

ialah menuju kepada jalanraya kita yang sedia ada itu yang tidak mencukupi untuk membawa kenderaan-kenderaan kita termasuk bas-bas di Kuala Lumpur. Kementerian saya sedar dan itu betul.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar apabila mini-bas dijalankan oleh Kerajaan, makin sibuk lagi di Bandaraya ini?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, jika saya didesak hendak menjawab soalan tambahan itu akan dianggap seperti satu ramalan, tetapi saya tidak boleh ramalkan perkara-perkara yang akan datang itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat pekan di Manila dan Jakarta lebih besar daripada pekan Kuala Lumpur. Seperti kata salah seorang Yang Berhormat bas yang kecil-kecil dan kenderaan apa pun boleh jalan, sebab ini bukan monopoli Syarikat Bas Sri Jaya tidak boleh monopoli, Syarikat Bas Kepong tidak boleh monopoli, siapa sahaja boleh jalan supaya perkhidmatan untuk rakyat dapat dijalankan. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri tegaskan betul-betul di atas perkara ini, jikalau rakyat berkehendakkan bas, kalau rakyat hendakkan kenderaan samada bas-kecil ataupun besar mestilah keluarkan lesen dengan banyak, bolehkah begitu?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, boleh. Saya fikir Yang Berhormat sahabat saya itu maksudkan berkenaan dengan dasar menjalankan mini-bas ini untuk kepentingan orang ramai. Saya suka menyatakan di sini Lembaga Pelesenan di bawah Kementerian saya akan mengadakan satu mesyuarat dengan mini-bas ini pada hari esok iaitu 19hb April tahun ini untuk membincangkan seterusnya kaedah perlaksanaannya seperti menentukan jalan-jalan perkhidmatan dan lain-lain.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk memperbaiki perkhidmatan dengan bas ini, adakah syarikat-syarikat yang lama yang sedang menjalankan perkhidmatan di jalan-jalan itu diutamakan lebih oleh pihak Kementerian

Pengaduan Awam dan Biro Siasatan Negara dapat memainkan peranan yang sewajarnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi walaupun tanah ini adalah kuat kuasa Kerajaan Negeri dapatkah Kementerian ini memberikan kerjasama atau mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri itu sekiranya didapati ada setengah-setengah Pegawai Kerajaan yang mendapat tanah dalam kawasan itu dengan maksud tatatertib yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu sediakah Kementerian ini menarik balik tanah itu dibatalkan permohonan yang telah diberikan pada mereka itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya tadi soal tanah merupakan soal Kerajaan Negeri. Jadi pihak Kementerian sanggup bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri menyasiat atas perkara seperti ini dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

PENYELIDIKAN SAINS MAKANAN/ TEKNOLOJI

9. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan dalam bidang penyelidikan sains makanan dan teknologi selaras dengan Rancangan Buku Hijau Kerajaan; kalau belum ada, bilakah rancangan penyelarasan itu akan dibuat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak memberikan kesemua kerja-kerja atau usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan kerana ini akan mengambil masa yang sangat panjang. Walau bagaimanapun secara ringkas, saya sebutkan di sini usaha-usaha yang telah dijalankan termasuk mengetin bahan-bahan daging dan ikan, mengetin buah-buahan dan minuman yang diperbuat daripada buah-buahan seperti jambu, durian belanda dan rambutan, membuat cuka daripada nenas dan jerok daripada buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan seperti betik, sawi dan timun. Usaha-usaha yang sedang dan akan dijalankan termasuk penyelidikan tentang cara-cara memperbaiki

perusahaan nenas, cara-cara memproses padi dan beras dan pengeluaran tepung ubi kayu secara lebih cekap serta pembiakan dan memproses ikan-ikan air tawar. Jika Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ingin hendak melihat sendiri tentang usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan, saya dengan sukacitanya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat melawat MARDI pada masa-masa yang lapang bagi Ahli-ahli Yang Berhormat.

LEMBAGA LETRIK NEGARA— PEGAWAI/KAKITANGAN

10. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Tenaga Teknologi dan Penyelidikan menyatakan berapa ramaikah pegawai dan kakitangan Lembaga Letrik Negara dengan memberikan angka-angka bagi warganegara dan bukan warganegara Malaysia, serta berapa Bumiputra dan bukan Bumiputra; adakah rancangan Kementerian yang berkenaan untuk semua kerja-kerja dalam Lembaga Letrik Negara dipegang sendiri oleh warganegara Malaysia, dan bila akan dilaksanakan seluruhnya; jika tidak, mengapa.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai dan kakitangan Lembaga Letrik Negara adalah warganegara Malaysia dan semua jawatan di Lembaga Letrik Negara juga dipegang oleh warganegara Malaysia.

Pecahan kesemua kakitangan-kakitangan Lembaga Letrik Negara mengikut bahagian dan bangsa pada 31hb Disember, 1974 adalah seperti berikut:

	Bukan		Jumlah
	Bumiputra	Bumiputra	
Bahagian I ...	174	250	424
Bahagian II hingga Bahagian IV (termasuk Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar) ...	5,378	4,884	10,262
Jumlah ...	5,552	5,134	10,686
Peratus ...	51.95	48.05	100.00

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan saya hendak bertanya dalam Bahagian I tadi, menurut angka yang diberi

saya nampak tidak ada imbangan lebih daripadanya bukan bumiputra. Adakah dasar Kementerian ini pada suatu masa akan datang supaya dapat diseimbangkan pegawai-pegawai Bahagian I ini antara bumiputra dengan bukan bumiputra?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, bukan dasar Kementerian ini sahaja bahkan dasar Kerajaan untuk hendak mengimbangkan dan telahpun mengambil tindakan dan akan mengambil tindakan sewajarnya.

PEJABAT IMIGRESEN IPOH

11. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Pejabat Imigresen di Ipoh, Perak bukan sahaja sangat kecil tetapi kekurangan kakitangan untuk melayan beratus-ratus orang yang datang ke pejabat itu setiap hari dan jika ya, samada beliau akan membesarkan pejabat ini serta menambatkan kakitangan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Pejabat Imigresen Ipoh yang ada sekarang ini adalah terlalu kecil dan menyusahkan orang ramai. Kita sentiasa berusaha mendapatkan tempat yang lebih luas tetapi belum ada tempat yang sesuai. Dalam pada itu sebuah bangunan kompleks Jabatan Persekutuan yang lebih besar telah dirancang di Ipoh dan rancangan yang lebih luas telah dirancang untuk Pejabat Imigresen. Ini akan dapat mengatasi kesulitan kesesakan yang ada sekarang ini.

Tentang keperluan kakitangan pejabat pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tumpuan orang ramai untuk mendapatkan khidmat Jabatan ini adalah bermusim di hari-hari biasa kakitangan yang ada itu mencukupi dan di masa-masa kemuncak seperti di masa cuti sekolah dan menjelang hari-hari perayaan kakitangan-kakitangan tambahan didatangkan dari Kuala Lumpur atau Pulau Pinang untuk membantu.

JALAN KARAK-MANCHIS-BAHAU

12. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan rancangan Kementeriannya untuk memper-

baiki Jalan Karak-Manchis dan terus ke Negeri Sembilan, dan bila rancangan ini akan dijalankan memandangkan bahawa keadaannya sekarang sangat buruk dan lalulintas yang menggunakan jalan tersebut sudah bertambah beberapa kali ganda.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian ini tidak ada rancangan atau cadangan tertentu untuk jalan Karak-Manchis-Bahau. Walau bagaimanapun wang peruntukan yang mencukupi adalah disediakan untuk penyelenggaraan jalan Karak-Manchis itu dan peruntukan telah juga diberi untuk menggantikan sebuah jambatan buruk di jalan tersebut.

CUKAI PERKHIDMATAN

13. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada di dalam melaksanakan Akta Cukai Perkhidmatan semua hotel-hotel tidak kira samada bertaraf tinggi, sederhana atau rendah akan dikira sama;
- (b) samada tuanpunya-tuanpunya kedai kopi, restoran, kedai makan atau peniaga kecil yang menjalankan perniagaan sampingan di hotel-hotel sederhana atau rendah, dikenakan membayar cukai perkhidmatan sebanyak 5%; dan
- (c) samada beliau akan menimbang memungut cukai perkhidmatan secara terkumpul hanya daripada hotel-hotel, restoran-restoran, bar-bar, kelab-kelab malam, rumah-rumah urut, pusat pelancungan yang besar, dan mengecualikan cukai perkhidmatan ke atas hotel-hotel, restoran-restoran, kedai-kedai kopi dan perniagaan-perniagaan kecil di dalam bangunan yang sama, memandangkan kesulitan dalam memungut cukai ini dan mereka hanya melayan rakyat tempatan yang tiada mampu membayar cukai perkhidmatan sebanyak 5%.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengenakan cukai perkhidmatan dengan saksama kepada semua rumah

tumpangan. Walau bagaimanapun Perbendaharaan telah menerima beberapa rayuan untuk pengecualian daripada cukai ini. Rayuan-rayuan ini adalah sekarang dikaji dengan simpatinya.

- (b) Perundangan yang ada sekarang mengemukakan bahawa seseorang yang menjalankan perniagaan bagi membekalkan barang-barang makanan, minuman dan juga tembakau termasuk rokok dalam kawasan rumah tumpangan, motel dan tempat perniagaan yang sama adalah dikehendaki mengena dan mengutip cukai perkhidmatan daripada pelanggan-pelanggan mereka. Walau bagaimanapun dalam menguatkuasakan undang-undang ini Kerajaan sedar bahawa ada terdapat kedai-kedai kopi dan kedai makanan secara kecil dalam perniagaan rumah tumpangan kecil yang boleh dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut. Jika sekiranya kes-kes ini layak mendapat pengecualian Perbendaharaan adalah bersedia untuk memberi mereka pengecualian supaya tidak membebankan perniagaan-perniagaan tersebut dan juga pelanggan-pelanggan daripada kumpulan pendapatan kecil yang membeli daripada tempat peniaga-peniaga yang tersebut.
- (c) Sebagaimana yang disebutkan tadi Perbendaharaan adalah sekarang mengkaji permohonan-permohonan yang dibuat oleh rumah-rumah tumpangan kecil yang tertentu untuk pengecualian daripada cukai perkhidmatan dan permohonan-permohonan ini adalah sekarang dikaji secara perseorangan mengikut merit masing-masing.

MURID-MURID SEKOLAH TAMIL

14. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah apa-apa rancangan Kementerian bagi mengadakan suatu sistem atau program baru untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid Sekolah Tamil di serata negeri memandangkan kepada hal bahawa 40% daripada murid-murid ini telah gagal atau tercicir di peringkat rendah dan hanya 12% tamat tahun akhir sekolah menengah.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sememangnya telah dan sedang menjalankan beberapa rancangan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid di Sekolah Tamil. Di antara rancangan-rancangan itu adalah seperti berikut:

- (a) Perlaksanaan (exercise) percantuman dijalankan di mana yang boleh dengan mencantumkan sekolah-sekolah kecil sekumpul bertempat di kawasan baharu (di tengah-tengah), atau di sekolah besar yang hampir di mana kemudahan alat-alat pengajaran didapati, dengan ada sokongan-sokongan dari Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan persekutuan Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah yang berkenaan.
- (b) Perlaksanaan Sekim Pinjaman Buku-buku Teks bagi kanak-kanak yang perlukan bantuan di Sekolah-sekolah Tamil telah dijalankan sejak tahun 1974. Sekim ini memberi pertolongan besar untuk meringankan beban kewangan ibubapa-ibubapa yang berpendapatan rendah di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan terpencil dalam soal perbelanjaan pelajaran anak-anak mereka.
- (c) Untuk membaiki nilai akademik dan pentadbiran sekolah-sekolah, Guru-guru Besar dan Guru-guru Sekolah Tamil diberi peluang menghadiri kursus-kursus di peringkat Negeri dan Persekutuan.
- (d) Bagi membaiki darjah pengajaran di sekolah-sekolah, guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan pelajaran diberi latihan profesyen pada masa cuti persekolahan dengan tujuan akan melantik mereka sebagai guru-guru tetap setelah tamat latihan kelak.
- (e) Guru-guru tetap juga diberi Kursus-kursus Dalam Perkhidmatan pada penghujung minggu dan semasa cuti persekolahan bagi meningkatkan lagi mutu pengetahuan dan teknik pengajaran mereka.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebab-sebabnya dalam golongan murid-murid Tamil dalam negara ini masalah keciciran begitu

besar berlaku dalam peringkat rendah daripada 400 orang murid cuma 12% sahaja yang sampai kepada ujian tahun akhir.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, agak sukar bagi saya memberitahu satu persatu sebab-sebab kejadian itu berlaku tetapi kita telah mengadakan satu kajian tentang keciciran dan kajian itu meliputi keciciran yang berlaku di dalam Sekolah Tamil dan saya suka meminta kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya merujuk kepada kajian keciciran itu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar dan mengakui bahawa keciciran besar telah berlaku dalam golongan pelajar Tamil oleh kerana kemiskinan dalam golongan ini adalah sangat besar jika dibandingkan dengan lain-lain kaum, oleh kerana kemiskinan begitu besar dalam kalangan orang-orang India adalah besar, sebab itu berlaku keciciran.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan adalah di antara sebab-sebabnya yang membawa kepada keciciran dan kemiskinan ini bukanlah melibatkan cuma satu kaum sahaja tetapi meliputi semua kaum yang ada di dalam negara kita.

SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL— KAJIAN KECICIRAN

15. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengikut kajian keciciran yang dikeluarkan oleh Kementerian kira-kira dua tahun yang lepas bahawa Sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara sangat kecil, buruk dan tidak cukup kelengkapan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah yang serius ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah itu ialah:

(a) Kementerian Pelajaran sedang mengkaji cara-cara memberikan kemudahan-kemudahan fizikal yang lebih baik pada kes-kes, di mana didapati tidak boleh dicantumkan sekolah-sekolah kecil, lebih-lebih lagi di kawasan terpencil.

(b) Keadaan ratio guru dan murid di sekolah-sekolah kecil (sekolah-sekolah kurang murid) juga dikaji semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pada hari ini kita ada 15 Rang Undang-undang yang akan dibahaskan dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil perhatian jumlah Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (17hb April, 1975).

3.55 ptg.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, di waktu Dewan ditangguhkan semalam, saya telah menjawab teguran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik. Di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beliau ialah berkenaan dengan sekatan kepada kutipan-kutipan wang dan harta oleh penuntut-penuntut yang mana katanya ini akan menghalang usaha-usaha dan kerja-kerja kebajikan yang biasa dilakukan oleh penuntut-penuntut di dalam universiti.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang kita gubal pada hari ini memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan kutipan-kutipan wang yang difikirkan patut dikecualikan supaya kutipan-kutipan yang mendatangkan menafaat tidaklah tersekat oleh kerana adanya Undang-undang ini. Saya sebagai Menteri yang bertanggung-jawab akan memberi pertimbangan yang sewajarnya berkenaan dengan kegiatan seperti itu dan sebenarnya saya telah terangkan di dalam ucapan saya semalam bahawa berkenaan dengan satu usaha yang biasa dijalankan di sebuah universiti di Malaysia iaitu Universiti Kebangsaan yang mana mahasiswa Universiti Kebangsaan itu biasanya mengadakan Pesta Convocation dengan tujuan mengutip derma untuk kerja-kerja kebajikan di kalangan penuntut. Mereka berpendapat bahawa oleh kerana pesta ini akan diadakan mungkin selepas pihak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meluluskan undang-undang ini, maka ianya tidak dapat dijalankan kalau undang-undang ini dikuatkuasakan. Saya telah memberi jaminan dan pengakuan bahawa Pesta Convocation itu yang bertujuan untuk mengutip wang untuk kerja-kerja kebajikan boleh dijalankan dan saya tidak akan menghalang bahkan saya akan memberi kebenaran untuk usaha-usaha seperti itu dan saya juga akan memberi kebenaran kepada lain-lain usaha kebajikan yang akan dijalankan oleh penuntut-penuntut pada satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang saya fikir adalah perlu saya jelaskan dengan lebih mendalam dan panjang lebar sedikit. Perkara yang pertama dibangkitkan oleh Senator Datuk

Haji Ahmad Arshad, Senator Haji Muhamad Amin dan Senator Haji Othman Abdullah dan beberapa Ahli yang lain berkenaan dengan apa yang disebutkan sebagai hasutan kominis di dalam kegiatan penuntut-penuntut. Perkara ini perlu dijelaskan supaya tidak ada kekeliruan di kalangan Ahli-ahli Dewan ini.

Untuk menjelaskan perkara ini, saya terpaksa menceritakan sedikit tentang asal-usul kegiatan penuntut-penuntut. Kita tahu bahawa pihak Komunis memang menggunakan berbagai front organisation dalam perjuangan mereka dan front organisation ini tidaklah semestinya merupakan sebahagian daripada pertubuhan kominis. Biasanya front organisation ini adalah satu organisation yang agak innocent daripada segi fahaman kominis, tetapi samada mereka innocent atau tidak, samada mereka percaya atau tidak dengan fahaman kominis, mereka dapat diperalatkan oleh Parti Komunis. Di antara front organisation yang didapati di kalangan penuntut mahasiswa dalam universiti-universiti di Malaysia ini sebuah badan yang dikenali sebagai Chinese Language Society di Universiti Malaya. Society ini telahpun dituduh oleh pihak Kerajaan dan beberapa daripada pemimpinnya telahpun dimasukkan di dalam tahanan dengan kerana ada bukti-bukti yang jelas kepada Kerajaan bahawa mereka itu terlibat di dalam kegiatan menyokong tindak-tanduk kominis. Mereka ini bergiat di dalam universiti dengan harapan bahawa mereka dapat mempengaruhi penuntut-penuntut di dalam universiti untuk melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan kekacauan di dalam negara dan mengancam kedudukan keamanan di dalam negara kita ini, tetapi oleh kerana mereka terdiri daripada satu golongan yang tidak dapat sokongan daripada golongan yang besar di dalam universiti, kegiatan mereka secara langsung tidak berjaya, umpamanya mereka tidak dapat mempengaruhi penuntut-penuntut yang beragama Islam di dalam universiti sebab itu mereka tidak menekankan fahaman kominis dalam kegiatan mereka tetapi mereka menekankan tentang perlunya perpaduan wujud di kalangan penuntut-penuntut. Mereka menekan juga bahawa penuntut-penuntut adalah orang-orang yang boleh mengubah masyarakat ke arah yang lebih progresif. Mereka menekankan juga bahawa penuntut-penuntut adalah satu golongan yang istimewa

yang tidak boleh ditekan, tidak boleh ditindas oleh mana-mana pihak. Mereka mengutamakan perpaduan penuntut dan tidak menekankan tentang falsafah perjuangan mereka dan oleh kerana pendapat ini sudah tentulah disokong oleh penuntut-penuntut apabila mereka diperkatakan sebagai sebahagian daripada kuasa yang ada di dalam negara kita maka mereka mengeneppikan hasrat kominis ini dan mengutamakan perjuangan untuk menyatupadukan penuntut-penuntut untuk apa juga kegiatan.

Dalam pada itu pihak Chinese Language Society telahpun melakukan beberapa tekanan terhadap universiti, tetapi ianya tidak dapat sokongan daripada penuntut-penuntut yang lain yang tidak percaya kepada perjuangan mereka. Di kalangan penuntut kita boleh membahagikan mereka kepada dua bahagian, iaitu:

- (i) pihak yang bergerak berasas kepada perjuangan apa yang diperkatakan sebagai kebumiputeraan dan keislaman; dan
- (ii) pihak yang bergerak berasas kepada sosialisma.

Pengaruh Chinese Language Society ini terjejas oleh kerana pergerakan penuntutnya berpandu kepada apa yang diperkatakan sebagai keislaman dan kebumiputeraan ini adalah lebih besar dan mereka tidak ingin mengikut pendapat daripada Chinese Language Society. Sebab itu di waktu satu rusuhan dilakukan oleh pihak kiri yang telah dapat menguasai Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, iaitu dua orang pemimpin yang telah dapat jadi Yang di-Pertua dan Penolong ataupun Setiausaha di dalam P.M.U.M. ini terdiri daripada dua orang penuntut yang berfalsafah kiri. Mereka ini telah mengadakan satu peristiwa merampas kuasa daripada pihak universiti dalam bulan September dan pihak mereka telah disokong oleh ahli-ahli daripada Chinese Language Society tetapi oleh kerana ahli-ahli daripada pertubuhan mahasiswa yang terdiri daripada mahasiswa Islam tidak bersetuju maka usaha mereka ini telah gagal. Nyata daripada ini bahawa kalau pergerakan mahasiswa ingin kepada kejayaan dalam satu-satu kegiatan ianya mestilah disokong oleh persatuan mahasiswa yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswa Islam. Sebab itu pihak Chinese Language Society tidak lagi menekan tentang perjuangan mereka, tetapi apabila maha-

siswa yang terkumpul daripada mahasiswa Islam dan Melayu ini telah mengadakan peristiwa tunjuk perasaan kerana katanya ada kebuluran di Baling, pihak Chinese Language Society serta juga penuntut-penuntut yang berfahaman kiri tidak mengambil peranan sebagai barisan hadapan, mereka cuma menggalak apa yang diperbuat oleh mahasiswa Islam ini dengan kerana mereka percaya samada mereka sokong atau tidak perjuangan asas mahasiswa Islam ini kegiatan mereka melakukan rusuhan adalah satu kegiatan yang boleh menolong pihak perjuangan kominis. Sebab itu mereka memberi beberapa sokongan kepada kegiatan penuntut-penuntut Islam ini dan mereka mengadakan sudut-sudut pidato untuk menyokong:

- (i) perpaduan antara mereka dengan penuntut-penuntut Islam; dan
- (ii) kegiatan penuntut-penuntut Islam membangkitkan huru-hara di dalam negara kita ini.

Saya ingin membacakan di sini satu daripada surat-surat yang telah ditulis oleh pihak yang tidak dikenali yang menggunakan letter head sebuah persatuan yang sudah tidak ada lagi dan ditandatangani oleh seorang yang tidak dikenali. Surat ini dihantar kepada Persatuan Penuntut Politeknik Ungku Umar yang juga bergerak sama dengan mahasiswa di dalam universiti-universiti.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membacakan surat ini.

“8hb April, 1974.

Secretary-General,
Students Union,
Ungku Omar Polytechnic,
Dairy Road,
Ipoh.

Tuan,

I am directed to inform you by the M.T.C.S.U. (Malayan Teachers' College Students Union) (yang telah tidak ada lagi) Watchdog Committee to congratulate you on the success of your agitation in the recent past. You are well aware of the power of students in the north via Thailand and in the south via Indonesia. Your union has given the spark to venture into higher heights of achievements. We are reliably informed that you will be venturing into

another agitation in a bigger way and this, we feel, is a step in the right direction. But you must get the support of teachers and students in schools to give you a backing. Children of Ministers and those who can afford are sent overseas to further their education but the ordinary men cannot afford all these except to go through ordinary schools, colleges which lacked trained teachers and proper facilities. To make matters worse, the medium of instruction being Malay is totally unacceptable to non-Malay qualified staff so much so the whole education system is brought to a big mess by the Razak/Rahman Ya'kub/Mohamed Yaacob clique. We must do something about this mess and the sooner it is, the better it will be for our kids of the future.

Last but not least, we give our whole-hearted support to you in all your ventures and may Allah bless you in your struggles.

Yours faithfully,

sgd.

RUSLAN BIN KADIR,
Secretary-General,
M.T.C.S.U.,
Kuala Lumpur."

Seorang yang tidak dikenali sama sekali tidak ada dalam Malayan Teachers Training College dan bukan juga teacher. Jelas daripada perkataan-perkataan yang digunakan di dalam surat ini bahawa ini datangnya daripada, kalau tidakpun kominis tentulah penyokong-penyokong kominis kerana perkataan "Razak/Rahman Ya'kub/Mohamed Yaacob clique" ini adalah satu cara penggunaan bahawa yang biasa digunakan oleh sebuah radio yang kita selalu dengar dan juga tiap-tiap kali kita dapat risalah daripada pihak kominis inilah perkataan-perkataan yang digunakan oleh mereka.

Jelas daripada ini bahawa pihak kominis memberi hasutan dan cuba menggalakkan kegiatan penuntut-penuntut Islam dan mereka sanggup juga menggunakan perkataan "Allah" di dalam perkara ini dengan mengatakan: "Last but not least, we give our whole-hearted support to you in all your ventures and may Allah bless you in your struggles". Jadi mereka itu sedar bahawa penuntut-penuntut Islam akan bertindak dengan kerana mereka percaya kepada keugamaan mereka dan kalau kita sebutkan nama Allah

maka mereka akan bertindak lebih kuat lagi. Jadi pihak kominis juga menyebutkan nama Allah di dalam usaha mereka untuk membangkitkan perasaan kegelisahan di kalangan penuntut-penuntut Islam dengan kerana jika tidak penuntut-penuntut Islam di dalam Universiti mengambil bahagian di dalam tunjuk-tunjuk perasaan, maka tunjuk perasaan itu tidak akan berjaya seperti kita lihat di dalam bulan September yang mana apabila pihak sosialis mengadakan tunjuk perasaan, ianya ditentang oleh penuntut-penuntut Islam dan usaha itu telah gagal. Apabila penuntut Islam telah mengambil inisiatif, pihak kominis ini tidak berhadapan lagi, mereka tidak mengambil peranan yang terpenting, mereka duduk di belakang dan mengeluarkan risalah-risalah. Dan kita tahu berkenaan dengan apa yang diperkatakan sebagai kebuluran di Baling umpamanya, mereka mengeluarkan risalah walaupun mereka sendiri tidak pergi ke Baling. Mereka mengeluarkan risalah menyokong perjuangan penuntut-penuntut Islam ini dan menggalakkan mereka supaya mengadakan lebih banyak tunjuk perasaan dan mereka sebagai penuntut akan bersatupadu dengan penuntut-penuntut Islam ini demi perpaduan di kalangan penuntut-penuntut Islam dan demi kekuatan students power.

Jadi jelaslah daripada ini bahawa sungguhpun penuntut-penuntut Islam tidak dikuasai oleh penuntut-penuntut yang mirip kepada kominis, tetapi mereka dihasut dan digalak oleh pihak-pihak penuntut-penuntut kominis. Sebab itu, saya katakan bahawa ada hasutan daripada pihak kominis di dalam kegiatan penuntut-penuntut ini. Tidak bermakna bahawa dengan perkataan ini maka kita berkata penuntut-penuntut Islam yang bertindak di dalam universiti ini adalah kominis. Saya tidak percaya mereka boleh jadi kominis kerana fahaman kominis adalah bertentangan dengan fahaman Islam. Mereka sebenarnya berjuang dengan apa yang mereka percayakan sebagai perjuangan yang sesuai dengan keugamaan mereka, tetapi di belakang itu, yang menggalak, yang mendesak, yang menghasut ialah pihak kominis. Sebab itu, kita tidak boleh membiarkan perkara itu berlaku kerana apa yang diperbuatkan oleh penuntut-penuntut itu samada mereka Islam atau tidak, menguntungkan kominis, secara tidak langsung perjuangan mereka menyokong perjuangan kominis. Samada mereka bersetuju atau

tidak, mengaku atau tidak apa yang mereka perbuat pada 3hb hingga 8hb Disember itu adalah menolong perjuangan kominis untuk menimbulkan lebih banyak kekacauan di dalam negara kita. Sebab itulah saya kata dengan terang dan jelas bahawa kita mengadakan undang-undang ini supaya mencegah kejadian hasutan oleh pihak-pihak kominis di kalangan penuntut-penuntut kita.

Satu perkara yang lain yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli juga ialah tentang pembendongan penuntut-penuntut iaitu undang-undang ini mungkin akan menghalang mereka daripada bergerak, bergiat di dalam semua lapangan dan kalau mereka tidak boleh bergiat langsung, mereka akan jadi bodoh, tidak dapat menjadi pemimpin. Dan ada pula yang berkata walaupun kita cuba menyekat mereka, mereka akan bergerak under-ground ataupun dengan secara haram di sisi undang-undang. Saya tidak yakin bahawa undang-undang yang kita gubal ini adalah 100 peratus perfect dan boleh mengubati penyakit yang kita hadapi sekarang ini dengan jayanya 100 peratus. Undang-undang ini digubal untuk menjadi satu daripada cara-cara untuk mencegah kejadian yang tidak mendapat faedah kepada negara, kepada rakyat dan seterusnya kepada penuntut-penuntut sendiri. Undang-undang ini membolehkan kita melarang perbuatan-perbuatan yang cuma akan membangkitkan perasaan kegelisahan di kalangan penuntut-penuntut. Ada pihak-pihak yang berkata bahawa dengan adanya undang-undang ini maka penuntut-penuntut akan menjadi pengikut sahaja, yang tidak boleh berfikir sama sekali untuk diri mereka yang tidak dapat menimbang antara baik dengan buruk, antara betul dengan tidak betul. Saya tidak percaya bahawa undang-undang ini akan menyekat sebegitu keras. Tetapi apakah yang terjadi di dalam universiti sekarang ini? Penuntut-penuntut yang datang ke universiti tidak sebenarnya berpendapat bahawa semua pihak adalah jahat dan mereka sahaja betul di waktu mereka masuk ke dalam universiti. Tetapi setelah mereka masuk ke dalam universiti, mereka itu diserahkan bulat-bulat kepada pemimpin-pemimpin penuntut yang ada angan-angan besar untuk menjadi satu kuasa di dalam negara kita ini. Mereka menggunakan berbagai-bagai cara termasuklah kuliah subuh seperti yang disebutkan oleh Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad untuk brain-

washing, untuk membentuk fikiran penuntut-penuntut baru ini supaya tidak boleh berfikir lagi. Mereka sebenarnya menguasai fikiran penuntut-penuntut yang baru ini sehingga mereka itu menjadi satu robot, mereka itu sudah menerima apa sahaja yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin penuntut ini, kerana kita menyerahkan bulat-bulat penuntut-penuntut yang daripada sekolah-sekolah ini kepada pemimpin-pemimpin penuntut di dalam universiti yang menjalankan kuliah subuh, sudut-sudut pidato dan sebagainya. Selepas mereka mendengar penerangan daripada pemimpin-pemimpin mahasiswa ini, mereka telah terima pendapat-pendapat ini sehingga mereka tidak dapat menerima pendapat orang lain lagi.

Satu daripada perkara yang mungkin Yang Berhormat Senator Dr Lim Ah Sitt boleh buat confirmation ialah berkenaan dengan tuduhan bahawa ada dua orang kanak-kanak yang telah mati kerana kebuluran di Baling. Sebenarnya, empat hari sebelum tunjuk perasaan pada 3hb Disember berlaku, saya berada di dalam satu forum di Universiti Kebangsaan di mana saya telah berkata dengan terus terang bahawa tidak mungkin berlaku orang mati kebuluran di dalam negara kita ini. Sebabnya adalah mudah. Yang pertamanya mati kerana kebuluran adalah satu perkara yang tidak mudah terjadi. Kalau kita perhatikan gambar-gambar daripada Vietnam ataupun Bangladesh tentang orang-orang yang betul-betul kebuluran, mereka merupakan rangka yang tidak ada isi sama sekali, cuma kulit dengan rangka sahaja dan mereka tidak makan berhari-hari. bahkan ada yang tidak dapat makan sehingga dua bulan, mereka cuma dapat meminum air, tetapi mereka tidak mati. Tidak mudah bagi seorang manusia mati kerana kebuluran. Ianya memakan masa sangat lama sekurang-kurangnya dua bulan. Kalau cuma minum air sahaja masih juga boleh hidup kerana manusia nyawanya liat, tidak mudah mati. Sebab itu di dalam negara kita ini tidak mungkin terjadi seseorang itu yang duduk di dalam sebuah kampung boleh mati kerana kebuluran, kerana yang pertamanya adat-resam di kampung tidak boleh membenarkan seseorang itu menderita demikian tanpa diberi

pertolongan, adat-resam di kampung terutamanya kampung-kampung Melayu ini, kita biasanya, kalau lapar, masuk ke rumah sebelah, minta sedikit gula, minta sedikit beras, kita dapat. Dan di kampung mereka ini, yang dikatakan mati, sebenarnya ada banyak bahan makanan. Jadi dengan mudah ibubapa itu dapat meminta makanan, kalau-lah benar ia tidak ada makanan. Sebenarnya apabila kita membuat penyelidikan kita dapat bahawa tidak ada kebenaran sama sekali. Kanak-kanak yang mati ini masih besar, masih gagah, masih kuat dan mereka kalau ada makanan boleh makan sendiri. Sudah tentu ibubapa mereka akan memberi makanan kepada anak mereka. Kita ada keterangan yang cukup jelas yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dua orang ini tidak mati kerana kebuluran, tetapi mengikut apa yang didaftarkan, mereka ini mati kerana demam. Ada keterangan yang jelas. Tetapi kalau kita bercakap kepada penuntut-penuntut yang sudah terima pendapat pemimpin mereka, mereka ini manafikan apa yang kita kata, mereka tidak mahu menerima sama sekali. Sehingga sekarang ini penuntut-penuntut di dalam universiti masih berkata bahawa yang dua orang budak-budak itu mati kerana kebuluran. Kalau ibubapa mereka kata tidak, penuntut-penuntut menuduh pula Kerajaan bayar sagu hati untuk mereka bercakap bohong supaya ibubapa menerima duit daripada Kerajaan untuk membohong kerana kematian anaknya. Kita tidak langsung menghendaki ibubapa itu berkata demikian. Tetapi kalau kita bercakap dengan penuntut-penuntut, mereka sudah tertutup fikiran mereka sehingga tidak boleh menerima kenyataan sama sekali. Inilah makna yang saya kata mereka sudah menjadi robot, tidak boleh berfikir dan timbang antara baik dengan buruk, di antara kebenaran dengan kebohongan. Mereka sudah tidak boleh berfikir. Sebenarnya, mereka sekarang ini oleh kerana tidak ada undang-undang yang mencegah pemimpin-pemimpin mahasiswa yang menyalahgunakan kuasa ini daripada melakukan brain-washing ini, mereka sudah jadi robot.

Dengan adanya Undang-undang ini dapatlah kita memisahkan pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab, yang angkoh, yang ingin menggunakan kuasa penuntut untuk kepentingan diri mereka, akan dipisahkan daripada penuntut-penuntut yang baharu,

itulah tujuan sebenarnya undang-undang ini, dan dengan adanya undang-undang ini penuntut-penuntut tidak akan menjadi robot. Mereka akan menjadi manusia biasa yang boleh menerima kenyataan. Itulah sebabnya saya katakan bahawa undang-undang ini penting dan sebarang keraguan yang timbul di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak patut timbul oleh kerana perkara ini telah diselidiki terlebih dahulu sebelum kita membentuk Undang-undang ini. Mereka yang akan dipisahkan daripada pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab ini akan dapat menerima kenyataan yang ada, kenyataan itu boleh diterima oleh mereka kerana fikiran mereka tidak tertutup oleh pendapat-pendapat yang lain.

Saya telah terangkan semalam iaitu kalau kita pergi ke universiti sekarang ini untuk mengadakan dialog, this is an exercise in futility, kerana tidak ada faedah sama sekali. Mereka sudah tutup fikiran. Mereka tidak boleh menerima. Kita sebenarnya menghadapi 500 robot yang diajar supaya ketawa dan bersorak kalau orang yang memberi pendapatnya itu berlainan dan kalau orang memuji mereka, maka kita dengarlah tepuk sorak yang gemuruh kerana tidak ada satu yang menyukakan hati mereka selain daripada dipuji. Kalau saya pergi di sana untuk memuji penuntut, saya mungkin menjadi seorang yang popular, tetapi malangnya saya lebih mengutamakan kebenaran daripada popularity dan dengan sebab itu saya tidaklah berkata benda yang tidak benar semata-mata untuk mengekalkan popularity saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan khuatir tentang perkara ini. Satu daripada perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan perkara ini juga ialah berkenaan dengan pembentukan akhlak mereka di dalam universiti-universiti. Saya percaya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah semalam iaitu apabila penuntut-penuntut sudah sampai ke universiti mereka agak merupakan buluh yang sudah keras yang tidak mudah dibentuk dan bukan seperti rebong lagi. Sebenarnya di peringkat sekolah-sekolah juga saya memberi pengakuan kepada Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah bahawa kita cuba membentuk peribadi mereka supaya mereka mengadakan akhlak yang lebih baik melalui ajaran-ajaran agama. Di peringkat universiti juga kita akan

cuba mengadakan ajaran-ajaran agama dan sebenarnya di I.T.K. memanglah menjadi satu mata-pelajaran yang wajib iaitu pelajaran agama supaya dapat kita membentuk peribadi mereka ini. Tetapi apabila kita sebutkan bahawa pelajaran dan ajaran agama boleh membentuk peribadi yang baik kita berpendapat bahawa pelajaran agama yang akan disampaikan ialah pelajaran agama seperti yang kita faham. Bagi agama yang kita faham baik, ada orang-orang yang berpendapat bahawa agama merupakan satu kuasa untuk membentuk fikiran manusia dan kalau mereka itu percaya kepada satu agama, kita boleh menggunakan kepercayaan itu untuk kepentingan kita, sebab itulah pihak kominis pun menggunakan nama Allah untuk menarik sokongan. Dan tidak kurang di dalam universiti ada pihak-pihak yang menggunakan agama untuk menguasai fikiran penuntut-penuntut. Mereka menggunakan agama, sebab itu mereka mengadakan kuliah-kuliah subuh dengan alasan bahawa ini adalah sebahagian daripada pelajaran akhlak, pelajaran agama yang boleh membentuk akhlak yang baik.

Di dalam kuliah subuh ini, saya berasa sedih menerangkan di dalam Dewan ini apa yang dilakukan adalah selepas sembahyang subuh bukan mereka membaca doa, dan memuji dan meminta kepada kebaikan, tetapi sebaliknya selepas sembahyang subuh, syarahan dibuat yang mana syarahan ini merupakan perkataan mengumpat, mengata dan membangkitkan perasaan hasad dengki bukan kepada orang kominis tetapi kepada orang Islam sendiri. Dikatakan orang Islam yang lain terlibat di dalam berbagai-bagai jenayah sehingga orang Islam yang lain nampak kepada penuntut-penuntut ini seolah-oleh mereka itu adalah orang yang cukup buruk sekali.

Saya sendiri telah mengalami perkara ini dan saya ingin, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, menceritakan sedikit iaitu sebelum saya menjadi Menteri, saya menjadi doktor yang memeriksa beberapa orang penuntut daripada Kedah untuk diberi Medical Certificate dan di waktu pemeriksaan itu saya biasa berbual-bual dengan mereka dan bercakap baik dengan mereka dan mereka dengan gembira mendengar bahawa mereka telah lulus dan akan pergi ke universiti. Begitu sekali suka mereka kerana mereka terpilih daripada orang-orang yang lain. Mereka begitu seronok kerana dapat masuk ke

universiti. Dua minggu lepas itu, selepas di-kuliah subuhkan oleh golongan penuntut dan apabila saya berjumpa pula dengan penuntut-penuntut itu sendiri mereka tidak tegur lagi. Saya dijadikan seorang yang rupa buruk sekali, kerana saya adalah orang yang menyokong Kerajaan. Jadi inilah kesan kuliah subuh yang dijalankan oleh mereka. Saya mencegah perbuatan ini sekarang oleh kerana saya kurang yakin bahawa kuliah subuh ini mendatangkan faedah. Dan kalau kita hendak adakan pelajaran agama, kita mesti awasi tentang siapakah yang akan memberi pelajaran agama ini kerana saya terpaksa menerangkan di sini di antara orang-orang yang masuk tahanan di bawah ISA di dalam tunjuk perasaan baharu-baharu ini termasuklah dua pensyarah agama daripada sebuah Institusi Pelajaran Tinggi. Saya percaya bahawa pelajaran agama boleh membentuk akhlak yang baik. Kita mesti memilih siapa yang akan menyampaikan pelajaran agama ini.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad samada tatatertib ini termasuk perkara-perkara seperti menghisap dadah dan sebagainya, perkara bentuk atau aturan peraturan tatatertib ini akan dibuat oleh Majlis Universiti-universiti dan saya percaya bahawa mereka akan menitikberatkan perkara ini.

Berkenaan dengan risalah yang dikatakan telah dibakar, sebenarnya risalah ini diharamkan oleh pihak Kerajaan, tetapi malangnya ianya keluar sebelum pihak Kerajaan sedar dan telah diedarkan di seluruh negara, tetapi sekarang ini sudah pun ditarik balik.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Rahim bin Manan telah menyebutkan tentang pemimpin-pemimpin sekolah atap yang telah berjasa dahulu merebutkan kemerdekaan dan memberi peluang begitu banyak tempat-tempat untuk penuntut-penuntut kita belajar, saya tidaklah mahu berkata apa-apa selain daripada menyebut satu pendapat bukan daripada penuntut, tetapi daripada seorang pensyarah yang mengambil bahagian dalam forum yang sama yang saya hadir empat hari sebelum tunjuk perasaan diadakan dan pensyarah itu telah berkata bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat—saya percaya termasuk juga Dewan Negara ini, adalah otak tidak bersekolah. Jadi tidak ada hak

sama sekali dan tidak pernah pergi ke universiti dan tidak ada hak membuat teguran tentang kegiatan di dalam universiti (*disambut dengan tepuk sorak.*)

Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad telah membangkitkan tentang seksyen 15 (d) (1) mengenai perbuatan jenayah oleh penuntut-penuntut yang mana mungkin mereka akan diberhentikan menjadi penuntut kalau terlibat di dalam jenayah yang ringan yang tidak kena-mengena dengan undang-undang ini. Berkenaan dengan perkara ini pihak Menteri boleh memberi kuasa kepada Naib Canselar untuk mengecualikan beberapa perbuatan jenayah mengikut pertimbangan pada kes masing-masing.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr C. Sinnadurai tentang lantikan Dekan yang mana ianya khuatir bahawa perantikan Dekan mengikut cara-cara baru. Ini mungkin akan menimbulkan beberapa masalah. Saya suka menerangkan tentang perantikan Dekan ini. Mengikut sistem lama, Dekan dipilih oleh pensyarah-pensyarah dan professor-professor di dalam satu fakulti. Pada tiap-tiap kali diadakan pilihan ianya sama juga dengan pilihanraya. Seolah-olah ada dua tiga buah parti politik di dalam fakulti-fakulti dan ada pihak yang menyebelahi seorang calon dan ada pula yang menyebelahi calon yang lain. Siapa juga dilantik maka separuh daripada pensyarah-pensyarah itu tidak menyokong kerana ianya menyokong calon yang lain dan keadaan ini dianggap tidak sihat. Sebenarnya, banyak politik berlaku di dalam pemilihan Dekan-dekan ini sehingga risalah-risalah juga dikeluarkan daripada universiti berkenaan dengan pilihanraya Dekan-dekan yang mana di dalam risalah-risalah ini disebut, ada calon-calon yang tidak begitu sopan kelakuannya seumpama membawa gadis dalam bilik dan sebagainya. Perkara seumpama ini tidaklah baik kalau didapati di dalam universiti. Risalah yang seperti ini boleh dikeluarkan oleh yang tidak ada pelajaran, tetapi kalau dikeluarkan oleh pensyarah-pensyarah, saya fikir masanya telah tiba yang kita patut mengubah sistem ini dan memberi kuasa kepada Vice-Cancellor, kita bolehlah mengelak politik di dalam fakulti yang cukup tidak sihat dan yang memecah-belahkan kakitangan akademik yang ada di dalam universiti.

Berkenaan dengan teguran Senator Puan Zawiyah binti Abdullah bahawa kita patut menempatkan Pusat-pusat Pengajian Tinggi ini jauh daripada Kuala Lumpur, kita akan cuba. Sebenarnya Universiti Kebangsaan Malaysia akan dipindahkan ke Bangi dan Institiut Teknologi Kebangsaan pula akan ditempatkan di Johor Bahru. Kalau ada ditubuhkan universiti-universiti yang lain, ianya tidak akan ditempatkan di Kuala Lumpur.

Akhir sekali, saya ingin menyebutkan tentang teguran yang dibangkitkan oleh Senator Kamarul Ariffin, iaitu tentang undang-undang yang menekan badan-badan yang luar daripada universiti yang mana ahli-ahlinya mungkin terdiri dari mahasiswa-mahasiswa yang mana pemimpin persatuan sendiri mungkin tidak tahu. Pihak Kerajaan tidaklah ingin menindas badan-badan ini dengan begitu mudah. Kita akan membuat pertimbangan yang sewajarnya dan kalau ada sebab-sebab mengapa mereka boleh dibenarkan mengambil penuntut-penuntut sebagai ahli, kita akan benarkan dan jikalau kita terpaksa menghentikan sekalipun, kita tidak akan melakukan perbuatan yang kejam. (*Tepuk.*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita terpaksa menyelesaikan 14 lagi Rang Undang-undang pada siang mesyuarat hari ini. Kita harap akan dapat menangguhkan mesyuarat pada kira-kira pukul 9.30 malam. Ini bermakna kita ada 5 jam, iaitu 300 minit untuk

menghabiskan kesemua 14 Rang Undang-undang ini. Jika dikira, kita ada lebih kurang 22 minit bagi tiap-tiap satu Rang Undang-undang. Oleh yang demikian, saya suka merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membincangkan butir-butir yang hendak dinyatakan dengan seberapa ringkas.

RANG UNDANG-UNDANG UNDANG-UNDANG SIVIL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Undang-undang Sivil (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Undang-undang Sivil, 1956 di bawah Undang-undang yang sedia ada itu sebagaimana dalam Huraian kepada Rang Undang-undang di hadapan Yang Berhormat sekarang. Mahkamah apabila mentaksir ganti rosak yang boleh dituntut akibat kematian tidak boleh mengambil kira:

- (a) apa-apa jumlah wang yang telah dibayar atau yang kena dibayar atau kematian si mati di bawah apa-apa kontrak assurance atau insurance sama ada dibuat sebelum atau selepas mula berkuatkuasa Akta ini;
- (b) apa-apa jumlah wang yang kena dibayar akibat kematian di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (c) apa-apa jumlah wang atau ganjaran yang telah atau akan atau mungkin dibayar akibat kematian.

Fasal 2 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mahkamah tidak juga boleh mengambil kira.

- (d) apa-apa jumlah wang yang telah atau akan, atau mungkin dibayar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pembayaran apa-apa jua faedah atau pampasan berkenaan dengan kematian.

Fasal 3 bertujuan untuk memperuntukkan supaya mahkamah berbuat demikian juga apabila mentaksirkan ganti rosak yang boleh

dituntut berkenaan dengan bencana diri yang tidak mengakibatkan kematian. Fasal ini dipinda dengan memasukkan seksyen baru 28A selepas sahaja Seksyen 28.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG WANG YANG TAK DITUNTUT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bertajuk "Suatu Akta Untuk Meminda Akta Wang Yang Tidak Dituntut, 1965" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini menyatakan yang tarikh berkuatkuasa Akta ini ialah pada 1hb Jun, 1975. Ia membenarkan Pendaftaran Wang Yang Tak Dituntut untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat kesalahan di bawah Akta Wang Yang Tak Dituntut, 1965 dengan tidak mengadakan pembicaraan di mahkamah. Ia juga membenarkan Menteri Kewangan melantik satu atau lebih Timbalan Pendaftaran dan Penolong Pendaftaran Wang Tak Dituntut.

Pindaan-pindaan tersebut adalah difikir perlu untuk menguatkuasakan Akta ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia

maklum, Akta ini telah diluluskan beberapa waktu yang lalu, tetapi belum lagi dikuatkuasakan. Ini ialah oleh kerana masaalah-masaalah pentadbiran dan teknikal, yang sekarang telahpun diselesaikan. Akta ini akan mula berkuatkuasa pada 1hb Jun, 1975. Bermula dari tarikh tersebut, wang-wang yang tak dituntut, yang ditafsirkan sebagai wang di mana urusan niaga tidak dibuat pada 15 tahun terakhir di mahkamah-mahkamah, dan pada 7 tahun terakhir di syarikat-syarikat dan firma-firma, akan diambilalih oleh Kerajaan yang kemudiannya akan menetapkan bagaimanakah wang ini patut dikendalikan mengikut kehendak Akta ini. Kerajaan akan menjamin yang mana-mana tuntutan yang benar terhadap wang-wang tersebut akan dipulangkan balik dari Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Seksyen 2 (a) Rang Undang-undang tersebut menetapkan fungsi-fungsi Pendaftar dan Timbalan Pendaftar. Saya sedang melantik Akauntan Negara sebagai Pendaftar, dan Pendaftar Syarikat sebagai Timbalan Pendaftar. Dalam menjalankan fungsi-fungsinya, Pendaftar Wang Yang Tak Dituntut dibenarkan memanjangkan kuasa-kuasanya kepada Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar, dan ini akan dapat melicinkan kerja sehari-hari.

Seksyen 2 (b) memberi kuasa kepada Pendaftar untuk menentukan samada setengah-setengah kesalahan boleh dikompaunkan dengan membayar denda dengan tidak dikehendaki mengadakan urusan panjang di Mahkamah. Ini akan menyelamatkan masa Pendaftar dan mereka yang membuat kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang bertajuk "Satu Akta Meminda Ordinan Bank Pusat Malaysia, 1958" dibacakan bagi kali yang kedua.

Satu kajian Ordinan Bank Pusat Malaysia, 1958, telah dibuat sebagai satu cara Kerajaan dapat menentukan yang kehendak-kehendak Ordinan tersebut tidak ketinggalan oleh perkembangan sekarang. Kajian ini telah menghasilkan beberapa cadangan, iaitu sebagai kehendak baru atau pindaan kepada seksyen yang ada di dalam Ordinan itu. Setengahnya melibatkan perkara dasar, dan yang lain melibatkan perkara pentadbiran sahaja. Rang Undang-undang yang telah digubal bertujuan meluaskan lagi bidang operasi Bank Negara memandangkan kedudukan ekonomi sekarang.

Fasal 3 membenarkan Bank Negara mengeluarkan, dengan persetujuan Menteri Kewangan, surat-surat jaminannya sendiri sebagai sebahagian dari operasi pasaran terbuka. Operasi tersebut iaitu pembelian dan penjualan surat jaminan Kerajaan di pasaran terbuka akan merupakan satu alat yang berkesan untuk mempengaruhi keadaan kecairan pasaran. Operasi ini dijalankan oleh Bank Pusat beberapa negeri dan telahpun dicadangkan kepada Bank Negara oleh Tabung Matawang Antarabangsa.

Fasal 3 juga membenarkan Bank Negara memindahkan jumlah wang yang dipegang sebagai cadangan berkanun kepada Tabung Pelaburan Khas untuk membiayai projek-projek tertentu yang sepenuhnya atau sebahagiannya dibiayai oleh sektor awam, untuk memajukan pembangunan. Jumlah maksima yang boleh dipindahkan tidak akan melebihi Kumpulan Wang Cadangan Am Bank Negara yang pada waktu ini berjumlah

\$161 juta. Penggunaan wang ini untuk tujuan pembangunan yang tertentu adalah masuk dalam tujuan am Bank Negara dan menolong Kerajaan dalam rancangan pembangunan keseluruhannya. Pelaburan oleh Bank Negara boleh jadi dalam bentuk pinjaman dan akan diarahkan untuk projek-projek utama sektor awam.

Fasal 3 seterusnya menetapkan jumlah yang dilaburkan oleh Bank Negara di dalam saham perbadanan yang ditubuhkan atau dipersetujui oleh Kerajaan untuk memajukan pasaran kewangan atau sekuriti atau membiayai pembangunan ekonomi, dinaikkan dari 30% kepada 50% Kumpulan Wang Cadangan Am. Oleh kerana Bank Negara sekarang dikehendaki memainkan peranan yang lebih besar dan lebih tegas di dalam pembangunan ekonomi negara, kenaikan kadar ini adalah menasabah.

Fasal 3 juga membenarkan Bank Negara menubuhkan satu biro kredit untuk menyebarkan maklumat peminjam bank, syarikat meminjam dan lain-lain institusi kewangan. Satu daripada kelemahan bank-bank dan institusi kewangan yang lain pada waktu ini ialah mereka tidak ada maklumat kredit yang cukup mengenai peminjam mereka dan maklumat seperti ini adalah satu dasar yang penting untuk membuat keputusan pinjaman yang tegas. Maklumat ini akan disifatkan sebagai sulit oleh biro tersebut serta juga oleh bank-bank dan lain-lain institusi kewangan.

Pindaan lain dan seksyen baru yang dicadangkan akan mengemaskan lagi operasi Bank Negara. Pindaan di Fasal 2 melarang pengeluaran rupa bentuk wang kertas Malaysia, serta juga duit syiling, dengan tidak mendapat izin terlebih dahulunya dari Bank Negara.

Fasal 3 memperuntukkan yang Bank Negara dibenarkan untuk mendiskaun semula bil-bil pertukaran bukan sahaja untuk pemarkaran hasil-hasil tanaman, tetapi juga untuk pemarkaran lain-lain barang utama Malaysia sebagai getah dan bijeh timah.

Fasal 5 memperuntukkan yang tafsiran tanggungan untuk mengira cadangan berkanan oleh bank-bank perdagangan di Bank Negara, iaitu sebahagian dari "simpanan semasa, simpanan tabungan, simpanan tetap dan lain-lain tanggungan simpanan" dipinda supaya dimasukkan lain-lain tanggungan tertentu seperti yang ditetapkan oleh

Menteri Kewangan. Ini akan menjamin dasar yang lebih adil untuk menetapkan paras cadangan yang dipegang di Bank Negara.

Fasal 6 menghapuskan peruntukan yang Bank Negara dikecualikan dari membayar cukai setem di Singapura. Kehendak ini telah dimasukkan bila Singapura ialah sebahagian dari Malaysia dan oleh kerana itu tidaklah boleh digunakan sekarang.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat tahu, tujuan utama Bank Negara ialah:

- (a) untuk mengeluarkan matawang di Persekutuan dan mengadakan cadangan untuk menjaga harga matawang tersebut;
- (b) menjadi banker dan penasihat kewangan kepada Kerajaan;
- (c) untuk mendatangkan kestabilan matawang dan struktur kewangan yang teguh; dan
- (d) untuk mempengaruhi keadaan kredit untuk mendatangkan faedah bagi Persekutuan.

Tujuan-tujuan ini dikehendaki dicapai mengikut garisan yang ditetapkan oleh Ordinan tersebut. Oleh kerana tanggungjawab dan aktiviti Bank Negara terpaksa diluaskan memandangkan keadaan yang bertukar supaya ianya sentiasa menjadi institusi yang dinamis dan berpandangan jauh. Pindaan-pindaan yang dicadangkan bertujuan mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.35 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kepada Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958, dan saya suka memulakan dengan mengucapkan tahniah kepada Bank Negara kerana Bank itu telah dapat berkembang dengan baik dari semasa ke semasa. Saya hendak menyentuh sedikit beberapa peruntukan di dalam Undang-undang ini.

Pertamanya, di bawah Fasal 3 (1) (a) berkenaan dengan tambahan satu perenggan baru iaitu perenggan (bb). Kalau tidak salah

saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan ini dibuat atas nasihat daripada Tabung Wang Antarabangsa (I.M.F.). Saya tidak hendak marahkan daripada nasihat yang diberi oleh Tabung Wang Antarabangsa tetapi rasa saya barangkali kedudukan Bank Negara ini ialah sebuah badan Kerajaan dan dipunyai oleh Kerajaan. Rasa saya kalau kita menyatakan secara terbuka yang kita menerima nasihat ini daripada sebuah badan luar nampaknya kita seolah-olah merendahkan sedikit darjah kita atau dengan erti kata yang lain kita mengurangkan sovereignty kita. Saya rasa Kerajaan ataupun badan-badan yang dipunyai oleh Kerajaan tidaklah patut mengakui kepada dunia luar yang ia menerima arahan ataupun nasihat daripada luar, sungguhpun tujuannya baik. Saya terima atas tujuannya atau tugas-tugas yang patut diberi kepada Bank Negara.

Satu lagi pertanyaan yang saya hendak kemukakan ialah berkenaan dengan Fasal 3 (1) (c) iaitu dengan bertambah perenggan baru (ffff) iaitu mengujudkan satu Special Investment Fund. Sungguhpun tujuan mengadakan Special Investment Fund ini baik tetapi saya khawatir samada ini patut dijalankan oleh sebuah Bank Negara ataupun Central Bank. Kerana nampaknya di bawah tujuan Special Investment Fund ini ialah untuk membolehkan Kerajaan menggunakan wang yang berlebihan itu untuk pelaburan (development purposes). Jadi saya rasa kita telah mempunyai beberapa bank pembangunan umpamanya Bank Pembangunan Malaysia yang dimiliki oleh Bank Bumiputra dan juga dimiliki oleh Kerajaan. Ini membuatkan tugas-tugas atau kerja-kerja pembangunan. Begitu juga kita mempunyai badan-badan di negara kita ini yang dikuasai oleh Kerajaan umpamanya M.I.D.F. yang juga membuat tugas-tugas pembangunan. Jadi saya tidak tahulah samada ini satu perkara yang patut dijalankan oleh satu-satu Central Bank ataupun Bank Negara. Saya tidak tahu samada Bank of England atau Federal Reserve Bank of Amerika Syarikat ataupun Bank of Japan ataupun Bundesbank di German dan Central Banks yang lain pun membuat perkara yang seperti ini. Saya rasa tugas Bank Negara sepatutnya ialah untuk menjaga sebagai yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, menjaga matawang negara terutama sekali apabila kita berhubung dengan negara-negara lain. Tetapi kalau tugas Bank Negara ini juga termasuk

untuk menjalankan pelaburan dari segi pembangunan, sungguhpun pelaburan itu baik, saya rasa bukan kena pada tempatnya. Tetapi bagaimanapun saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada ini lazim dijalankan oleh mana-mana Central Banks. Kalau lazim dijalankan, tidak mengapa, tetapi saya rasa itu tidak lazim dijalankan, kerana ada bank-bank yang khusus ditubuhkan untuk menjalankan pelaburan seperti yang dimaksudkan di bawah perenggan ini.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah setahu saya Bank Negara mengawasi bank-bank perdagangan atau commercial banks yang ada di negeri kita ini. Undang-undang Bank Negara telah dikuatkuasakan pada tahun 1958. Salah satu daripada tugas Bank Negara ialah supaya membenarkan lesen bagi bank-bank perdagangan dijalankan. Kita sudah banyak mempunyai bank-bank perdagangan di negara kita, tetapi saya suka bertanya setakat ini berapakah bank-bank perdagangan yang sebenar-benarnya dimiliki atau dikuasai oleh warganegara? Tidak usah kirakan bumiputrynya, warganegara sahaja.

Saya sedar ada beberapa buah bank yang ditubuhkan di negara kita ini tetapi bank itu tidak dikuasai oleh warganegara. Maknanya modal terbanyaknya dipunyai oleh bukan warganegara. Jikalau perkara ini berkekalan, saya tidak tahu bila kita boleh mengimbangkan kedudukan ekonomi baru kita dari segi banking.

Saya harap pihak Kerajaan dan juga pihak Bank Negara akan mengambil perhatian dari segi ini, kerana bank serupa juga dengan insuran adalah satu institusi yang penting di dalam mana-mana negara dan jikalau bank-bank kita ini dikontrol atau dikuasai oleh bukan warganegara, bukan Kerajaan Malaysia sendiri, saya tidak tahu apa akan jadi pada negara kita di masa hadapan, kerana kita sedia maklum jika kita hendak maju di dalam bidang perindustrian, commerce, atau apa bidang sekali pun tidak boleh tidak kita ada kaitan dengan bank. Dan jikalau kita tidak ada jagaan yang rapi terhadap bank-bank bukan sahaja bank yang kita punya tetapi bank orang lain yang ada bergerak di dalam negara kita ini mungkin susah kita hendak mencapai tujuan-tujuan kita. Jadi dari segi ini, saya harap pihak Kerajaan memandang berat sedikit terhadap kegiatan

bank-bank asing atau bank-bank tempatan yang dikuasai oleh bukan warganegara.

Sekianlah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

4.44 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 4.44 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.05 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini dan oleh kerana hendak meningkatkan masa saya tak hendak bercakap panjang.

Saya hendak menyentuh berkenaan Bank Negara ini yang mengawal segala-gala bank. Bank adalah menentukan satu-satu bangsa itu boleh maju atau tidak. Bagi bumiputra bank adalah mustahak oleh kerana sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan tidak ada satu bank pun yang dipunyai oleh bumiputra. 4-5 tahun yang lalu Kerajaan telah menubuhkan sebuah bank yang dinamakan Bank Bumiputra di mana bumiputra boleh dapat meminjamnya, tetapi satu masa yang lalu apabila Bank Bumiputra ini telah ditubuhkan maka syarat-syarat Bank Bumiputra untuk meminjamkan duit kepada bumiputra terangat-angat ketat. Oleh kerana dengan syarat-syarat yang tertentu, dengan adanya tanah jadi guarantee dan juga yang lain-lainnya dikedatkan oleh kerana dikatakan oleh Pengarah Bank Bumiputra pada masa itu bahawa bank ini adalah serupa dengan lain-lain bank, cuma nama sahaja Bank Bumiputra, tetapi pinjaman duit adalah serupa—ada guarantee boleh, kalau tidak ada, tidak boleh, jadi telah menyeleweng daripada tujuan yang asalnya. Dengan sebab

itu, pada hari ini oleh kerana desakan-desakan, mudah-mudahan dapat kekenyamanan sedikit tentang syarat-syarat yang dikenakan kepada peminjam.

Saya mengatakan begini oleh kerana baru-baru ini ada rancangan C.G.C. bagi menggalakkan bumiputra di dalam dunia perniagaan dan perusahaan pada satu hari yang akan datang akan menseimbangkan iktisad bumiputra dengan yang bukan bumiputra, maka Kerajaan, Bank Negara mengarahkan tiap-tiap bank di Malaysia ini membolehkan bumiputra meminjam \$30,000 ke bawah dengan tidak ada jaminan, asalkan ada working paper dan boleh berjaya, maka bank-bank ini boleh meminjamkan kepada bumiputra. Arahan-arahan ini dikeluarkan oleh Kerajaan, terutama sekali daripada Bank Negara tetapi ada bank yang menurut arahan, ada bank langsung tidak mahu menurut arahan daripada Bank Negara ini. Ada di antara bank ini pula membuat satu borang dan borang ini diberi kepada bumiputra yang hendak meminjam, borang ini serupa juga macam dahulu: tanya nama dia, tanya apa yang hendak dibuatnya dan dua orang penjamin. Jadi kalau berkehendakkan jaminan dua orang, siapakah yang hendak menjaminnya? Dengan sebab itu nanti mereka datang kepada wakil-wakil rakyat. Dengan borang-borang ini cuba juga minta sains daripada wakil-wakil rakyat. Wakil-wakil rakyat terpaksa menyain borang-borang ini, dihantar kepada bank supaya bank dapat meminjamkan wang kepada bumiputra.

Dengan ini maka payahlah bumiputra-bumiputra untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman. Jikalau sekiranya perkara ini tidak benar difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri, pada satu hari nanti saya akan bawa borang ini dan akan saya tunjukkan bagaimana bank-bank ini buat satu jalan yang lain supaya menyusahkan bagi bumiputra untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman.

Selain daripada itu arahan-arahan juga daripada Bank Negara supaya mengambil sebarang banyak yang boleh bumiputra-bumiputra bekerja sambil belajar di dalam bank-bank yang bukan bumiputra. Tetapi berapa bank yang bukan bumiputra telah mengikut arahan daripada Bank Negara ini? Pada masa dahulu saya telah bercakap juga

iaitu bank-bank ini dahulu mengambil bumi-putra bekerja di bank-bank ini sebagai jaga, office boy atau peon, kerani tidak akan ada! Yang menjadi jaga itu pun orang yang telah menjaga negeri kita ini di waktu dharurat dahulu, yang telah mengorbankan nyawa mereka mempertahankan negeri ini daripada pegganas-peggnas komunis. Kalau misalnya pegganas-peggnas komunis atau komunis dapat memerintah negeri ini, harta mereka akan habis, sebagaimana akan jadi kepada Kemboja dan Vietnam. Tetapi hari ini bekerja dengan mendapat \$120 sebulan sebagai pak pacak memegang senjata. Inilah gunanya bumiputra di dalam dunia banking.

Jadi dengan sebab itu diharap sangatlah kepada pihak Bank Negara memerhatikan dengan betul-betul iaitu polisi Kerajaan, arahan Kerajaan kepada bank-bank lain supaya dasar itu dituruti oleh mereka. Sebab saya katakan begitu, sebagaimana saudara saya Senator Kamarul Ariffin menyatakan tadi memang banyak, memang betul, berapa orang warganegara negeri ini yang mempunyai bank-bank, melainkan orang-orang yang kebanyakannya daripada Singapura. Apabila negeri ini telah merdeka, apabila Kerajaan kita mengatakan: Kalau misalnya bank ini tidak boleh menubuhkan branches-nya di seluruh tanahair kita, maka di situ di-registerkan bank-bank ini di negeri ini. Tetapi berapa banyakkah directornya daripada orang Singapura? Berapa banyak orang Malaysia? Saya tengok baru-baru ini dalam suratkhbar menyiarkan Overseas Chinese Bank mempunyai beberapa banyak orang Singapura dan ada satu dua orang Melayu barangkali diambil bekerja di situ untuk dijadikan perkakas. Ini adalah perkara penting, oleh sebab saya kata penting, di dalam tempoh 14 tahun akan datang, kita sama-sama hendak melihat dasar Kerajaan bahawa 30 peratus daripada iktisad negeri ini akan dipegang oleh bumiputra, 40 peratus dipunyai oleh bukan bumiputra dan 30 peratus akan dipunyai oleh orang lain yang bukan orang Malaysia. Dan bank adalah satu-satu perkara yang cukup mustahak dan Kerajaan jangan ragu-ragu lagi untuk bertindak dengan seberapa cepat yang boleh kerana di situlah nampaknya tempat wang yang disimpan di mana bumiputra dapat menjalankan perniagaan mereka.

Baru-baru ini ada statement dalam suratkhbar yang menyatakan bahawa bermelion-melion ringgit bumiputra telah dapat pin-

jaman. Samada benar atau tidak, tidak pedulilah. Apabila kita tengok suratkhbar, kita sudah berasa megah. Tetapi siapa dia bumiputra ini? Berapa orang bumiputra ini yang telah dapat? Ini juga mesti ditengokkan dan kita terus tengokkan oleh kerana rakyat telah sedar pada hari ini, oleh kerana kita jangan dijadikan perkakas lagi. Dikatakan bumiputra, tetapi siapa dia? Balik-balik bumiputra itu sahaja yang meminjam dan terus meminjam. Balik-balik bumiputra itu terus kaya dan terus kaya, bumiputra lain juga telah memperjuangkan kemerdekaan tanahairnya dan mereka juga berkehendakkan peluang-peluang yang diberi oleh Kerajaan bukan yang beratus melion ringgit yang ditunjukkan oleh Kerajaan tetapi yang tidak empat orang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi juga di dalam masa soal jawab (oral question) ditimbulkan perkara M.I.S.C. Pada masa soal jawab tadi tidak dapat dipanjangkan, tidak dapat saya mengeluarkan buah fikiran saya. Oleh kerana ini adalah soal banking dan bank guarantee, maka di sini saya hendak keluaran sedikit sebanyak bagaimana pemikiran saya dan jikalau betul, benar dan sihat, eloklah. Tetapi jikalau tidak, apa boleh buat. Saya memang bersetuju sangat jikalau M.I.S.C. dipunyai 100 peratus, benar ini bagus. Bukan sahaja 100 peratus Kerajaan mesti gerenti loan untuk membuat kapal dan sebagainya daripada seberang laut tetapi 1,000 peratus pun tidak mengapa. Dan yang anih dan mendukacitakan sekali, yang meragukan sekali, mengapa kita hendakkan gerenti? Kalau ada 10 peratus, tidak payah 30 peratus, yang bukan warganegara yang ada saham-sahamnya di dalam Malaysia International Shipping Corporation yang Kerajaan Malaysia pula mesti gerenti, bukankah ini anih? Kata orang Putih "strange".

Saya mengesyorkan iaitu jika Kerajaan gerenti 70% yang 30% Kerajaan mesti ada-kan agreement di antara Kerajaan dengan swasta ini dan mesti ada gerenti. Sekiranya \$100 juta Kerajaan gerenti dan buat satu agreement dibuat dan 30% mestilah tanggungjawab swasta dan juga di atas itu dihendaki juga gerenti bank. Kalau begitu bolehlah dimaafkan. Kalau tidak saya rasa sedeh sedikit kerana Kerajaan tidak patut sangat megerenti betul-betul dan bulat-bulat yang bukan dipunyai oleh Kerajaan. Sungguhpun nama Malaysian International

Shipping Corporation. Saya tahu siapa ada di dalamnya tetapi saya tidak hendak keluaran siapa dia.

Oleh kerana hendak menjimatkan masa dan oleh kerana Rang Undang-undang ini sangat mustahak saya memang menyokong 100% Rang Undang-undang ini.

5.23 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit di dalam memberi ulasan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Saya memberikan sokongan Rang Undang-undang ini, sebab tujuan Rang Undang-undang ini akan memberikan faedah kepada rakyat dan negara. Walau bagaimanapun, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sejauh mana kemerosotan ekonomi negara kita yang menjunam sehingga bank antarabangsa khuatir dan tidak berani meminjamkan wang begitu banyak. Dengan sebab kemerosotan ekonomi inilah terpaksa bank ini mengambil pegawai yang tinggi iaitu Dr Arshad Ayub menjadi Timbalan Gabenor pada hal beliau itu sangat penting kepada pelajar-pelajar kita di I.T.M.

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa di antara tujuan Bank Negara ini mengeluarkan mata wang. Oleh sebab kesulitan yang dihadapi oleh rakyat berhubung dengan pengedaran wang syiling di tangan orang ramai di negeri ini, walaupun tindakan-tindakan ini diusahakan oleh Bank Negara, kita sangat puji, tetapi ada juga sungutan-sungutan kesulitan yang dihadapi. Saya hendak tahu setakat mana dibolehkan supaya wang syiling itu ditukarkan wang kertas, dan dapatkah seperti mana keadaan sekarang emas yang bernilai \$500 dan \$1,000 tidak seperti mana keadaan sekarang dengan wang kertas.

Selain daripada itu, saya mengharapkan Bank ini supaya memerhatikan dengan cermat segala pembayaran-pembayaran yang hendak diluluskan dalam satu-satu projek pembangunan dan juga mana-mana perbadanan-perbadanan yang betul-betul boleh menunjukkan berekonomik. Saya harap Bank ini menggerakkan Jabatan-jabatan yang ada kaitannya dengan hasil negara supaya jangan Jabatan-jabatan itu

cuai. Jika tidak, boleh jadi dengan keadaan itu hasil kita akan merosot. Satu perkara yang saya patut contohkan ialah Jabatan Kastam. Saya memberikan kepujian Jabatan Kastam baharu-baharu ini telah berjaya menumpas.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, Rang Undang-undang ini berkenaan dengan Bank Negara, bukan berkaitan Jabatan Kastam.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir bila saya sebutkan Jabatan Kastam ada kaitan dengan Bank Negara. Apa yang saya hendak nyatakan jasa Jabatan Kastam di bawah Kementerian Kewangan ini juga iaitu syndicate penyeludupan antarabangsa telah wujud berpusat di Kuala Lumpur dan telah menangkap jutawan-jutawannya dan barang-barang seludupannya. Sejak tubuhnya syndicate ini Bank Negara kita telah mempunyai kerugian sebanyak tidak kurang daripada \$4 juta dengan sebab syndicate ini melarikan cukai. Dengan keadaan semacam ini saya fikir patut benar pihak yang berkenaan memikirkan Jabatan-jabatan lain supaya mengambil usaha yang tegas.

Tuan Yang di-Pertua, berapa besar sumbangan yang diberikan oleh pertubuhan bank dan syarikat-syarikat perniagaan kewangan untuk membantu Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru? Memang tidak dinafikan ada di antara bank-bank yang telah mengeluarkan wang pinjaman kepada perniaga-perniaga bumiputra, tetapi jumlah pinjaman dan jumlah mereka mendapat pinjaman itu masih terbatas. Beberapa buah syarikat kereta yang dikendalikan oleh bumiputra bersungut kerana sukar mendapatkan sokongan daripada syarikat kewangan yang bukan dimiliki oleh bumiputra.

Sekianlah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

5.27 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini dan suka saya memberi sedikit-sebanyak pendapat dalam masaalah Bill ini.

Saya menyokong rakan saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dalam tegurannya berkenaan dengan ada fasal

dalam Rang Undang-undang ini untuk membenarkan Bank Negara mengadakan satu peruntukan pelaburan bagi projek-projek pembangunan, kerana kita sudah menubuhkan Bank Pembangunan di dalam negara kita ini. Kita sudah ada sebuah bank dan Bank Pembangunan ini telah ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri cuma Bank Pembangunan ini ditubuhkan dengan diberikan modal yang sedikit. Jadi, saya tidak faham adakah timbul satu was-was ataupun timbul perasaan tidak percaya daripada pihak Kerajaan ataupun daripada pihak Treasury ataupun daripada pihak Bank Negara terhadap penubuhan Bank Pembangunan ini. Adakah Bank Pembangunan yang ditubuhkan oleh Kerajaan dengan arahan Perdana Menteri itu tidak dapat menjalankan kerja dalam kerja-kerja pembangunan negara kita ini. Kalau sekiranya bank ini difikirkan tidak boleh dapat menjalankan kerjanya, dan tidak boleh dipercayai dalam kecakapan menjalankan kerjanya, saya rasa lebih baik kita bubarkan sahaja dan kita jadikan Bank Negara ini satu bank yang bertanggungjawab penuh dalam melapurkan wang Kerajaan kepada projek-projek pembangunan kita yang ada pada masa ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada gunanya bagi kita menubuhkan berbagai-bagai badan dengan tidak memberikan full authority, dengan tidak memberi modal yang cukup dan dengan tidak memberi sokongan yang penuh kepada badan-badan yang kita tubuhkan ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dengan cara-cara yang berkesan.

Umpamanya, kalau kita tubuhkan Perbadanan UDA, kalau kita tidak beri modal yang cukup, kita tidak beri kemudahan-kemudahan yang cukup, maka sudah tentu badan seperti UDA yang memegang tanggungjawab bagi membangunkan perbandaran yang ada di seluruh negara kita ini tidak akan dapat menjalankan kerjanya dengan cekap dan sempurna. Saya rasa kalau Bank Negara ini diberi satu tugas dan diadakan satu Bahagian Pelaburan, saya bimbang ini adalah satu langkah Kerajaan untuk menghadkan modal-modal yang akan diberi kepada UDA, modal-modal yang akan diperuntukkan kepada Bank Pembangunan yang telah ditubuhkan itu, modal-modal yang akan diberi kepada MARA untuk membangunkan orang-orang Melayu dalam pembangunan. Modal-modal yang

akan diberikan kepada badan-badan Kerajaan yang ada di seluruh negara kita pada hari ini yang kerjanya ialah untuk membangunkan negara kita, mengseimbangkan orang-orang Melayu dengan orang-orang bukan Melayu, membangkitkan bumiputra dalam pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Undang-undang ini akan diluluskan oleh Dewan Negara dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, maka Undang-undang ini akan berjalan, kita hari ini berharap supaya tidak akan menjadi yang Undang-undang ini menghalang kepada Kerajaan untuk memberi modal yang cukup, untuk memberi kemudahan-kemudahan yang cukup kepada perbadanan-perbadanan Kerajaan yang sedia ada yang telah banyak memberi pertolongan dan memberi kerja-kerja yang membangunkan negara kita pada masa ini.

Selain daripada itu, saya suka hendak mengesyorkan di sini supaya pihak Kerajaan menukarkan corak badan yang dinamakan Credit Guarantee Corporation, tetapi dijadikan sebuah bank yang lebih berkuasa memberi pinjaman secara langsung kepada peniaga-peniaga kecil yang ada di seluruh negara pada hari ini. Sebab daripada apa yang saya faham, Credit Guarantee Corporation ini lebih merupakan sebuah badan yang memberi jaminan yang kiranya telah diperseetujui oleh bank-bank yang ada di dalam negara kita ini untuk memberi pinjaman modal kepada peniaga-peniaga kecil. Jika sekiranya bank di seluruh negara kita ini tidak bersetuju dengan satu-satu permohonan yang datang daripada peniaga-peniaga kecil, maka Credit Guarantee Corporation ini tidak berhak mengarahkan kepada bank-bank yang berkenaan supaya memberi pinjaman itu kepada pihak yang bermohon. Inilah perkara yang berlaku dan timbul di kalangan peniaga-peniaga kecil hari ini yang mana permohonannya mungkin disokong oleh Credit Guarantee Corporation, tetapi tidak diluluskan oleh pihak bank yang berkenaan.

Jadi, ada baiknya kiranya Bank Negara dengan secara langsung menukar Credit Guarantee Corporation ini kepada satu bank, satu bank yang baru yang boleh kita gelarkan Bank Peniaga-peniaga Kecil Bumiputra misalnya, kerana kita sudah ada Bank Bumiputra. Maka kita boleh mengadakan satu bank iaitu Bank Peniaga-peniaga Kecil Bumiputra yang dibentuk oleh Kerajaan dengan

modal diberi oleh Kerajaan untuk menolong peniaga-peniaga kecil yang ada di merata tempat di seluruh negara.

Pada masa ini kita ada hanya satu bank perniagaan sahaja, Bank Bumiputra. Orang-orang Melayu yang ada dalam negara kita ini tidak kurang daripada 5 juta, yang mata, kepala, fikiran dan otaknya kesemuanya tertumpu kepada Bank Bumiputra. Kalau Bank Bumiputra itu merupakan satu batu yang pejal pun akan hancur dengan pandangan yang begitu ramai manusia kepadanya. Kenapa kita tidak boleh tubuhkan satu bank lain, bank untuk peniaga-peniaga kecil. Kita telah mengadakan Bank Pembangunan. Kita boleh membentuk berbagai-bagai lagi bank untuk beberapa bahagian peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang yang ada di dalam negara kita ini. Kalau kita lihat di negeri-negeri yang lain seperti negara-negara yang maju, berbagai-bagai bank ditubuhkan di dalam negara tersebut. Banyak bank-bank yang dapat memberi kemudahan, yang dapat memberi pertolongan, yang dapat menyimpan wang dan sebagainya. Tetapi negara kita ini dihadkan, lesen bank ini dihadkan. Saya rasa ini adalah satu halangan bagi kemajuan ekonomi negara kita pada masa ini.

Jadi, saya rasa tidak harus saya cakap panjang dengan masa yang begitu singkat, kerana kita tidak mahu duduk di sini sehingga satu malam untuk menghabiskan Bill yang ada ini, cuma memadai saya minta kepada Menteri yang berkenaan yang membawa Bill ini supaya menjelaskan kepada rakyat dan negara kita ini, apakah sebabnya diberi kuasa kepada Bank Negara melaburkan modal padahal kita telah mengadakan Bank Pembangunan yang baharu sahaja kita bentuk, tetapi kita hadkan modal yang kita berikan kepada Bank Pembangunan. Ini adalah satu persoalan yang besar yang harus diterangkan oleh pihak yang berkenaan.

5.38 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya suka bercakap sepatah dua, walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap dalam soal ini, tetapi oleh sebab perkara ini ada kaitannya dengan negeri Perlis, perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan Bank Negara ialah yang menjaga matawang negara.

Apa yang mendukacitakan kepada kita dalam soal matawang ini berkenaan dengan kekurangan wang-wang syiling. Hal-hal ini selalu berbangkit terutamanya di negeri-negeri sebelah utara seperti Kedah dan Perlis. Oleh sebab kekurangan ini sehingga ada orang-orang kampung mengadu mengatakan pekedai-pekedai telah mengadakan banknya pula, iaitu dengan mengeluarkan resit-resit atas kekurangan wang syiling ini. Kalau kurang 50 sen atau 60 sen dengan resit-resit ini boleh digunakan balik untuk membeli barang-barang kerana wang syiling tidak ada. Resit-resit tidak boleh di kedai lain. Oleh kerana kekurangan matawang inilah yang menyebabkan perkara itu berlaku. Jadi kita meminta kepada pihak yang berkenaan dalam soal ini supaya dapat mengambil tindakan atau bagaimana cara untuk mengatasi kekurangan wang-wang syiling ini. Kita berterima kasih kerana menghantarkan wang syiling sebanyak \$40,000 ke Negeri Perlis baru-baru ini. Tetapi dalam beberapa hari wang itu telah habis dan tidak tahu ke mana perginya, kerana kita tahu wang-wang syiling ini banyak disimpan di rumah-rumah.

Selain daripada itu, kalau Kerajaan membuat wang-wang kertas yang berharga sama, maka wang-wang kertas ini tidak dikehendaki sangat bagi pihak orang-orang menyimpan wang kertas 5 sen, 20 sen, dan tidak serupa dengan wang-wang syiling yang orang suka simpan di rumah-rumah. Kalau tiap-tiap sebuah rumah menyimpan \$100, \$200 tentulah berapa banyak wang-wang syiling ini dibuat pun tidak mencukupi bagi negara kita ini.

Selain daripada itu, saya suka bercakap berkenaan dengan Bank Negara ini mengawasi Bank-bank Perdagangan. Kerajaan telah meminta kepada Bank-bank Perdagangan ini memberi keutamaan kepada bumiputra meminjam wang sebanyak \$30,000 untuk berniaga. Tetapi malangnya, pinjaman yang sebegini sangat susah hendak dapat dan kebanyakan pinjaman-pinjaman yang mudah dapat ialah pinjaman yang \$1,000 atau \$2,000 yang mana saya tahu banyak dikeluarkan di Negeri Perlis. Pinjaman yang sebegini bagi pihak peniaga tentulah tidak mencukupi dan pinjaman-pinjaman begini mudah sekali dikeluarkan. Kita bimbang kalau pinjaman-pinjaman \$1,000-\$2,000 kepada bumiputra ini, pihak bank-bank perdagangan akan mengatakan bumiputra telah berhutang

dengan begitu banyak sekali dan tidak membayar, kerana hutang yang sebanyak \$1,000-\$2,000 kalau hendak buat perniagaan seperti keadaan hari ini kadang-kadang tidak mencukupi. Oleh kerana bank-bank mudah memberi pinjaman yang \$1,000-\$2,000 ini, maka kadang-kadang orang kita ini mudah mengambil pinjaman-pinjaman yang sebegini. Kita berharap pinjaman-pinjaman yang diperuntukkan kepada bumiputra sebanyak \$30,000 atau \$50,000 itu dimudahkan.

Selain daripada itu, ada terdapat rungutan mengatakan berkenaan peminjam-peminjam yang besar ini kadang-kadang terpaksa memakan masa. Kalau hendak mempercepatkan pinjaman ini terpaksa kita berhubung dengan pihak yang berkenaan, dan perhubungan ini ada pula saguhati yang diambil, kalau pinjaman \$10,000 dipotongnya \$1,000. Kita berharap kepada pihak yang berkenaan akan dapat mengawasi di dalam soal ini dan dapat mengatasi di dalam masalah yang berbangkit dalam soal ini.

5.44 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah serba-salah kerana banyak yang saya catitkan semua sudah disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi. Tetapi disebabkan Tuan Yang di-Pertua telah sebutkan nama saya, maka saya hendak berucap sepetah dua sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini supaya diluluskan kerana saya rasa tentulah dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kelak barangkali pelaksanaan ataupun pelancaran projek-projek ekonomi kita akan berjalan dengan lebih lancar lagi.

Saya tertarik hati dengan cadangan saudara saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan sekejap tadi berhubung dengan C.G.C. supaya dijadikan bank. Memang benar sebagaimana kata Yang Berhormat itu bahawa C.G.C. ini hanya sebagai penjamin kepada peminjam-peminjam yang dapat kelulusan daripada bank-bank yang dibuat permohonan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan pinjaman melalui C.G.C. ini saya suka juga menambah sedikit, walaupun pihak Kerajaan telah mengeluarkan arahan demi arahan supaya bank-bank yang ada di negara kita ini memberi pertolongan ataupun bantuan

dengan cara mengeluarkan pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga bumiputra samada kecil ataupun besar, tetapi sedikit benar yang betul-betul patuh ataupun mengeluarkan pinjaman sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Saya ada mempunyai bukti daripada keterangan-keterangan bahawa keseluruhan pinjaman daripada bank-bank yang ada di negara kita pada hari ini, dicampur semua sekali masih lagi tidak sama dengan pinjaman yang dikeluarkan oleh sebuah bank iaitu Bank Bumiputra. Walaupun jumlah bilangan penerima pinjaman itu banyak, kalau kita minta senarai dia akan mengeluarkan beribu-ribu nama yang mendapat kelulusan-kelulusan yang telah diberikan oleh bank-bank ini tetapi angka bilangan wangnya adalah sangat kecil. Sebagaimana yang diterangkan oleh saudara saya tadi iaitu jumlah pinjaman yang diberikan hanya merupakan pinjaman \$1,000-\$2,000 ataupun dalam \$5,000 sahaja. Pinjaman-pinjaman yang besar sukar didapati dengan memberi berbagai alasan. Saya suka menyatakan di sini kalau di negeri saya di Pantai Timur sana, kebanyakkan bank-bank ini adalah kakitangannya atau ketuanya bukan bumiputra, dan pinjaman-pinjaman yang diminta adalah sangat sukar sekali, bolehlah kalau saya katakan dijadikan mangsa (victimised), tetapi kalau pinjaman itu datang dari orang bukan bumiputra lebih senang didapati daripada pinjaman yang dimajukan oleh bumiputra sendiri. Bila datang pinjaman daripada bumiputra berbagai-bagai alasan dikemukakan. Saya pernah menerima, bila diminta pertolongan oleh orang, kerana kebetulan saya menjadi sebagai seorang pegawai dewan perniagaan di sana, orang minta tolong kepada saya berjumpa dengan pegawai di bank yang tertentu, tolong tanyakan apa sebab permohonannya terlalu lambat, sedangkan pihak C.G.C. sendiri memberi jaminan tiap-tiap pemohon dalam masa dua bulan tidak lebih mesti dapat diselesaikan. Tetapi katanya sudah empat bulan tidak dapat jawapan. Bila saya pergi berjumpa dengan pegawai tersebut, dia beri alasan dengan menyatakan: Oh! ini restriction daripada Bank Negara tidak boleh beri lebih pinjaman. Dengan kerana itu saya menulis surat terus kepada bank itu dan salinan kepada Bank Negara. Benarkah ada restriction kerana saya tahu daripada suratkhbar restriction telah dibatalkan. Dengan kerana itu, Bank Negara telah bertanya kepada bank tersebut, tidak

berjawab sampai sekarang, dan akhirnya pinjaman itu diluluskan. Ini adalah sebagai contoh. Jadi, saya harap pihak Bank Negara sebagai bank yang bertanggungjawab mengawasi perjalanan bank-bank dalam negara kita ini hendaklah mengambil berat dalam hal ini. Bank-bank ini kebanyakannya sebagaimana yang telah diterangkan oleh rakan-rakan saya terlebih dahulu adalah dipunyai oleh sebahagian besarnya daripada pemodal-pemodal luar. Mereka tidak begitu berminat hendak menolong kaum bumiputra maju dalam lapangan perniagaan dan perusahaannya.

Satu lagi saya mendengar desas-desus yang ada setengahnya benar-benar berlaku, memang peminjam-peminjam yang besar terutama sekali di Kuala Lumpur ini ada dikenakan komisen hingga sampai 10%-20%. Kalau \$10,000 diambil \$1,000 itu perkara kecil. Kalau pinjaman yang besar-besar seperti \$50,000, \$100,000 kalau 20% Yang Berhormat Menteri bolehlah berfikir sendiri, iaitu \$20,000. Kalau dikenakan pula interestnya—kalau di bawah C.G.C. 9%, kalau tidak melalui C.G.C. dikenakan sampai 12%. Kalau pinjaman \$100,000 bererti berapa? \$11,000 dia kena bayar, tetapi \$20,000 sudah dibayar dahulu, jadi bererti sudah jadi 30% bukan lagi 10% atau 11%. Ini perkara-perkara yang mesti dialami oleh peniaga-peniaga bumiputra, yang sekarang ini Kerajaan kita telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan tidak dapat dinafikan, dengan mengadakan berbagai-bagai saluran dan aliran untuk menolong supaya kaum bumiputra ini maju dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Tetapi sebanyak itu jalan-jalan dan saluran-saluran yang dibuka oleh Kerajaan supaya kita dapat memasukkinya, maka sebanyak itu pula halangan-halangan ditimbulkan oleh kaum-kaum bukan bumiputra dalam masalah perniagaan dan perusahaan ini. Mereka memang tidak suka kita mendapat kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masalah komisen ini memang sukar hendak dikesan, tetapi barangkali kalau dengan kesungguhan daripada pihak Kerajaan, insya Allah akan dapat dikesan juga.

Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini memang banyakkah bank-bank dalam negara kita ini berebut-rebut seolah-olah hendak menyambut seruan

Kerajaan iaitu dengan melantik pegawai-pegawai bumiputra, sebagaimana kata Yang Berhormat Raja Nong Chik tadi, terutama sekali dalam bahagian penyertaan bumiputra, pegawai itu digelar projek analisis, kalau tidak salah, yang memproses projek-projek permohonan-permohonan daripada bumiputra. Hal ini juga saya berasa dukacita, kerana setengah-setengahnya—saya tidak tahu—boleh jadi tidak diberi kuasa yang cukup, atau sengaja dengan sebab berkehendakkan tawaran komisen, boleh jadi, mengambil masa yang sangat panjang untuk menyelesaikan satu-satu permohonan yang kecil, kadang-kadang bumiputra-bumiputra mengemukakan kertas kerja tidak lebih daripada tiga muka. Maklum sahaja dia hendak berniaga secara kecil. Dituliskan modal sekian, hendak beli barang sekian, berapa harganya, kemudian dianggarkan jual sekian dan untung sekian. Begitulah lebih kurang kertas kerjanya. Untuk hendak menyasiat hal ini tentulah tidak akan mengambil masa berbulan-bulan. Tetapi ini telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, projek analisa yang terdiri daripada orang bumiputra sendiri, misalnya, dalam bank-bank di mana-mana juga ada orang Melayu, mereka ini juga kadang-kadang menjadi batu penghalang kepada kemajuan perancangan penyertaan bumiputra dengan cara melambat-lambatkan kerja. Jadi ini juga saya rasa patut diawasi oleh pihak Bank Negara.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta berhubung dengan Bank Pembangunan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi. Memang Bank Pembangunan itu ditubuhkan untuk menolong bumiputra di dalam lapangan perusahaan-perusahaan (industri) dan sebagainya. Oleh kerana perkara ini perkara baru dan orang-orang bumiputra banyak mengambil bahagian, berlumba-lumba cuba hendak menyertai dalam usaha-usaha ini, maka banyakkah permohonan yang ditujukan kepada bank ini, maka apa yang saya dapati sekarang bank ini sudah tidak dapat lagi hendak mengejar kehendak-kehendak permohonan-permohonan tadi. Kalau ikut penerangan, satu-satu permohonan selalunya Bank Pembangunan boleh menyelesaikannya dalam masa empat bulan, tetapi apa yang saya dapati bukannya empat bulan boleh selesai tetapi setelah diluluskan (approved) oleh Committee itu empat bulan kelak baru dapat wang itu. Jadi saya rasa hendak

menyampaikan kepada "approved" itu berapa bulan, itu kita boleh timbang sendiri. Jadi bererti sekurang-kurangnya 8 bulan sehingga 10 bulan baharu satu-satu permohonan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berdasarkan kenyataan, tetapi saya tidak mahu sebutkan di sini dan saya tidak hendak menyalahkan Bank Pembangunan yang sengaja hendak melambat-lambatkan. Boleh jadi oleh kerana kekurangan kakitangan. Jadi kalau perkara ini betul berlaku, maka saya harap masalah ini mesti diatasi dengan secara menambahkan kakitangan yang cukup supaya apa yang dilayangkan oleh Menteri-menteri kita yang menyatakan penuh hasrat yang suci, bersih, kerana hendak menolong bumiputra ini selaras berlakunya dengan perjalanan bank tadi supaya tidaklah rakyat akan menempelak dan mengatakan Menteri itu bohong dan sebagainya. Sedangkan Menteri itu bercakap benar, tetapi dengan kerana bank tidak cukup kakitangan, umpamanya Bank Bumiputra seperti kata Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi. Oleh kerana semua orang menumpu kepadanya sehingga sampai wang yang hendak diberi pinjaman sudah tidak ada dan terpaksa meminjam daripada saluran lain. Bank Bumiputra terpaksa meminjam daripada bank yang lain untuk hendak memberi pinjaman kepada bumiputra, kerana semuanya bertumpu kepadanya. Kalau ini dibiarkan berlarutan semuanya tidak akan dapat diselesaikan dengan baik dan saya berharap ini juga dapat diatasi; adakan kakitangan yang cukup dan satu lagi yang patut saya sentuh dalam masalah bank-bank yang hendak memberi pinjaman kepada bumiputra ini, mereka mengambil lawyers untuk menyediakan agreements—ini juga satu perkara lagi.

Ada setengah lawyer pula mengambil peluang, pihak ini memang hendak mencari lawyer bumiputra dan lawyer bumiputra pula buat jual mahal, kerana dapat contract misalnya dengan UDA, contract dengan lawyer ini atau Bank Pembangunan, ini dia lawyernya. Maka disediakanlah sehingga kadang-kadang hendak menyiapkan perjanjian itu sahaja sampai sebulan tidak siap, kerana terlampau banyak kerja. Ini telah mengendalakan usaha atau projek yang hendak dibuat tadi. Kerana saya dapati atau entah barangkali memang procedure-nya begitu ataupun sengaja dibuatnya

agreement mengenai satu-satu perkara satu inci tebalnya, kalau berkehendakkan satu-satu pinjaman. Saya pun naik hairan melihatnya. Sebab saya pun biasa membuat agreement. Kalau kita sendiri buat dengan lawyer 4—5 muka sudah mencukupi, tetapi lawyer dari bank-bank yang berkenaan sampai 1 inci tebalnya sehinggakan tidak terbaca, kita cuma sains sahaja. Dengan kerana itu chargenya mahal kerana kertasnya tebal. Jadi satu pinjaman ada 3 jenis: yang pertama dipanggil kerana menggadai tanah, yang kedua debenture dan satu lagi, saya pun tidak tahu dan sudah menjadi tiga inci tebalnya dan sudah tentu harganya pun mahal. Jadi, saya terasa barangkali ini juga mungkin sengaja dibuat dengan kerana hendak meletakkan bayaran yang mahal, mungkin anggapan saya tidak betul, saya minta maaf, saya kata cuma agak-agak sahaja. Jadi, ini juga saya harap pihak yang berkenaan Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian membuat penyiasatan di mana yang tidak betul, sebab kita sekarang mengetahui hasrat Kerajaan hendak menolong orang Melayu, hendak menolong bumiputra dan ini diakui cuma implementation sahaja yang kadang-kadang tidak kena, terlambat di situ, terlambat di sana. Tetapi insya Allah dengan kerana kelemahan itu barangkali tentulah sambil berjalan kita belajar, yang mana tersilap kita betulkan. Inilah sebabnya maka kita Ahli-ahli Dewan ini cuba menunjukkan di mana-mana yang kita rasa ada kesilapannya moga-moga dengan kerana pertunjuk atau teguran kita itu dapat dibetulkan. Kalau betul, kalau tidak betul, kita tolak buang ke tepi. Sekainlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5.55 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Pindaan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana ada juga teguran-teguran yang tertentu dan juga pandangan-pandangan am dan untuk menjimatkan masa Dewan ini saya hendak memberi jawapan kepada dua tiga perkara yang tertentu sahaja.

Tentang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin berkenaan dengan sovereignty kita ataupun darjat kita sebagai sebuah negara yang

merdeka dan berdaulat telah hilang oleh kerana kita menerima nasihat daripada International Monetary Fund berkenaan dengan Pindaan Rang Undang-undang ini supaya boleh memberi kuasa kepada Bank Negara mengadakan pasaran terbuka (open market operation). Malaysia ialah ahli International Monetary Fund dan sebagai sebuah badan antarabangsa di mana jikalau ada nasihat boleh kita adakan rundingan-rundingan dengan mereka misalnya. Oleh kerana sebagai sebuah badan antarabangsa mereka juga ada pengalaman, bukan sahaja dari segi Malaysia tetapi juga dari segi lain-lain negara juga dan sukacita saya menyatakan di sini bahawa cadangan ini bukan semata-mata datangnya dari International Monetary Fund. Cadangan ini ialah cadangan yang telah diteliti oleh Bank Negara dan juga Kementerian Kewangan. Dan saya berharap dengan penjelasan ini bahawa open market operation yang akan dijalankan oleh Bank Negara bukan satu cadangan yang datang dari I.M.F. sahaja yang diteirma dengan tidak dikaji dengan telitinya dari segi negara kita. Open market operation ialah satu operasi yang biasa dijalankan oleh Bank-bank Negara yang lain dan bukan sahaja Bank Negara ini.

Berkaitan dengan Fund ataupun cadangan supaya Bank Negara boleh mengadakan satu Tabung Pelaburan Khas, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bimbang dan ragu sedikit tentang adakah tujuan Bank Negara mengadakan fund seperti ini oleh kerana Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa badan yang lain. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang ragu-ragu barangkali Kerajaan tidak berpuas hati dengan tindakan yang dijalankan umpamanya oleh M.I.D.F. dan UDA dan barangkali jikalau Bank Negara mengadakan Tabung Khas ini Kerajaan akan menghadkan modal yang disalurkan kepada badan-badan yang lain.

Di sini saya hendak menegaskan bahawa Kerajaan tidak ada berniat hendak berbuat demikian. Yang saya hendak terangkan ialah Bank Negara akan mengadakan Tabung Pelaburan Khas ini supaya boleh mengadakan satu tabung (fund) untuk memajukan projek-projek dalam sektor awam. Lain-lain badan berkanun seperti M.I.D.F. dan UDA menjalankan projek-projek dengan pihak swasta. Ini berlainan sedikit.

Satu perkara lagi yang patut saya jelaskan di sini bahawa Tabung Pelaburan Khas ini adalah sumber-sumber kewangan kepada Tabung Pelaburan Khas ini akan datang dari jumlah wang yang dipegang oleh Bank Negara sebagai cadangan berkanun. Bermakna dalam bahasa Inggeris ada juga Bank Negara menyimpan statutory reserves. Statutory reserves sekarang ini cuma ditumpukan sahaja dan nampaknya keadaan ekonomi sekarang Bank Negara patut mengadakan satu aktiviti meluaskan bidang operasinya dan patut juga mengadakan satu tabung seperti ini supaya boleh mengadakan pinjaman kepada projek-projek dalam sektor awam. Samada bank-bank lain mengadakan tabung seperti ini atau tidak, saya tidak dapat memastikan setakat ini melainkan sebagaimana saya dapat tahu adalah Reserve Bank of Australia yang ada satu tabung seperti yang kita akan cadangkan itu supaya projek-projek dalam sektor awam boleh mendapat modal sebanyak sedikit.

Berkenaan dengan pinjaman-pinjaman kepada kaum bumiputra, sektor bumiputra dan sebagainya, beberapa orang Ahli Yang Berhormat pun ada membuat beberapa teguran atas perkara ini, oleh kerana nampaknya tidak dapat pinjaman-pinjaman yang diberi kepada pihak-pihak bumiputra. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya suka membaca sedikit sahaja dari laporan Bank Negara Malaysia, 1974 dan saya akan dengan sukacitanya menghantar laporan ini kepada sesiapa Ahli Yang Berhormat yang ingin membaca butir-butir di sini berkaitan dengan bukan sahaja bank-bank perdagangan melainkan juga ada dua tiga perenggan yang disebutkan butir-butir selanjutnya berkenaan dengan keredit kepada bumiputra dan di sini saya hendak menyatakan bahawa:

“Meskipun terdapat perbatasan keredit, keredit yang dikeluarkan semasa tahun ini (1974) oleh bank-bank perdagangan kepada orang-orang perseorangan bumiputra dan perusahaan-perusahaan yang dikuasai oleh bumiputra bertambah dengan besarnya sebanyak \$242.2 juta atau 82.1% kepada \$537.3 juta pada akhir tahun 1974 berbanding dengan \$116.3 juta atau 60% dalam tahun 1973”.

Ini bermakna adalah bertambah banyak juga pinjaman kepada bumiputra. Saya tidak menafikan bahawa bank-bank perdagangan di sini mesti juga digalakkan

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri itu sebutkan daripada jumlah tadi berapa bank bumiputra dan berapa bank-bank lain.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada butir-butir di dalam lapuran ini berkait dengan apa yang dikehendaki oleh Ahli Berhormat tetapi jika dikehendaki, saya boleh menghantar butir-butir itu kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Saya tidak menafikan bahawa ada separuh bank-bank perdagangan di sini yang belum mengadakan minat yang cukup untuk memberi pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil khususnya untuk peniaga-peniaga kecil bumiputra dan Bank Negara serta Kementerian saya sentiasa memanggil bank-bank itu supaya mendapat butir-butir berkenaan program-program mereka. Bukan sahaja Bank Negara malah Perbadanan Jaminan Kredit pun mendapat butir-butir daripada semua bank mengenai program-program mereka. Saya tidak nafikan bahawa ada separuhnya yang belum lagi mengambil berat tentang program ini dan saya memberi jaminan di sini bahawa kita akan menjaga masalah ini dengan berat.

Ada juga beberapa soalan berkaitan dengan adakah bank-bank perdagangan di sini dikuasai oleh pemodal-pemodal dari luar negeri sahaja ataupun oleh warganegara negeri ini. Setakat ini ada lima buah bank perdagangan di sini dan 17 ialah bank tempatan. Dari jumlah 17 ini boleh dikatakan ada 15 buah yang dimiliki oleh warganegara Malaysia. Tetapi Bank Negara dan Kementerian Kewangan belumlah berpuas-hati dengan structure bank-bank perdagangan ini dan ada juga semua bank-bank yang berkenaan telah diminta supaya memberi rancangan-rancangan tertentu berkaitan dengan structure, modal dan jumlah peniaga-peniaga bank-bank tersebut. Saya harap dengan adanya satu rancangan yang tertentu pada masa yang akan datang, kita boleh melihat dalam negara ini tentang bank-bank tempatan yang boleh dikatakan ialah bank-bank perdagangan yang dimiliki oleh warganegara Malaysia.

Ada juga beberapa teguran seperti yang saya katakan berkaitan dengan peraturan-peraturan bank-bank perdagangan. Ini saya telah mengambil perhatian dan saya akan

kemukakan perkara ini kepada Bank Negara supaya Bank itu boleh menyiasat tuduhan-tuduhan dan teguran-teguran yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini. Tetapi malangnya jika sekiranya ada teguran-teguran am sahaja Bank Negara barangkali tidak boleh mengambil tindakan yang tertentu. Saya berharap sangat jika sekiranya Ahli Yang Berhormat atau Senator-senator di sini ada mempunyai kes-kes yang tertentu di mana ada buktinya bahawa pegawai-pegawai bank ada mengambil komisyen ataupun feed-back ataupun disebutkan dalam institusi kewangan—financial institution yang dikatakan football money dan sebagainya, jikalau ada kes yang tertentu, silalah kemukakan kepada kita supaya kita boleh menyiasat dan boleh mengambil langkah-langkah yang tertentu. Jikalau dengan teguran-teguran am sahaja dan kita memanggil pengarah-pengarah bank yang berkenaan mereka pun mengatakan: “Kita tidak tahu hal ini, adakah kes-kes yang tertentu. Saya berharap sangat jikalau dapat kes itu dikemukakan”

Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Ini masalah besar, masalah kes-kes yang tertentu dengan bukti-bukti tertentu dalam masalah seumpama itu. Jadi biasanya bila Ahli Dewan ini mengemukakan satu masalah yang am, Menteri minta keterangan di atas satu bukti yang tertentu supaya dapat diambil tindakan. Bahawa oleh kerana kesusahan mendapatkan bukti yang tertentu tidakkah pihak Kerajaan ataupun Menteri berkenaan dapat menilaikan kejadian itu dari segi rumours atau percakapan-percakapan yang timbul dalam masyarakat. Umpamanya kalau sekiranya kita dapat khabar angin mengatakan keadaan huru-huru akan bangkit dalam negara kita, walaupun itu hanya khabar angin tetapi tindakan-tindakan Kerajaan yang tegas patut juga diambil. Ini adalah satu perkara yang merupakan kes seumpama itu, adakah pihak Kementerian sedia bertindak walaupun khabar-khabar angin timbul berkenaan dengan masalah yang buruk yang seumpama itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas penjelasan itu. Maknanya saya sebutkan tadi ialah saya telah mengambil perhatian atas teguran-teguran am itu dan barangkali Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa bank-bank perdagangan itu ada satu persatuan dan

badan peminjam wang juga (finance company) ada satu persatuan dan kerap kali apabila diminta menghadapi masaalah ini, oleh kerana kita dapat rumours sahaja berkenaan dengan komisyen, under the counter, berkenaan dengan football money dan sebagainya, tetapi bila kita adakan perjumpaan dengan semua wakil-wakil bank-bank perdagangan ini dan menghadapkan mereka dengan tuduhan ini, mereka kata: "Bank saya tidak terlibat". Dan jika kita hendak ambil satu langkah, satu tindakan tegas ke atas satu-satu bank yang tertentu supaya memberi satu tauladan kepada lain-lain bank tidak dapat dijalankan oleh kerana tidak ada bukti. Saya sendiri pun mengakui di sini bahawa memang susah dan payah hendak mendapatkan bukti oleh kerana seperti yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, willing customer, willing banker, dia bagi sahaja, dua pihak pun puas hati dan takkan dia hendak beri penjelasan kepada kita pula. Tetapi masalah ini saya tidak nafikan memang ada di sini, dan saya harap bolehlah kita memberi amaran sekali lagi kepada bank-bank yang berkenaan supaya masaalah itu boleh dikurangkan, jikalau tidak boleh dihapuskan samasekali.

Tadi ada juga dibangkitkan di dalam Dewan ini masalah berkaitan dengan gerenti Kerajaan kepada M.I.S.C. tetapi oleh kerana nampaknya jam sudahpun menunjukkan 6.15 petang barangkali saya tidaklah perlu memberikan jawapan saya atas teguran itu oleh kerana teguran itu terbit dari satu misunderstanding sahaja dan saya rasa tak payahlah mengambil masa Dewan ini oleh kerana masaalah ini pun tidak berkaitan terus dengan pindaan Rang Undang-undang yang saya akan cadangkan di sini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan lagi sekali terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas teguran-teguran mereka dan, saya akan merekodkan dan akan meneliti, jika sekiranya ada cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan, saya akan kemukakan kepada Bank Negara supaya dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS AMANAH RAKYAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: (Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan Rang Undang-undang Perbadanan iaitu "Satu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966" dibaca bagi kali yang kedua.

Di dalam Akta MARA, 1966 ada didapati seksyen-seksyen yang memberikan peruntukan yang terhad, tetapi sebaliknya ada pula yang kuasanya berluasan. Oleh itu, adalah difikirkan perlu dipinda seksyen-seksyen yang berkaitan di dalam Akta tersebut untuk membolehkan Menteri yang berkenaan menggunakan budi-bicara di mana perlu dan mengawasi tugas-tugas MARA di bidang yang tertentu. Perkara utama di dalam Rang Undang-undang pindaan ini ialah untuk memberi kepada Menteri yang bertanggungjawab kuasa yang luas di dalam perlantikan Ahli-ahli Majlis. Di samping itu pindaan tersebut membolehkan juga Menteri melantik Ahli-ahli silih ganti di mana Ahli-ahli Majlis tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai awam. Pada masa sekarang Majlis adalah bebas untuk menubuhkan sesuatu perbadanan dengan sendirinya. Adalah difikirkan kuasa seperti ini sangatlah luas dan tidak berapa sesuai. Untuk mengelakkan penubuhan perbadanan yang mungkin akan mendatangkan pertentangan dan persaingan dengan perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan oleh MARA sendiri ataupun perbadanan-perbadanan awam yang lain, maka pindaan Rang Undang-undang ini menghendaki Majlis supaya mendapatkan kelulusan Menteri terlebih dahulu sebelum menubuhkan sesuatu perbadanan. Begitu juga pindaan ini memansuhkan peruntukan Jemaah Penasihat bagi Majlis. Langkah ini

diambil ialah kerana dengan tertubuhnya Kementerian Penyelaras Perbadanan Awam yang bertanggungjawab di atas perbadanan-perbadanan awam termasuk juga MARA, maka didapati tugas-tugas Kementerian ini dari segi mengawasi dan menyelaras perjalanan MARA adalah sama juga dengan tugas-tugas Jemaah Penasihat itu.

Lain-lain pindaan yang didapati di dalam pindaan Rang Undang-undang tersebut adalah semata-mata berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERINDASTRIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan), 1975” dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan sekarang ialah untuk memperbaiki lagi rangka undang-undang di mana sistem perhubungan perindustrian di negara ini dilaksanakan supaya

keamanan perusahaan bersandarkan keadilan dapat diadakan dan dengan itu menyediakan asas untuk mengujudkan susunan perhubungan perusahaan yang baik bagi menepati kemahuan serta kehendak dasar ekonomi baru negara. Pindaan-pindaan ini didapati perlu dari pengalaman yang diperolehi sejak “Rang Undang-undang Perhubungan Perindustrian (Pindaan), 1971” yang diluluskan pada 26hb Julai, 1971. Pindaan-pindaan itu seperti terkandung dalam Rang Undang-undang ini setengah-setengahnya adalah mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) menyediakan suatu aturcara yang baru bagi menyelesaikan kes-kes pembuangan yang dinyatakan sebagai pembuangan tanpa sebab-musabah yang menasabah;
- (ii) memerlukan perjanjian-perjanjian bersama dikemukakan kepada Mahkamah Perusahaan;
- (iii) mengadakan suatu tempoh yang tertentu bagi memulakan rundingan bersama;
- (iv) mengurangkan had masa dari 30 hari kepada 21 hari bagi majikan memberi jawapan kepada tuntutan supaya kesatuan sekerja diiktiraf; dan
- (v) mengadakan beberapa pindaan yang berbangkit untuk menyatakan maksud setengah-setengah peruntukan Akta Perhubungan Perindustrian dengan lebih jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan itu telahpun dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan (N.J.L.A.C.) yang telah diadakan pada 17hb Mac, 1975 di mana kedua-dua pihak, majikan dan pekerja, pada amnya telah bersetuju dengan cadangan-cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana segala butir-butir pindaan ini ada dihuraikan dalam naskah Rang Undang-undang pindaan ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah merujuknya masing-masing maka tidaklah payah lagi saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.26 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dengan sepenuh-penuhnya tetapi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh mengenai tiga perkara yang berlaku di kawasan saya sekarang.

Yang pertama, ialah seramai 73 pekerja di South East Asia Fire Bricks Industry Sdn. Bhd. Selayang Baharu, telah mogok mulai daripada 1hb Februari, 1974 hingga sekarang. Perkara ini sudah dibawa kepada Mahkamah Perusahaan dan pekerja-pekerja ini sudah menang dua kali; sekali pada bulan Ogos dan sekali lagi baru ini, tetapi bila diperintahkan oleh mahkamah kepada majikan supaya pekerja-pekerja ini diambil semula dan dibayar gajinya mulai daripada 1hb Februari, hingga ke hari ini majikan refused, tidak mahu membayar. Saya dapat tahu perkara ini akan dibawa sekali lagi kepada mahkamah. Perkara ini tak patut berlaku oleh kerana satu majikan yang duduk dalam negara kita, yang taat kepada negara kita telah menyusahkan seramai 73 orang pekerjanya. Pekerja ini semuanya ada mempunyai anak dan isteri yang duduk dalam kawasan saya. Kalau kita dharab: $73 \times 5 = 365$ nyawa yang susah sekarang selama satu tahun lebih. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penerangan dalam perkara ini.

Yang kedua, di kawasan saya juga di Segambut, mengenai Goh Ban Huat Pottery Works Sdn. Bhd. iaitu gudang membuat pinggan-mangkuk. Sudah 6 bulan lamanya lebih kurang 30 orang pekerja di gudang tersebut mogok. Kalau kita dharab dengan 5, satu kelamin ada 5 nyawa, bermakna ada 150 keluarga yang susah sekarang. Kalau dicampur 365 dengan 150 nyawa sudah jadi berapa?

Yang ketiga, di kawasan saya juga di Batu Caves mengenai Renong Tin Dredging Co. Ltd. Mereka ini sudah habis kerja sebab kapal korek sudah tutup mulai 30hb November hingga hari ini mereka tak dapat gratuity. Sudah beberapa kali saya berjumpa dengan majikan mereka, tetapi masih ditangguhkan dari satu masa ke satu masa. Sekarang mereka duduk dalam rumah quarters, itupun sudah kena saman, duit tak dapat, mereka disaman pula. Saya berharap

kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh supaya perkara yang semacam ini tak patut berlaku. Negeri yang begini kaya-raya yang kita sudah beri 5 tahun taraf perintis kepada South East Asia Fire Bricks Industry sudah dua kali dibawa ke mahkamah, mereka tak patuhi juga dan saya dengar hendak dibawa lagi kepada mahkamah. Begitu juga dengan Syarikat Goh Ban Huat Pottery Works Sdn. Bhd, sudah 6 bulan pekerja mereka itu mogok sampai sekarang tak putus-putus. Jikalau sekiranya Kementerian Buruh tak boleh selesaikan perkara ini, saya bimbang pekerja-pekerja ini akan menderhaka kepada Kerajaan kita. Tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu mereka datang berjumpa dengan saya, macam mana Yang Berhormat?

Itulah sahaja tiga perkara yang saya kemukakan, diharap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya dengan sepenuhnya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

6.30 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun barangkali perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob itu ialah satu perkara yang sebenarnya, kes-kes yang telah berlaku, apa yang ada di hadapan kita ialah beberapa pindaan kepada Undang-undang Perhubungan Perusahaan kita, sebenarnya ialah untuk mengelakkan perkara-perkara sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi.

Walaupun begitu, dalam kes Fire Bricks ini bolehlah saya memberikan keterangan oleh kerana perkara itu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Sebenarnya dalam kes ini Yang Berhormat Menteri telah merojokkan perkara pembuangan 70 orang pekerja yang dikatakan itu kepada Mahkamah Perusahaan, dan Mahkamah Perusahaan telahpun membuat keputusannya iaitu pada kali yang keduanya. Keputusan kali yang keduanya telah dibuat pada 24hb Mac, 1975 supaya pekerja-pekerja ini diambil semula dan mereka diberi bayaran kebelakangan dan keputusan ini mestilah dilaksanakan oleh pihak majikan pada 1hb April, 1975 tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu, apabila pekerja-pekerja ini datang semula

untuk meminta pekerjaan mereka, pihak majikan telah enggan menerimanya oleh kerana pihak majikan menyatakan ia telah mencabar keputusan Mahkamah Perusahaan itu di dalam Mahkamah Tinggi dan sebenarnya pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengambil langkah-langkah yang perlu dan pada beberapa hari kemudian telah memanggil pihak majikan. Saya sendiri telah memanggil pihak majikan meminta supaya pihak majikan mematuhi keputusan Mahkamah Perusahaan. Pihak majikan menjawab bahawa dia tetap enggan untuk mematuhi keputusan mahkamah itu oleh sebab dia suka kes ini dilanjutkan dalam Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi akan mengadakan pembicaraannya pada 27hb Mei yang akan datang ini. Walau bagaimanapun Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang menghubungi pihak Peguam Negara untuk memikirkan langkah-langkah yang perlu terhadap majikan ini. Jadi oleh kerana perkara ini adalah perkara yang masih berada di dalam Mahkamah Tinggi, maka tidaklah boleh saya membincangkannya di dalam Dewan ini lebih lanjut daripada itu. Tetapi walau bagaimanapun saya boleh menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian Buruh telah berusaha bersungguh-sungguh mengelakkan perkara ini.

Berkenaan dengan pertikaian dalam dua buah syarikat lagi yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah dapat saya menyatakan di sini oleh kerana saya tidak mengetahui sebenar butir-butir yang mendalam. Walau bagaimanapun saya boleh berjanji kepada Yang Berhormat itu pihak Kementerian Buruh akan memberitahu kedudukan yang sebenarnya pada dua kes yang disebutkan ini. Jadi sebenarnya hal-hal ini sentiasa dipandang berat oleh Kementerian Buruh dan oleh sebab itulah pindaan-pindaan ini dibuat untuk meregukkan lagi; kita hendak menyelesaikan satu-satu pertikaian bila berlaku. Jadi saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim iaitu Kementerian Buruh akan memberitahu beliau dan akan menyiasat dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyelesaikan pertikaian di kedua buah syarikat itu berdasarkan undang-undang yang sedia ada dan juga pindaan-pindaan yang kita bentangkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 23 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang Ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (MEMPERBADANKAN) MAJLIS DAYA PENGE-LUARAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.37 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara, 1966 (Pindaan) untuk dipertimbangkan dan diluluskan dalam semua peringkat dalam persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandang bahawa bidang pengurusan adalah semakin hari semakin complex dan sekarang ini semakin banyak institusi awam dan juga swasta yang mengambil berat di atasnya maka sudah sewajarnya Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara 1966 disemak semula.

Semakan ini berasaskan kepada beberapa faktor seperti berikut: Sejak tahun 1966 sudah banyak perubahan mahupun dari segi nama ataupun fungsi terdapat di dalam Kementerian-kementerian yang diwakili di dalam Majlis termasuklah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri, maka sudah wajar pindaan dibuat untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan ini. Juga sejak tahun 1966 sudah banyak universiti-universiti dan juga institusi-institusi

pelajaran tinggi selain daripada Universiti Malaya yang telah ditubuhkan. Memandangkan yang demikian adalah tidak wajar jika institusi pelajaran tinggi hanya diwakili oleh Universiti Malaya.

Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada semua institusi pelajaran tinggi diwakili di dalam Majlis ini. Pada masa ini adalah terdapat banyak organisasi-organisasi swasta yang melibatkan diri di dalam bidang pengurusan. Setiap organisasi ini mempunyai kelebihan dan kepentingan masing-masing. Di dalam Akta yang ada sekarang hanya 7 ahli daripada pihak swasta boleh diwakili. Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memberi flexibility kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk melantik beberapa orang ahli lagi sekiranya keperluan ini timbul tanpa berkehendakan satu lagi pindaan dikemukakan kepada Dewan ini kemudian hari.

Dalam tahun 1972 Kerajaan telah meluluskan satu projek untuk menubuhkan sebuah sekolah latihan hotel dan restoran. Sekolah-sekolah ini telah diberi dua bidang tugas:

- (i) mengadakan perkhidmatan latihan, khasnya kepada penyelia dan pengurus yang sedang berkhidmat. Latihan-latihan yang akan disediakan ialah bertujuan untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan industri, perhotelan dan pelancungan pada amnya; dan
- (ii) menguruskan hotel yang akan didirikan itu sebagai sebuah perniagaan biasa dan meninggikan lagi perkembangan tenaga manusia di dalam industri ini.

Oleh sebab pada masa ini Akta ini tidak memberi kuasa kepada Majlis untuk mengambil bahagian di dalam perniagaan biasa, maka adalah perlu Akta ini dipinda supaya tidak ada keraguan di atas kuasa Majlis ini untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan atau yang terbit daripada pelaksanaan tugas-tugas.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada semakan yang dibuat ke atas Akta ini, saya kemukakan syor-syor ini dipinda seperti berikut:

2. Nama Akta (Memperbadankan) Daya Pengeluaran Negara, 1966 yang terdapat di kepala dan dalam tajuk ringkasnya adalah dengan ini dipinda kepada "Akta (Mem-

perbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara, 1966" (kemudian daripada ini disebut Akta ibu).

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "perdagangan dan perusahaan" yang terdapat dalam takrif "Menteri" dengan perkataan-perkataan "pembangunan perindustrian".

4. Seksyen-kecil (3) seksyen 3 Akta ibu adalah dengan ini dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Perusahaan" yang terdapat dalam perenggan (c) dengan perkataan "Perindustrian";
- (b) dengan menambah selepas sahaja perkataan "Buroh" yang terdapat dalam perenggan (e) perkataan-perkataan "dan Tenaga Rakyat";
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Syarikat Kerjasama" yang terdapat dalam perenggan (g) dengan perkataan-perkataan "Pembangunan Luar Bandar";
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Universiti Malaya" yang terdapat dalam perenggan (h) dengan perkataan-perkataan "yayasan pelajaran tinggi"; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan "sembilan" yang terdapat dalam perenggan (i) dengan perkataan-perkataan "tidak lebih daripada dua belas".

5. Seksyen-kecil (1) seksyen 7 Akta ibu adalah dengan ini dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "dan" yang terdapat di hujung perenggan (i) kepadanya; dan
- (b) dengan menambah selepas sahaja perenggan (i) kepadanya perenggan baru (ii) yang berikut—
 "(ii) dengan persetujuan Menteri, menjalankan usaha-usaha perniagaan untuk mendapat keuntungan bagi maksud perjalanan kerja-kerjanya di bawah Akta ini; dan".

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya pindaan-pindaan yang seperti disyorkan ke atas Akta ini maka

perjalanan Majlis Daya Pengeluaran Negara akan lebih licin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran untuk mengemukakan Rang Undang-undang Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara, (Pindaan), 1975.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN PELANCUNGAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.48 ptg.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972" dibaca bagi kali yang kedua.

Di dalam usaha untuk memajukan lagi pembangunan perusahaan pelancungan di negara ini, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia sejak bulan Ogos tahun 1972. Penubuhan Perbadanan itu adalah berupa suatu langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk memajukan perusahaan tersebut dengan harapan supaya segala usaha yang dijalan-

kan oleh sektor awam dan swasta dapat diselaraskan dan ditujukan kearah mencapai matlamat-matlamat yang diharapkan.

Memandangkan kepada perkembangan perusahaan ini, jika dikaji dari segi bilangan pelawat-pelawat yang berkunjung ke Malaysia di beberapa tahun kebelakangan ini, maka nyatalah terdapat petanda-petanda yang menunjukkan bahawa perusahaan ini adalah bergerak ke arah mencapai kemajuan yang lebih pesat lagi. Perusahaan pelancungan adalah berupa satu unsur perdagangan antarabangsa yang terbesar dan punca utama pertukaran matawang asing bagi beberapa negara di dunia ini. Kemajuan pelancungan antarabangsa, pada keseluruhannya, adalah semakin pesat sejak beberapa tahun lalu. Bilangan para pelawat ke Malaysia pula adalah meningkat dari setahun ke setahun dan petanda-petanda menunjukkan bahawa kemajuan perusahaan ini akan berterusan di masa hadapan. Di dalam tahun 1972, bilangan pelawat-pelawat yang sampai ke Semenanjung Malaysia telah meningkat kepada 726,000 orang dan sehingga akhir tahun yang lalu bilangannya telah mencapai 1,081,000. Memanglah tidak syak lagi bahawa dengan kadar kenaikan bilangan pelawat sekarang. Semenanjung Malaysia adalah dijangka akan menerima tidak kurang dari 3 juta pelawat menjelang tahun 1980.

Bilangan pelawat-pelawat yang melawat Negeri Sabah dan Sarawak adalah jua semakin bertambah. Kira-kira 87,000 pelancung telah melawat Sabah dan 79,000 melawat Sarawak dalam tahun 1973. Sehingga akhir tahun 1974, Sabah telah menerima 94,000 pelawat-pelawat sementara angka bagi Sarawak pula ialah 86,000. Bagi tahun 1980 adalah dijangkakan bahawa Sabah dan Sarawak masing-masing akan menerima 204,000 dan 175,000 pelawat-pelawat.

Pendapatan dari pelancungan adalah juga menunjukkan perubahan yang sangat pesat. Dalam tahun 1972, mengikut kiraan yang telah dibuat Malaysia telah memperolehi \$265 juta dari pendapatan pelancungan dan sehingga akhir tahun 1973 angka ini telah meningkat kepada \$310 juta atau 4.9 peratus dari jumlah pendapatan eksport barang-barang dan perkhidmatan. Bagi tahun 1974, jumlah yang diperolehi ialah kira-kira \$378 juta dan menjelang tahun

1980 adalah diharapkan pelancungan akan menyumbangkan sekurang-kurangnya \$950 juta kepada pendapatan matawang asing negara ini, iaitu kira-kira 10.4 peratus dari jumlah pendapatan eksport.

Kemajuan Perusahaan ini di tahun-tahun yang lalu dan keperluan untuk mempergiatkan lagi perkembangan dan pembangunan perusahaan tersebut bagi masa-masa hadapan, adalah memerlukan Perbadanan diberi kuasa yang mencukupi untuk memimpin, mengawal serta mengatur berbagai-bagai perkhidmatan pelancungan. Ini adalah untuk menjamin agar terdapat perkhidmatan yang benar-benar cukup dan bermutu tinggi di dalam perusahaan itu. Pada masa yang sama, adalah didapati perlu bagi perusahaan ini diperkemaskan supaya ianya benar-benar dapat memberikan sumbangan bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi negara bahkan juga kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972, yang berupa undang-undang yang sedia ada sekarang bagi mengawal dan menyelaraskan perusahaan pelancungan telah didapati tidak mencukupi untuk membolehkan Perbadanan melaksanakan dengan secara yang lebih berkesan, sebahagian daripada tanggungjawabnya dan objektif Kerajaan. Pindaan-pindaan kepada Akta tersebut sebagaimana yang disyorkan adalah bertujuan bagi mengatasi masalah ini dengan cara menyediakan kuasa-kuasa tambahan kepada Perbadanan bagi menyeliaikan perusahaan tersebut di samping memperkukuhkan jentera pentadbirannya.

Di dalam usaha untuk memperkukuhkan jentera pentadbirannya, Perbadanan adalah dibenarkan melantik seorang Timbalan Pengerusi yang juga menjadi Ketua Pengarah dan Ketua Eksekutifnya. Perlantikan ini akan kelak membolehkan Perbadanan melantik seorang Pengerusi yang tidak perlu menjalankan tugas-tugas eksekutif sepenuh masa. Di samping itu pindaan-pindaan ini adalah juga bertujuan untuk memansuhkan Majlis Kemajuan Pelancungan oleh kerana pengalaman di masa yang lalu adalah membuktikan bahawa peranan Majlis tersebut, sebagai penasihat, boleh dijalankan oleh Lembaga Pengurus Perbadanan. Patut juga diterangkan di sini bahawa, walaupun perbadanan tidak lagi akan mempunyai Majlis Kemajuan Pelan-

cungannya, namun demikian perhubungan rapat antara Perbadanan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bukan sahaja akan berterusan bahkan akan dipergiatkan lagi menerusi usaha-usaha Lembaga Pengurusnya dan jua badan-badan penyelaras di peringkat Pusat dan juga di peringkat Negeri.

Di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972, Perbadanan boleh, dengan persetujuan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi mengawal dan mengaturkan berbagai-bagai perkhidmatan di bidang pelancungan. Kuasa-kuasa ini seperti yang terdapat sekarang adalah jauh dari memadai bagi Perbadanan untuk melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawabnya dengan berkesan. Oleh itu adalah didapati perlu bagi Perbadanan mempunyai kuasa-kuasa yang mencukupi untuk menghalang dan memansuhkan pendaftaran mana-mana enterprais pelancungan yang didapati tidak sah dan tidak mempunyai kebolehan dan keupayaan bagi memberikan perkhidmatan pelancungan yang cekap. Ini akan dapat mengatasi sebarang usaha yang tidak sihat yang boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada para-para pelancung dan menjejaskan nama baik Malaysia sebagai sebuah "pusat pelancungan". Tambahan pula, sungguhpun Akta yang ada sekarang adalah memberi kuasa kepada Perbadanan bagi mengatur, mengawal dan menyelia "hotel-hotel pelancungan" dan "enterprais pelancungan", ianya tidaklah pula menyediakan kuasa yang sama berkaitan dengan restoran. Oleh kerana bilangan restoran-restoran yang terletak di luar hotel-hotel adalah banyak dan boleh dikatakan sebilangan besar pula memberikan layanan kepada para-para pelancung, maka perlu bagi Perbadanan diberi kuasa supaya mengiktirafkan restoran-restoran itu sebagai "restoran pelancungan" dan mengenakan syarat-syarat dan peraturan-peraturan terhadap perjalanannya serupa sebagaimana enterprais pelancungan yang lain.

Akta ini adalah juga memberi kuasa kepada Perbadanan, dengan persetujuan Menteri, mengambil bahagian ekuiti di dalam pembangunan enterprais pelancungan dan mengadakan kemudahan-kemudahan dan daya-daya penarik pelancungan. Kuasa yang ada sekarang adalah terhad bagi Perbadanan untuk mencapai tujuan ini. Dengan itu adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat

untuk membolehkan Perbadanan bukan sahaja menyertai secara ekuiti di dalam pembangunan enterprais pelancungan bahkan juga menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat atau lain-lain badan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sedemikian samada secara bersendirian ataupun berkongsi dengan lain-lain pihak. Langkah ini adalah jua bertujuan untuk membolehkan Perbadanan mempunyai punca kewangan yang mencukupi bagi bergerak di atas kakinya sendiri tanpa bergantung semata-mata kepada Kerajaan untuk mendapatkan wang bagi memajukan perusahaan pelancungan di dalam negeri ini, Kerajaan, dengan bebanan-bebanannya yang banyak dari segi membiayai projek-projek pembangunan yang besar, tentulah tidak dapat memberi bantuan yang mencukupi bagi menolong Perbadanan di dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya.

Sejajar dengan langkah seperti yang disebutkan tadi, Perbadanan adalah jua diberi kuasa bagi mengenakan cukai ses terhadap mana-mana enterprais pelancungan termasuk ses ke atas hotel dan restoran pelancungan.

Di dalam usaha mengenakan ses itu, adalah didapati perlu bagi ianya dirundingkan dengan Perbendaharaan untuk mengelakkan sebarang pertelingkahan usaha yang boleh menimbulkan kesulitan dan kesusahan bukan sahaja kepada pelancung-pelancung bahkan jua lain-lain pengguna enterprais-enterprais pelancungan tersebut. Perundingan adalah bertambah penting lebih-lebih lagi oleh kerana Kerajaan sudahpun mengenakan cukai perkhidmatan terhadap semua hotel di negara ini. Tambahan pula, sungguhpun kuasa bagi mengenakan ses terhadap enterprais-enterprais pelancungan ada ternyata dengan terangnya di dalam Akta itu, cara-cara bagaimana ses itu akan dikenakan dan dikutip tidak pula dihuraikan. Dengan hal yang demikian maka adalah dicadangkan supaya peruntukan yang tertentu di dalam Akta ini dipinda bagi membolehkan Menteri, semasa menimbangkan kelulusan kepada Perbadanan bagi mengenakan ses ke atas enterprais-enterprais pelancungan mengadakan perundingan terlebih dahulu dengan Menteri Kewangan. Adalah jua dicadangkan supaya satu peruntukan baru disediakan bagi menentukan cara-cara ses akan dikenakan dan dikutip. Sayugia dinyatakan di sini bahawa bukanlah tujuan Perbadanan untuk

mengenakan ses terhadap semua hotel dan restoran di negara ini bahkan kutipan ses sedemikian akan hanya meliputi hotel-hotel dan restoran-restoran yang diiktirafkan sahaja.

Adalah jua dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan baru disediakan di dalam Akta ini mengenai kuasa yang berkaitan dengan penguatkuasaan. Di bawah Akta sekarang tidak terdapat pun kuasa-kuasa bagi Perbadanan untuk menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan dan jua mengambil tindakan bagi mendakwa mereka yang melanggar sebarang peraturan di dalam Akta tersebut dan Undang-undang Kecil yang telah disediakan. Oleh kerana perlunya perkhidmatan yang bermutu tinggi terdapat di bidang pelancungan maka amatlah penting bagi Perbadanan diberi kuasa-kuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini kerana kita perlu kepada satu Rang Undang-undang yang kemas dan baik bagi kemajuan pelancungan dalam negara kita ini. Daripada keterangan-keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kemajuan pelancungan dalam negara kita ini, saya rasa kita belum lagi cukup menjalankan usaha bagi kemajuan pelancungan dalam negara kita ini. Pada faham saya pelancung ini ada dua peringkat ataupun dua jenis. Yang pertama, pelancung dalam negara iaitu pelancung yang datang daripada Sabah pergi ke Kelantan, pelancung daripada Selangor pergi ke Trengganu untuk melihat penyubertelur umpamanya. Ini adalah pelancung-pelancung dalam negara kita, dan ada pelancung yang datang daripada luar daripada negara kita. Daripada pelancung yang sedia ada dalam negara kita ini, kita boleh lihat apabila cuti sekolah mereka ini banyak bertumpu ke Kelantan, ke Trengganu, ke Pahang untuk melihat negeri yang belum mereka lihat. Umpamanya, mereka datang daripada Johor dia pergi ke Kelantan, kerana semata-mata hendak kenal Sungai Golok yang mashyur itu.

Apa yang kita perlu utamakan hari ini ialah pelancung-pelancung yang datang daripada luar negara kita, kerana ini adalah lebih menguntungkan kita dan ini adalah menambahkan hasil pertukaran wang luar negara kita yang akan masuk ke negara kita ini. Pelancung-pelancung ini kebanyakannya bertumpu ke Pulau Pinang, ke Selangor umpamanya, tetapi sedikit sangat yang mengenali Trengganu, kerana mereka ini tidak mengetahui apakah nama Kelantan itu, di manakahuduknya Kota Bharu, umpamanya, apa yang dikatakan Pantai Cinta Berahi, kerana tidak begitu banyak sebaran-sebaran am yang dibuat mengenai pelancungan ini. Tidak banyak apa yang dikatakan pamphlet yang dihantar keluar negeri, Kedutaan kita yang ada di luar negeri sangatlah kekurangan pamphlet yang menunjukkan kecantikan negara kita, filem-filem yang boleh menunjukkan bagaimana comilnya perempuan-perempuan yang ada di Kota Bharu, umpamanya. Bagaimana eloknya Pulau Tioman, pulau-pulau yang ada di sebelah Pantai Timur, tidak ada satu gambar-gambar yang cantik yang berwarna-warni yang boleh kita tayangkan di negara, umpamanya, di Tokyo, di Negeri Perancis, di Amerika tidak ada filem-filem ini yang boleh ditayangkan yang menunjukkan satu bandar yang dihujung Semenanjung Malaysia ini. Kalau kita pergi keluar negeri melawat di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, saya pernah bertanya kepada pegawai-pegawai yang ada di Kedutaan kita, mereka ini sangat kekurangan bahan-bahan yang seumpama ini. Jadi untuk mengadakan bahan-bahan ini Kerajaan perlu mengadakan peruntukan yang besar. Kita tidak takut mengadakan peruntukan yang besar, kerana kita dapat menarik wang daripada luar negeri untuk menggantikan perbelanjaan yang kita belanjakan untuk mengeluarkan bahan-bahan ini. Ini adalah satu punca hasil yang besar. Kalau kita melihat Pulau Hawaii adalah bergantung semata-mata kepada hasil pelancungan. Sebelum perkara ini dapat dibuat Perbadanan Pelancungan ini perlu mengadakan satu Master Plan yang mana kita dapat majukan tempat-tempat pelancungan dan tempat-tempat pelancungan ini bukanlah tidak ada di dalam negara kita ini. Tetapi tidak ada planning, tidak ada pemilihan dan tidak ada pegawai atau badan yang menyiasat, menyelidik dan memikirkan mana tempat yang patut diperbaiki dan dipereelok-

kan dan tempat yang patut didirikan bangunan bagi kemudahan-kemudahan bagi pelancung-pelancung menginap. Perkara ini menjadi tanggungjawab yang besar kepada Perbadanan Pelancungan ini.

Saya lihat perbadanan pelancungan negeri di Pantai Timur sangatlah lemah yang kita ada cuma barangkali badan pelancungan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri, yang mana tidak ada pegawai yang pandai boleh menjalankan kerja dan tidak ada wang yang cukup bagi memperelokkan tempat-tempat pelancungan. Saya berikan satu contoh, umpamanya, di Pantai Sabak iaitu cuma beberapa ratus ela sahaja daripada lapangan-terbang Pengkalan Chepa. Satu pantai yang cantik dengan pokok-pokok rhu yang menyenangkan, tetapi tidak ada rumah pelancungan, tidak ada motel-motel dan hotel-hotel dan juga tempat-tempat kediaman yang elok yang boleh menarik pelancung duduk di situ. Tanah dan tempat yang begitu elok itu ialah tanah Kerajaan Negeri Kelantan, tanah ini boleh diambil oleh Perbadanan Pelancungan dan boleh dimajukan kerana kemudahan pengangkutan dengan kapal-terbang Boeing yang sentiasa berulang-alik ke Kota Bharu itu dengan senang dapat menarik pelancung daripada Pulau Pinang, dari luar negeri datang ke Pulau Pinang yang tambang kapal-terbang dalam \$40-\$50 sahaja boleh sampai ke Kota Bharu dan boleh tidur di tepi pantai di motel yang sempurna di tepi laut yang begitu indah. Tetapi usaha-usaha ini sangatlah kekurangan, saya berani berkata di sini usaha perbadanan pelancung di Pantai Timur adalah sangat-sangat lembab, bahkan bolehlah kita katakan tidak siapa pun yang mengambil tahu tentang kemajuan pelancungan di negeri-negeri, khususnya Negeri Kelantan, tempat saya duduk.

Oleh itu, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi satu arahan yang khas kepada Perbadanan Pelancungan ini supaya mengadakan satu Master Plan bagaimana kita dapat memajukan tempat-tempat pelancungan ini, bagaimana kita dapat sebarkan kecantikan negara kita di luar negeri dan bagaimana kita dapat menarik pelancung daripada Jepun umpamanya, negeri yang paling hampir dengan kita. Kenapa kita mesti biarkan mereka ini melancung ke Indonesia, ke Singapura, dan tidak Pantai Timur, Kelantan, Trengganu, Pahang—negeri yang Yang Berhormat

Menteri sendiri tinggal dan mewakilinya. Inilah usaha-usaha yang patut dilakukan oleh Perbadanan Pelancungan dan saya percaya pindaan yang dibuat ini membolehkan Perbadanan ini menguatkan kedudukannya di negeri-negeri yang tidak begitu kuat untuk memajukan pelancangannya.

7.08 m/m.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, saya ingin menarik perhatian adakah pihak Kementerian yang berkenaan sedar bahawa dengan kemasukan pelancang-pelancang di dalam negara kita ini tidak mendatangkan keuntungan yang banyak; sedikit benar negara kita mendapat keuntungannya. Apa yang mereka tinggalkan kepada kita ialah kesan-kesan yang buruk sahaja.

Di dalam hal ini saya tidak memandang perkara pertukaran kewangan sahaja, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat tadi. Kita terlalu mengambil berat dengan menyediakan segala kemudahan-kemudahan mengikut cara mereka itu dan memberi layanan-layanan atau kehendak mereka, sedangkan ianya tidak memberi apa-apa kesan yang baik. Kita hanya dapat mendengar apa kata mereka; rakyat Malaysia ini baik; apa yang mereka mahu dapat disediakan. Malahan perkara yang buruk pun yang kita ikut selera mereka, kita sediakan. Waktu menyambut kedatangan pelancang-pelancang dari luar negeri dengan mengadakan kompany dan tari-tarian anak-anak joget di tengah-tengah panas yang hebat di lapangan terbang, sehingga menyusahkan anak-anak kita dengan berbagai-bagai cara. Dengan keadaan yang demikian, bukanlah pelancang-pelancang itu memuji sahaja, tetapi mereka harus merasai pula di dalam hati mereka kasihan kepada anak-anak kita yang mengambil bahagian itu. Maka apa yang saya katakan rugi ialah dengan layanan kita terhadap kunjungan pelancang-pelancang itu tidak ada mendatangkan keuntungan langsung, kerana semua mereka yang datang dari luar negeri ialah mereka tidak ingin mengambil perhatian terhadap apa yang kita sediakan seperti pengangkutan, mereka sudah sediakan pengangkutan mereka sendiri, begitu juga cara makanan, mereka cari makanan yang mereka sudah sediakan. Begitu juga tempat tinggal mereka di hotel-

hotel yang besar-besar yang mereka mengikut selera mereka sahaja. Adakah kita sedar dengan keadaan yang demikian, mereka datang ke negara kita ini tidak akan memberi keuntungan, tetapi hanya adalah membawa keuntungan yang sedikit sahaja kalau hendak dibandingkan dengan kedatangan pelancungan itu kita akan mendapat keuntungan yang besar. Apa yang kita dapat saksikan ialah walaupun mereka hendak membeli alat-alat di dalam negara kita amat kecil sekali. Barang yang mereka hendak beli seperti topi, tikar sahaja dan makanan pun mereka hendak makanan yang kita sediakan dalam Malaysia ini hanya segelintir sahaja. Inilah yang saya menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan andai kata kalau kita memandang bahawa dengan kedatangan pelancang-pelancang dari luar negeri ini kita akan mendapat keuntungan yang besar.

Kita di Malaysia ini terkenal pada orang luar negeri sebagai orang yang berbudi bahasa, pandai memberi layanan kepada orang, sampai peti khas kita menghadapi kekurangan kewangan kepada orang yang berkenaan kalau kita hendak beri layanan amat baik sekali.

Ini kadang-kadang pelancang-pelancang yang datang dari luar negeri itu dengan rombongan, bukan sahaja yang berkenaan, bahkan yang luar daripada yang berkenaan pun kita memberi layanan yang sewajarnya dan terpaksa menggunakan wang negara kita dengan banyak. Itu sebab sekarang pihak pelancang-pelancang dari luar negeri kalau ada apa-apa perhimpunan atau perlawanan amat suka sekali mereka mengemukakan cadangan: kita pilih sahaja Malaysia menjadi tuan rumah mengapa mereka ingin hendak memilih Malaysia menjadi tuan rumah, kerana boleh menyediakan apa sahaja kehendak pelancang-pelancang yang datang dari luar negeri. Berbanding kalau wakil-wakil kita yang pergi keluar negeri, saya rasa tidak mendapat layanan sebagaimana kita memberi layanan kepada orang yang datang ke negara kita, kalau ada pun hanya pihak yang berkenaan betul-betul. Maka inilah yang saya menarik perhatian di samping menyokong Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini supaya Kementerian kita sedar dalam hal ini. Oleh kerana memikirkan masa yang begitu singkat cukuplah sekadar ini pandangan dari saya.

7.15 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan bercakap ringkas dalam masalah-masalah Akta yang ada di hadapan kita ini. Pertama sekali saya hendak memperkatakan pada Menteri yang berkenaan bahawa pelancungan yang dimaksudkan ada dua:

- (i) pelancung tempatan; dan
- (ii) pelancung antarabangsa.

Jadi kedua-dua golongan ini saya harap supaya dapat Kementerian ini melalui Kerajaan-kerajaan Negeri memberikan kemudahan. Yang pertama sekali, kita sediakan kenderaan-kenderaan yang baik yang tidak terlampau buruk, terutama sekali kepada pelancung-pelancung dalam kawasan tempatan.

Yang kedua, kemudahan imigresen dan pas masuk. Ini saya tujukan khasnya pelancung-pelancung yang sangat tertarik masuk ke Johor iaitu pelancung dari Singapura. Jadi dengan keadaan beberapa kesukaran berhubung dengan pas maka tidak dapat ramai pelancung datang ke negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara di Johor Bahru patut dibetulkan. Keretapi khas patut ada untuk pelancung daripada Singapura ke Johor Bahru, dan bas-bas yang membawa pelancung ke Johor Bahru, ke Malaysia ini, sayugianya pemandu-pemandunya hendaklah datang dari orang Malaysia. Pada masa sekarang kita harapkan orang daripada Singapura, sebab orang Singapura ini mereka tidak begitu mengetahui perkara-perkara yang menarik perhatian pelancung-pelancung yang ada dalam Malaysia ini.

Satu perkara lagi dalam masalah pelancungan antarabangsa, saya mengharapkan kalau perusahaan pelancungan dalam negeri ini terutama sekali pelancungan antarabangsa yang mereka tertarik hendak melihat kehidupan orang Melayu, sosial orang Melayu, kebudayaan orang Melayu jangan dibawa oleh perusahaan pelancungan ini ke kampung-kampung Melayu yang kampung haram. Jadi apabila ditengok kampung haram dengan keadaan orang Melayu hidupnya menderita, susah maka ini memberi satu gambaran yang tidak baik. Perkara ini patut diberikan perhatian kepada perusahaan pelancungan dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang sangat menggalakkan atas seruan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah sektor awam mengadakan perusahaan pelancungan. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan, kenapa ada sebuah syarikat pelancungan yang bertaraf antarabangsa yang telah berjalan dan maju selama 4 tahun sampai sekarang Kerajaan belum luluskan. Nama syarikat itu ialah Murba International Tourist Berhad dan syarikat anaknya International Club Berhad. Modalnya \$150 juta, modal yang hendak dijalankan \$100 juta dan dapat sokongan daripada Perbadanan Pelancungan Antarabangsa. Projek ini kalau dijalankan boleh meliputi seluruh Malaysia ini—dan Senator dari Kelantan tidak susah hati lagi—dia meliputi Johor Bahru, Gunung Ledang, Mersing, Kuantan, Kuala Trengganu, Kota Bharu, tetapi malangnya usaha yang sangat baik ini sampai sekarang Kerajaan belum dapat memberikan kelulusan dalam perkara yang saya sebutkan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.20 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.43 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

7.43 mlm.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang sekarang ini bagi menjawab dengan secara ringkas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan yang mengatakan kurang orang datang ke Pantai Timur seperti Kelantan, Trengganu oleh kerana kurang kenyataan, penerangan diberi. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kurangnya orang datang melancung ke negeri-negeri tersebut, tetapi banyak ke Pulau Pinang bukanlah oleh kerana kekurangan keterangan (publicity) bahkan adalah disebabkan saya rasa kekurangan kemudahan-kemudahan asas (infrastruktur) di negeri yang tersebut. Sebagaimana kita maklum, di sana masih lagi kurang hotel-hotel di mana

pelancung-pelancung boleh menginap, duduk dengan baiknya, kurang pengangkutan-pengangkutan bagi membawa pelancung-pelancung daripada Pantai Barat ke sana, tetapi sebagaimana juga telah diterangkan baru-baru ini oleh saya, pihak perbadanan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menyediakan satu pelan induk (master plan) di mana tumpuan utama akan diberi bagi mengadakan berbagai kemudahan asas ataupun infrastruktur-infrastruktur di kedua-dua negeri yang tersebut, Kelantan dan Trengganu. Dengan adanya kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik dari segi hotel yang sempurna dan sebagainya lebih ramai lagi pelancung-pelancung akan datang bertumpu kedua-dua negeri ini. Saya tidaklah dapat memberi kenyataan dengan panjang lebar di atas master plan ini, atas syor-syor yang telah dicadangkan oleh master plan ini oleh kerana master plan ini belum lagi dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Saya berjanji di sini bahawa apabila master plan ataupun pelan induk ini dengan cadangan-cadangannya dikemukakan kepada pihak-pihak di atas, kepada National Economic Council, kepada Jemaah Menteri, maka segala langkah akan diambil untuk melaksanakan syor-syor, cadangan-cadangan yang telah diadakan di dalam master plan ini untuk mendapat tempat-tempat yang kita anggap sebagai pusat-pusat pelancungan yang kita tahu ada banyak di negeri-negeri Pantai Timur, Trengganu, Kelantan, Pahang itu dimajukan lebih-lebih lagi pada masa hadapan ini sebagai pusat-pusat pelancungan.

Selain daripada itu, bagi menyenangkan pelancung-pelancung ini dipindahkan dengan segera daripada kawasan Pantai Barat selepas sahaja sampai daripada lain-lain negeri ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan lain-lain lagi, mereka ini akan diharapkan dibawa terus ke negeri-negeri seperti Trengganu, Kelantan, dengan adanya rancangan kita untuk memperbesar, lebih-lebih lagi lapangan terbang di Kuantan, juga di Kuala Trengganu serta di Kota Bharu.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa perhatian patut diberi kepada memajukan pusat-pusat pelancungan bagi menggalakkan lebih lagi penggunaan pusat-pusat tersebut oleh pelancung-pelancung di dalam negeri. Saya selaku Menteri yang bertanggungjawab dalam perkara pelan-

cungan adalah sangat bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu, iaitu kita perlulah memberi perhatian, pandangan yang lebih kepada memajukan pusat-pusat pelancungan, bukan sahaja untuk keperluan pelancung-pelancung daripada luar negeri bahkan juga untuk faedah keperluan pelancung-pelancung yang ada di dalam negeri kita sendiri. Apabila pelan induk ini dipersejuti oleh Kerajaan kita akan menyejajarkan pelaksanaan-peraksanaan, kemudahan-kemudahan asas supaya pelancung-pelancung di dalam negara kita ini sendiri akan dapat menikmati segala kemudahan-kemudahan yang akan diadakan di pusat-pusat pelancungan di dalam negara kita sendiri.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein berkenaan dengan pelancung-pelancung hanya datang beramai-ramai ke sini meninggalkan kesan yang buruk, tidak memberi keuntungan yang sangat kepada negara kita, saya sukalah menyatakan di sini bahawa pelancungan adalah satu perusahaan perindustrian yang membawa keuntungan yang banyak satu-satu negara. Daripada perusahaan pelancungan ini bukan sahaja kita mendapat pertukaran matawang yang banyak bahkan juga sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum kita akan dapat mengadakan banyak peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat di dalam negara ini di mana mereka dapat bekerja di hotel-hotel, di pusat-pusat pelancungan yang kita adakan di dalam negara ini.

Mengenai kenyataan bahawa kita mengadakan joget, tarian dan sebagainya untuk menerima kedatangan pelancung-pelancung, saya mendapat tahu bahawa perbuatan ini telah kita berhentikan, kita tidak lagi menyuruh anak-anak joget kita berjemur, berpanasan untuk mengadakan tarian-tarian bagi tetamu-tetamu pelancung kita yang datang ke negara ini.

Saya juga tidaklah berapa bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan Malaysia ini dipilih sebagai tempat di mana berbagai peristiwa sukan, persidangan besar diadakan oleh kerana Malaysia memberi layanan yang baik. Ini rasa saya sebaliknya adalah satu kehormatan diberi kepada Malaysia yang sekarang ini selalu dijadikan sebagai pusat persidangan

antarabangsa, sebagai tempat di mana acara-acara sukan yang besar di kalangan antarabangsa diadakan di sini. Ini menunjukkan bahawa negara-negara luar adalah berkeyakinan penuh bahawa Malaysia adalah satu daripada negara di wilayah ini yang boleh memberi layanan yang sudah tentu tak boleh diberi oleh negara-negara lain.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad juga menyeru supaya kenderaan bagi pelancung diperbaiki. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa langkah diambil oleh pihak yang berkenaan. Kementerian Pengangkutan bersama dengan perbadanan menjamin supaya bukan sahaja lebih banyak lagi kenderaan-kenderaan, coach-coach pelancung-pelancung diadakan, bahkan juga coach-coach pelancung yang akan diadakan itu adalah sesuai dengan keperluan pelancung-pelancung dari segi kebaikannya, dari segi comfortnya supaya menggalakkan lebih ramai lagi pelancung datang ke negara kita.

Saya juga tidak mendengar dan tidak tahu kenyataan yang satu syarikat pelancungan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad tadi, saya akan membuat penyiataan samada betul syarikat ini permohonannya tidak lagi dilayani dan akan memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa bas-bas pelancung dari Singapura mestilah membawa pemandu rakyat Malaysia, bukannya pemandu daripada Singapura. Saya percaya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad itu tidak dapat kenyataan yang sebenar. Mengikut kenyataan yang diberi adalah dikenakan syarat kepada coach-coach pelancung yang datang daripada Singapura apabila membawa pelancung ke Malaysia menerusi tambak di Johor itu, dia dikenakan syarat bahawa apabila dia menyeberangi masuk ke Malaysia, dia mesti menggunakan pemandu-pemandu di Malaysia. Syarat ini dikenakan sebelum dia dibenarkan membawa pelancung daripada Singapura ke negara kita. Tinggal lagi dalam pada itu kalau sekiranya ada bukti, kenyataan yang peraturan ini telah tidak dipatuhi, saya sedia-lah menerima laporan daripada Ahli Yang Berhormat dan kalau ada, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya, mengawasi supaya perkara-perkara yang semacam ini tidak berlaku pada masa yang akan datang.

Saya menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat juga bahawa kalau sekiranya pelancung-pelancung datang janganlah bawa dia ke kampung-kampung haram. Sebagaimana yang saya tahu di masa-masa yang lepas, kalau pelancung ke Kuala Lumpur hendak tengok rumah Melayu, kedudukan orang Melayu, dibawa ke Kampung Baharu yang pada masa itu belum ada lagi rumah yang sangat molek di sana sebagaimana yang ada sekarang ini. Saya akan mengarahkan pihak yang berkenaan terutamanya perbadanan supaya jangan melakukan perbuatan yang dibimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN BERANAK DAN MATI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.56 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan), 1975" dibaca bagi kali yang kedua.

Sijil beranak adalah salah satu daripada dokumen-dokumen yang penting dalam kehidupan seseorang kerana ianya merupakan satu dokumen asas untuk membuktikan taraf kewarganegaraan seseorang itu. Selain dari itu, dokumen ini adalah sangat diperlukan

untuk kegunaan pendaftaran masuk sekolah, pendaftaran kad pengenalan, permohonan pekerjaan, permohonan paspot dan sebagainya. Manakala sijil mati pula ianya adalah diperlukan bagi maksud tuntutan pembahagian harta pesaka, Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan lain-lain. Dengan yang demikian, maka rekod-rekod berkaitan dengan kelahiran-kematian adalah sangat perlu dijaga dengan rapi untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang pemalsuan, salahgunaan dan sebagainya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab daripada menggunakannya.

Berasaskan kepada pengalaman dalam melaksanakan berbagai peruntukan di bawah Ordinan Beranak dan Mati, 1957 yang dipakai sekarang adalah didapati bahawa beberapa pindaan perlu diperbuat kepadanya bagi mengemas dan melancarkan lagi pentadbiran dari segi keselamatan sijil-sijil beranak dan mati di samping memberikan kemudahan kepada rakyat untuk membuat pendaftaran kelahiran dan kematian. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, antara lain, membekalkan peruntukan untuk mengadakan daftar pendua beranak dan mati secara micro-film supaya rekod-rekod dapat dipelihara dengan selamat dan disimpan berasingan daripada yang digunakan sehari-hari, kerana pada masa ini hanya satu daftar sahaja yang ada tersimpan di Ibu Pejabat Pendaftaran Petaling Jaya. Selain dari itu, pindaan-pindaan ini juga akan memberi kuasa untuk melantik Pendaftar-pendaftar Beranak dan Mati lebih daripada seorang bagi satu-satu kawasan dan tidak hanya seorang pendaftar bagi satu-satu kawasan seperti yang berjalan sekarang ini.

Pendaftar-pendaftar boleh dilantik bukan sahaja daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam bahkan juga daripada khalayak bukan pegawai Perkhidmatan Awam. Dengan bertambahnya bilangan pendaftar-pendaftar di satu-satu kawasan itu ianya akan memberi kesenangan dan kemudahan untuk orangramai membuat pendaftaran kelahiran dan kematian.

Di samping itu, pindaan-pindaan itu juga bertujuan melicinkan dan mengemaskan lagi sistem pendaftaran beranak dan mati yang dijalankan di Ibu Pejabat, Petaling Jaya dan di peringkat pejabat-pejabat kumpulan negeri. Dengan ringkasnya pindaan-pindaan

yang dicadangkan itu saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sudahpun menatap segala butir-butirnya di kertas yang dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.00 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya memberikan dua tiga pandangan kepada Rang Undang-undang ini, mudah-mudahan menjadikan kesenangan kepada rakyat kita yang terlibat dalam masaalah ini.

Yang pertama, pindaan undang-undang ini sangat baik, mengemaskan kerja pentadbiran fasal kematian baranak, yang mengharapkan supaya Kementerian ini dapat memerhatikan anak-anak yang dilahirkan di Malaysia oleh ibunya dari Singapura. Sebab kejadian ini banyak berlaku dalam Negeri Johor. Anak daripada ibu dari Singapura dilahirkan di Johor Bahru. Kadangkala silap didaftarkan anak itu di Johor Bahru—di Malaysia.

Yang kedua, pertukaran kad pengenalan seorang Islam baharu, seorang yang baharu masuk Islam diminta segerakan kad pengenalan itu kepada nama Islam sebab berlaku kesulitan bila mana tidak berapa lama selepas dia memeluk ugama Islam dia meninggal dunia. Jadi mengikut kata keluarganya bahawa dia orang bukan Islam, ditanam pada perkuburan yang bukan Islam, ini menyentuh, mencabul hak asasi ugama Islam. Kalau Pejabat Pendaftaran ini dapat menyegerakan bila seorang itu disahkan oleh Jabatan Ugama negeri itu sebagai orang Islam segera tukarkan kad pengenalannya daripada nama asal masuk nama Islam.

Yang ketiga, anak yang tidak berbapa. Dalam Akta ini ada menyebutkan anak yang lahir tidak tahu siapa ayahnya: bukan ibu sebab mustahil anak tidak ada ibu. Anak yang lahir tidak tentu ayahnya atau anak yang terjumpa, siapa yang hendak dibinkan anak itu pada segi Islam ataupun anak luar nikah dengan siapa hendak dibinkan. Menurut Islam anak itu dibinkan dengan ibu yang

menjadinya tetapi kadangkala gunakan nama orang pak sanggup. Dia kata dia boleh jadi bapa dengan syarat beri sekian-sekian, maka anak itu bernama Abdullah bin bapa yang diberi sekian-sekian. Pada segi Islam bapa ini tidak betul. Melalui kad pengenalnya anak ini akan dapat hak pusaka daripada bapa yang diakui. Perkara ini patut Kementerian membuat satu cara macam mana hendak dibincang kalau anak tidak ada bapa dan juga anak terjumpa di tempat yang tidak tentu.

Selain daripada itu ada kejadian anak-anak negeri kita yang dilahirkan tidak didaftarkan—tidak ada mempunyai kad pengenalan. Diketahui dia tidak ada kad pengenalan masa dia hendak dinikahkan. Jadi masalah ini memang diproses oleh Kementerian yang berkenaan tetapi malangnya hendak mendapatkan kad baharu sangat sukar, makan masa yang lama, kadang-kadang macam-macam mereka dapat kesulitan. Kadang-kadang ibu bapanya takut dengan sebab anaknya tidak didaftarkan dan tidak ada mempunyai kad pengenalan. Tetapi sudah sampai masanya dia hendak khawin dan juru nikah itu pula tidak boleh kahwin, anaknya mesti ada kad pengenalan. Jadi ini satu masalah yang patut kita fikirkan dengan baik, dengan cermat kalau boleh Jabatan Pendaftaran Beranak dan Mati di daerah itu dapat mengeluarkan surat sementara membolehkan dia yang tidak ada kad pengenalan itu—nama yang tidak didaftarkan ini supaya boleh dinikahkan dengan seberapa segera yang boleh. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

8.06 m/m.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad berkenaan dengan perkara ini.

Yang pertama mengenai dengan seorang yang dari Singapura yang bukan warganegara Malaysia yang melahirkan anak di Johor Bahru. Kalau perkara ini berlaku tidak perlulah dikhuatirkan disebabkan anak yang dilahirkan itu dia tidak otomatis menjadi rakyat Malaysia bahkan dia tidak menjadi rakyat Malaysia disebabkan dalam surat beranak itu terang diletakkan di situ siapa bapanya, nombor kad pengenalan, rakyat mana, siapa ibunya nombor kad

pengenalan dan rakyat mana. Jadi kalau anaknya besar nanti dia hendak claim dia itu diperanakkan di Malaysia dengan sendirinya menjadi rakyat Malaysia tidak mungkin oleh kerana Undang-undang kita telah menentukan dia tidak akan menjadi rakyat Malaysia kerana ibu bapanya bukan rakyat Malaysia. Jadi soal itu tidaklah perlu dikhuatirkan.

Mengenai dengan orang yang masuk Islam dan untuk mendapat kad pengenalan tadi, insya Allah saya mengambil ingatan perkara ini dan akan diambil perhatian yang berat dan kalau dapat disegerakan.

Selain daripada anak yang tidak tentu bapanya tadi, anak luar nikah dan sebagainya, soal menukarkan kad pengenalan ini adalah berdasarkan surat beranak kerana kad pengenalan itu dikeluarkan setelah anak itu berumur 12 tahun berdasarkan surat beranaknya, jadi tidak timbul masalah. Sesiapa sahaja bin yang ditulis dalam surat beranak maka itulah nama, bin yang dimasukkan dalam kad pengenalan.

Berkenaan dengan nikah tadi, kalau tidak ada kad pengenalan saya rasa boleh dirundingkan dengan Jabatan Ugama ataupun Khadi Daerah dan jika perlu mengeluarkan satu surat sementara untuk hendak khawin sebab hendak mendapatkan kad pengenalan dia haruslah mendaftar dan mengikut borang yang ditentukan, diisikan dan kalau dia terlewat akan didenda mengikut peraturan. Jadi untuk memudah dan membolehkan dia berkahwin, insya Allah kita boleh fikirkan nanti.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN MAKANAN DAN DADAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.09 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952".

Pindaan yang dicadangkan terhadap Seksyen 28 (1) (i) adalah untuk membenarkan kawalan mengenai penjualan dan pengimpotan apa-apa dadah dan menubuhkan badan-badan atau pihak-berkuasa-pihak-berkuasa bagi maksud itu.

Seksyen yang ada sekarang ini adalah terhad kerana peraturan-peraturan yang boleh dibuat untuk mencegah penjualan iklan-iklan untuk jualan atau pengimpotan hanya bagi barang-barang makanan dan dadah yang tertentu sahaja. Pengimpotan dan penjualan racun dan dadah-dadah narkotik yang dijadualkan (scheduled poisons narcotic drugs) adalah dikawal di bawah Poison Ordinance, 1951 dan Dangerous Drug Ordinance, 1951. Oleh itu untuk membolehkan kawalan yang tegas dan rapi di atas penjualan dan pengimpotan untuk jualan bagi semua dadah selain dari racun dan dadah narkotik, Seksyen 28 (1) (i) Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952 yang berbunyi:

"to prohibit the sale, advertisement for sale or importation of specified article of foods or drugs".

hendaklah dipinda dan digantikan dengan perenggan baru seperti berikut:

"(i) to prohibit or regulate the sale, advertisement for sale or importation of any articles of food or drugs and for this purpose to establish any body or authority."

ini akan membolehkan Menteri Kesihatan membuat peraturan-peraturan untuk mengawal pengimpotan dan jualan semua jenis dadah-dadah.

Adalah dicadangkan bahawa dengan pindaan seksyen yang tersebut peraturan-

peraturan akan dibuat bagi mengawal pengimpotan dan penjualan semua dadah-dadah dengan cara mendaftarkan dadah-dadah itu di bawah Lembaga Pendaftaran Dadah. Lembaga tersebut akan diberi perkhidmatannya (service) oleh National Pharmaceutical Control Laboratory yang akan ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan. Semua dadah yang diimpot dan dibuat dalam negeri ini akan diperiksa oleh National Pharmaceutical Control Laboratory untuk menentukan mustajabnya dadah-dadah itu dan juga bagi keselamatan nyawa sebelum pendaftaran itu dibuat oleh Lembaga Pendaftaran Dadah. Hanya dadah-dadah yang telah didaftarkan sahaja boleh diimpot atau dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan untuk dijual. Pendek kata, dengan pindaan undang-undang ini, Kementerian Kesihatan akan mempunyai satu jentera pentadbiran yang berkesan untuk mencegah penjualan dadah-dadah yang kurang mutu (sub-standard) yang akan merosakkan kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) 1975 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 28 (1) (i) Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 sekarang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.15 mlm.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan, 1971".

Pindaan yang dicadangkan adalah untuk:

- (a) menambahkan bilangan keahlian Majlis Perubatan Malaysia dengan memasukkan tiga orang wakil dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan yang akan dinamakan oleh Majlis Universiti dan dilantik oleh Menteri ke dalam Majlis Perubatan Malaysia;
- (b) mengecualikan orang-orang yang mula-mula memperolehi pendaftaran penuh daripada kehendak memperolehi suatu perakuan pengalaman tahunan bagi baki tahun dalam mana ia memperolehi pendaftaran penuh;
- (c) menjadikan suatu kesalahan bagi sesiapa yang tidak mengenakan tempoh dua tahun perkhidmatan termesti dalam jawatan awam yang mana nama orang itu hendak dipotong dari daftar;
- (d) memberi kuasa kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk memasukkan semula nama pengamal perubatan yang telah dipotong dari daftar.

Di waktu ini tiga orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya adalah di antara ahli-ahli dalam Majlis Perubatan Malaysia. Dengan penubuhan Universiti Kebangsaan dan terbentuknya Fakulti Perubatan dalam Universiti tersebut adalah difikirkan perlu bahawa universiti baru ini yang terlibat dalam melatih doktor-doktor dalam negara ini patutlah diberikan peluang untuk menyuarakan pendapatnya mengenai hal-hal Majlis dan Majlis sebaliknya akan memperolehi pengalaman dan nasihat dari universiti tersebut.

Seksyen 20 (5) Akta Perubatan, 1971 memerlukan semua pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar penuh untuk mengambil perakuan-perakuan amalan tahunan mereka.

Pindaan yang menggantikan Seksyen 20 (5) adalah bertujuan untuk memansuhkan pengamal-pengamal perubatan daripada mengambil perakuan-perakuan amalan tahunan bagi baki tahun pertama pendaftaran mereka dan pindaan ini adalah bertujuan terutama sekali untuk melicinkan pentadbiran.

Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memberikan taraf kesihatan yang lebih baik kepada rakyat negara ini. Untuk mencapai tujuan ini sebagaimana termaktub dalam berbagai-bagai rancangan pembangunan kita, mesti menggunakan semua tenaga yang ada dan perlunya semua doktor-doktor yang baru berdaftar untuk bertugas dengan Kerajaan selama dua tahun adalah merupakan sebahagian dari cara Kerajaan untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor dalam sektor awam.

Adalah difikirkan bahawa peruntukan sekarang ini sebagaimana termaktub dalam Seksyen 40 dan Seksyen 41 adalah tidak cukup ketat untuk menguatkuasakan secara berkesan keperluan undang-undang bahagian ini.

Oleh yang demikian pindaan yang dicadangkan adalah untuk menentukan bahawa doktor-doktor yang dilatih oleh Kerajaan akan bertugas sekurang-kurangnya untuk tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang.

Akta Perubatan, 1971 tidak membenarkan nama-nama pengamal perubatan yang telah dipotong daripada daftar oleh kerana tata-tertib dimasukkan semua ke dalam daftar.

Memasukkan Seksyen 31A adalah untuk memberi kuasa budi bicara kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk memasukkan semula ke dalam daftar nama pengamal-pengamal perubatan yang telah digantung dari daftar itu.

Semua pindaan lain adalah pindaan-pindaan yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan Akta Perubatan (Pindaan), 1975 yang bertujuan untuk meminda Akta Perubatan 1971 sekarang ini dibaca bagi kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.30 mlm.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan berkenaan dengan sekatan ataupun peraturan-peraturan kepada doktor-doktor yang telah dibelanjai oleh Kerajaan supaya mereka itu berkhidmat selama 2 tahun, dan kemudian daripada itu bolehlah dia memilih samada dia hendak bekerja dengan Kerajaan atau dia hendak membuka perusahaannya sendiri.

Memandangkan kekurangan doktor yang bertambah dari semasa ke semasa dan banyaknya bilangan orang-orang sakit di dalam dunia sains dan teknologi ini, saya rasa patut dikaji apakah dua tahun itu sudah memadai untuk menyekat kekurangan atau kekeringan doktor-doktor di dalam masyarakat kita. Kalau dua tahun masanya tidak begitu panjang, kalau sekiranya dikenakan sekatan sampai lima tahun, maka dapatlah kiranya Fakulti Perubatan kita mengeluarkan doktor-doktor yang boleh menampung kekurangan doktor itu. Tetapi dalam masa dua tahun, Taun Yang di-Pertua, rasanya tidak cukup, sebab seorang yang hendak menjadi doktor setelah belajar sekurang-kurangnya enam tahun di universiti. Dan selama enam tahun itu dibelanjai oleh Kerajaan, saya rasa enam tahun dia mesti berkhidmat kepada Kerajaan, dan dua tahun tidak cukup. Saya harap Kerajaan, terutama Kementerian ini menimbangkan semula ataupun memikirkan kepentingan rakyat itu lebih utama daripada kepentingan personal doktor itu sendiri. Kalau gajinya berkhidmat dengan Kerajaan tidak cukup, dan dia bersabar selama dua tahun dan sesudah dua tahun dia boleh menjadi seorang yang cukup mewah dan kaya. Satu injection dia boleh dapat sampai \$20-\$30, satu ubat asthma dia boleh charge sampai \$45 seorang tetapi kalau sampai 10 orang misalnya, satu hari dia dapat mengumpulkan wang beribu-ribu ringgit, dan dalam masa dua tahun yang dikenakan itu saya rasa tidak adil kepada rakyat. Saya harap Kerajaan menimbangkan balik tempoh dua tahun itu, sekurang-kurang dia mesti berkhidmat selama dia mengambil pelajaran dalam Fakulti Perubatan itu yang dibiayai oleh Kerajaan.

8.33 mlm.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh

Timbalan Menteri Kesihatan. Saya tahu doktor-doktor ini kebanyakannya selepas dua tahun dia berikhtiar untuk mencari kehidupannya sendiri. Walaupun enam tahun kita syaratkan berkhidmat dengan Kerajaan seperti kata Yang Berhormat tadi, tetapi saya fikir doktor ini adalah satu kerja yang professional.

Baru-baru ini seorang doktor di Kuala Kangsar telah memberi notis berhenti 24 jam meninggalkan kerja itu. Sekiranya masa bekerja sedang sibok, hendak belah-membelah dia beri notis berhenti 24 jam apa akan jadi? Perkara ini patut dikaji dengan halus. Saya fikir sekurang-kurang diberi notis enam bulan kepada Kerajaan sebelum dia meletakkan jawatan.

8.35mlm.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil sedikit bahagian sahaja dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Tadi kita telah dengar bahawa sekarang kita hendak memestikan yang seorang doktor itu berkhidmat dengan Kerajaan selama dua tahun. Saya rasa itu sahaja barangkali tidak mencukupi, kerana kalau kita pandangan daripada bilangan doktor yang membuka perusahaan sendiri pada tahun-tahun yang lepas dan juga pada masa hadapan, saya rasa itu tidak akan boleh mengatasi problem kekurangan doktor, terutama sekali di kawasan luar bandar.

Kerajaan patutlah menimbang dan cari satu jalan lain yang mana kita boleh menggunakan juga doktor-doktor perebet ini bagi membantu pesakit-pesakit di luar bandar. Umpamanya, secara kita membuatkan di dalam bidang peguam. Kita sadar ramai orang yang miskin yang tidak mampu hendak memakai peguam, Kerajaan telah mengadakan Biro Bantuan Guaman untuk membantu mereka ini. Saya rasa kita boleh mengadakan satu sistem yang sama yang mana doktor perebet ini boleh dibiayai oleh Kerajaan, jikalau mereka berkhidmat kepada penduduk-penduduk luar bandar yang mana kekurangan doktor. Perkara ini boleh dikaji dengan sehalus-halusnya. Saya rasa ada negara-negara lain yang telah menjalankan sistem seumpama ini. Jikalau perkara itu boleh dipraktikkan di negara kita ini, saya rasa masalah kekurangan doktor di luar bandar itu mungkin tidak timbul. Kalau kita buat begitu kita tidak perlu mengetatkan

sangat supaya doktor-doktor ini dimestikan bekerja dengan Kerajaan. Saya takut kalau kita mestikan mereka ini bekerja lama dengan Kerajaan, mereka mungkin tidak menjadi doktor yang baik, kerana mereka terasa yang mereka ini seolah-olah dipaksa bekerja dengan Kerajaan.

Itulah sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

8.37 mlm.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan-pandangan kepada Kementerian saya supaya memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan lebih bermutu kepada rakyat jelata.

Berhubung dengan syor Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah, saya mengucapkan terima kasih oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada mempunyai fikiran supaya masa doktor itu berkhidmat dengan Kerajaan ditambah daripada dua tahun hingga lima tahun. Tetapi ada pula fikiran-fikiran yang mengatakan kalaulah kita menambahkan masa daripada dua tahun kepada lima tahun, sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Kamarul Ariffin, doktor akan bekerja dengan tidak ada mempunyai daya penarik ataupun semangat. Walau macamanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri sekarang ada mempunyai sokongan untuk melanjutkan masa berkhidmat doktor-doktor. Sekarang ini kita telahpun meminda Undang-undang ini mesti berkhidmat dua tahun, pada masa yang lalu masa dua tahun itu tidak dimestikan. Seorang doktor dia boleh resign dalam dua tahun, tetapi sekarang ini kita memindahkan dia mesti berkhidmat dua tahun dengan Kerajaan, maka saya rasa buat peringkat ini kita akan cuba menjalankan setakat mana yang kita dapat pinda Undang-undang ini, insya Allah di masa akan datang kalaulah masa itu tidak mencukupi, kita akan mengemukakan pindaan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan syor Senator Tuan Haji Mohd. Saaid, insya Allah kita akan cuba memikirkan, dan bersangkutan-paut dengan syor yang diperkata-

kan oleh Senator Tuan Kamarul Ariffin akan dipertimbangkan. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual—

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, mengikut Jadual di bawah Seksyen baru 31A (1):

“Tiada seseorang yang namanya telah dipotong dari Daftar di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (i) seksyen 30 berhak kemudiannya didaftarkan sebagai seorang pengamal perubatan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.”

Ertinya kalau saya tidak salah iaitu seseorang doktor yang telah melanggar tata tertib di dalam sesuatu peraturan yang dibuat oleh mereka itu maka ia akan digantung daripada didaftarkan namanya dari senarai doktor-doktor yang boleh mengamalkan amalannya. Tetapi oleh Majlis ini jika difikirkan patut di dalam sesuatu hal untuk berbuat demikian atas permohonan orang yang berkenaan itu memerintahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula, apabila telah dikeluarkan namanya setelah melanggar tata tertib itu kemudian ia boleh dimasukkan semula. Saya rasa seseorang doktor yang telah melakukan sesuatu kesalahan baik dalam cara tata tertib atau di dalam cara mengamalkan prakticenya, tidak patut didaftarkan semula dengan tidak ada sesuatu hukuman yang dikenakan kepadanya.

Misalnya, mungkin ada seorang doktor atau sebuah klinik yang mengamalkan pengguguran anak sedangkan pengguguran anak tidak dihalalkan dalam negeri ini. Dia telah melakukan itu dan didapati

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.48 m/m.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) dibaca bagi kali yang kedua.

Masalah-masalah menyalahgunakan dadah dalam Malaysia khususnya antara muda-mudi adalah semakin bertambah. Lapuran-lapuran yang diterima menunjukkan bertambahnya tentang rampasan dadah haram, tangkapan-tangkapan dan sabitan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan dadah. Pesakit-pesakit yang diterima masuk ke dalam hospital kerana masalah-masalah yang ada kaitannya dengan dadah dan juga kes-kes sekolah yang ada kaitannya dengan dadah yang telah dilaporkan. Perangkaan mengenai tangkapan dan rampasan oleh pihak Polis, Kastam dan Pusat Biro Narkotik sepanjang lima tahun yang lalu menunjukkan pertambahan yang agak besar. Rampasan yang paling jelas sekali bertambah ialah rampasan heroin iaitu daripada sebanyak 0.208 kilogram dalam tahun 1970 kepada angka 26.470 kilogram dalam tahun 1974. Ini dengan jelas menunjukkan masalah perdagangan heroin secara haram telah bertambah dengan pesat.

Dalam tahun 1973 satu Makmal Heroin telah dijumpai di Bukit Mertajam. Makmal itu telah bergerak selama beberapa tahun sebelum dijumpai dan telah bertanggungjawab atas pemerosesan heroin dalam negeri ini. Kebanyakan dari heroin yang telah dijumpai di merata-rata tempat dalam negeri

ini berasal dari makmal itu. Satu lagi rampasan yang bertambah ialah pokok ganja dan sungguhpun ganja ini tidaklah sebegitu merbahaya seperti heroin, namun ianya memberi kebimbangan besar juga kerana ianya adalah suatu bekalan yang berpunca dari tempatan. Ganja yang ditanam secara haram ada dijumpai di barat daya Negeri Johor. Dalam tahun 1973 sejumlah 47,401 pokok telah dibinasakan oleh agensi penguatkuasa undang-undang berbanding dengan 4,418 pokok dalam tahun 1970. Oleh kerana ganja ini adalah satu bekalan yang berpunca dari tempatan maka menghisap ganja adalah satu daripada kesalahan salahguna dadah yang paling banyak sekali dalam negeri ini, khususnya oleh muda-mudi kita. Banyak lagi faktor lain yang mungkin juga menyebabkan bertambahnya perdagangan dadah. Selagi ada permintaan bagi dadah haram dalam pasaran maka bekalan akan terus berkembang. Malaysia adalah sebuah negara yang maju dengan pesatnya, bertambah Keluaran Negara Kasar (Gross National Product) dan pendapatan persendirian serta juga perindustrian dan perbandaran menjejaskan kehidupan orang ramai khususnya pertambahan itu menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan golongan muda yang dipandang sebagai penting untuk meneruskan kemajuan negara di masa hadapan.

Satu lagi faktor penting yang mungkin juga menyebabkan bertambahnya perdagangan dadah secara haram ialah keuntungan yang diperolehi dari perniagaan itu. Pihak syndicate tahu tentang adanya permintaan bagi dadah dalam negeri ini dan mereka boleh mengadakan dadah itu untuk pasaran. Syndicate dadah juga mendapati hukuman yang diperuntukkan oleh Undang-undang Dadah di dalam negeri ini tidaklah sebegitu berat berbanding dengan keuntungan besar yang diperolehi dari jualan dadah. Mereka tahu yang mereka boleh membayar apa juga denda yang dikenakan oleh Mahkamah atau apa sekalipun yang terjadi, menjalani hukuman penjara selama beberapa tahun sahaja. Pada mulanya apabila masalah penyalahgunaan dadah ini menjadi suatu perkara yang membimbangkan dalam negeri ini, terutamanya di kalangan ibubapa, corak perdagangan dadah secara haram semata-mata tertumpu kepada negeri ini sahaja. Akan tetapi sekarang ini tidak lagi begitu. Dalam bulan-bulan yang baru ini beberapa

orang Malaysia telah ditangkap di Eropah, kerana terlibat dalam heroin dan ini menunjukkan yang corak perdagangan dadah secara haram telah berubah. Sekarang ini masalah itu telah menjadi masalah antara-bangsa. Rampasan heroin baru-baru ini di Eropah dari orang-orang Malaysia menunjukkan yang heroin bukan sahaja digunakan dalam negeri ini bahkan untuk diekspot. Syndicate-syndicate dadah dalam Malaysia telah mendapat pasaran baru bagi heroin di Eropah. Mereka telah mendapati yang harga heroin di pasaran gelap di Eropah adalah sepuluh kali ganda dari harga yang terdapat dalam negeri ini. Selain dari itu undang-undang di Eropah berkenaan dengan kesalahan-kesalahan dadah tidaklah sebegitu berat jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Oleh kerana itu lebih banyak lagi syndicate dadah mula bergerak. Cara gerakan terbaru yang diambil oleh syndicate dalam negeri ini ialah dengan menggunakan pembawa untuk melakukan kerja itu bagi pihak mereka. Pembawa-pembawa ini dibayar dengan lumayan bagi tiap-tiap kiriman yang dapat lepas ke Eropah. Segala kemudahan lain seperti tambang kapal udara untuk pergi dan balik, penginapan di hotel dan paspot antarabangsa adalah disediakan oleh syndicate dadah.

Beberapa orang Malaysia yang ditangkap baru-baru ini di Eropah itu rupa-rupanya pembawa-pembawa dari syndicate dadah di Malaysia. Selagi permintaan bagi heroin di Eropah berterusan dengan harga yang baik syndicate-syndicate dadah Malaysia akan terus memperdagangkan dadah ke Eropah dengan apa jua cara atau jalan. Oleh kerana sebab-sebab ini maka mustahaklah hukuman yang lebih berat patut dikenakan ke atas orang-orang yang memperdagangkan dadah narkotik, baik dalam Malaysia mahupun di luar negeri.

Perdagangan dadah narkotik secara tempatan akan membinasakan negara ini, perdagangan dadah itu ke lain-lain tempat bahagian dunia oleh rakyat kita akan merosakkan nama baik negara kita di bidang antarabangsa. Oleh yang demikian, itu, tidak kira siapa juga pedagang dadah itu dan di mana juga mereka menjalankan gerakan, mereka itu patut dibicarakan dengan tegas dan tanpa takut-takut atau tanpa harapan balasan. Dengan berbuat demikian, kita harap masaalah penyalahgunaan dadah yang

bukanlah sahaja menjadi masalah di kalangan rakyat dalam negara ini, bahkan segala manusia lain di seluruh dunia ini dapat dikurangkan atau dihapuskan. Kita perlukan undang-undang yang kuat dan hukuman yang berat supaya orang takut melakukan kesalahan itu. Memandangkan kepada gejala tempatan dan antarabangsa sekarang ini dalam hal penyalahguna dadah, penalti-penalti yang diperuntukan dalam Ordinan Dadah Berbahaya Tahun 1952 telah didapati tidak mencukupi. Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman sebat selain daripada penalti-penalti yang telahpun diperuntukkan itu dalam kes-kes melibatkan candu mentah seberat tidak kurang daripada 2 kilogram, candu masak seberat tidak kurang daripada 250 grams dan heroin atau morphine seberat tidak kurang daripada 5 grams. Tambahan pula Rang Undang-undang ini juga bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan memperdagangkan dadah merbahaya dan penalti baginya adalah hukuman bunuh atau penjara seumur hidup disertakan dengan sebat. Hukuman seberat ini nampaknya patut memandangkan kepada bertambahnya bilangan kes memperdagangkan dadah. Kebenaran Pendakwa Raya adalah perlu sebelum apa-apa pendakwaan boleh dimulakan bagi kesalahan yang besar ini.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan mengadakan peruntukan berkenaan dengan rawatan pemulihan bagi penagih-penagih dadah. Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Polis adalah diberi kuasa untuk menghantar seseorang penagih dadah yang disyaki untuk mendapat rawatan di sesuatu institusi yang diluluskan, selepas diperhatikan oleh seorang pegawai perubatan. Mahkamah boleh juga menghantar seorang penagih dadah untuk mendapat rawatan jika penagih itu telah dikemukakan di hadapannya. Dalam apa-apa hal lain penagih boleh dengan sesuka hatinya meminta untuk menjalani rawatan itu. Peruntukan ini didapati perlu memandangkan kepada bilangan penagih dadah yang bertambah itu.

Akhir sekali, Rang Undang-undang pindaan ini membolehkan supaya kenyataan beringat-ingat yang diambil dari orang-orang yang dituduh atas sesuatu kesalahan di bawah Ordinan itu diterima sebagai keterangan bagi maksud pemeriksaan balas dan mencabar

kebenaran. Ini akan membantu pihak berkuasa dalam hal mendakwa pesalah-pesalah dadah dan juga hal menguatkuasakan Ordinan itu amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

9.00 mlm.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan Rang Undang-undang ini merupakan suatu perkara yang mustahak bagi negara kita supaya anak-anak muda-mudi kita ini tidak terlibat terlalu meluas dengan amalan dadah dan heroin yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit masyarakat yang begini berbahaya bukan sahaja telah merosakkan masyarakat anak muda kita tetapi telah memburukkan nama negara kita di luar negeri di mana kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah telah dilakukan oleh warganegara kita di luar negeri. Ini membuktikan bahawa di dalam negeri kita sendiri seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kilang membuat heroin, dadah dan sebagainya dan termasyhurlah negara kita ini di luar negeri sebagai pengekspot dadah selain daripada pengekspot kelapa sawit dan bijih timah.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang meletakkan hukuman yang seberat ini kepada orang-orang yang bersalah memanglah patut dan memang layak tetapi perkara yang dititik-beratkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah hukuman terhadap orang yang didapati bersalah dan seorang yang bersalah itu baharu sabit kesalahannya setelah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Untuk menjatuhkan hukuman di dalam mahkamah bukanlah satu perkara yang begitu mudah sehingga seseorang itu boleh dijatuhkan hukuman bunuh. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyakkah sudah hukuman bunuh yang dilakukan di dalam negara kita ini akibat daripada kesalah-kesalahan jenayah, termasuk kesalahan dadah, berapa orang setakat ini sesudah merdeka yang telah dihukum bunuh samada dia melakukan jenayah atau sebagainya.

Saya rasa untuk menentukan seseorang itu hukuman bunuh adalah satu perkara yang agak susah sedikit setiap orang memikirkan begitu, bukan sahaja hukuman bunuh itu susah hendak dilaksanakan sehingga hukuman seumur hidup pun payah, cuma ini sebagai suatu penakut sahaja, dia mengemparkan sahaja orang supaya jangan buat begini, hukumannya bunuh, tetapi hukuman bunuh ini mesti disabitkan, tak ada disabitkan tak boleh bunuh orang, salah juga mengikut undang-undang negara kita membunuh orang tak ada perkara yang disabitkan. Mensabitkan perkara yang macam ini adalah satu hal yang rumit dan payah. Tetapi apa salahnya kalau Kementerian ini menekankan hukuman yang berat kepada pengguna-pengguna dadah itu sendiri bukan pengedar. Orang yang menggunakan dadah sekarang ini bukan sahaja diamalkan oleh orang-orang di dalam bandar tetapi juga digunakan oleh pemuda-pemudi, belia-beliawanis kita di luar bandar. Dalam bandar pun ada, di luar bandar pun ada, siapakah yang hendak mengambil tahu hal ini?

Saya pernah menalipon seorang pegawai Polis dan berkata: "Tuan, di antara pukul 9 sampai pukul 12.00 malam di tempat ini ada pemuda-pemudi berkumpul seramai tak kurang daripada 10 orang yang kerjanya menghisap ganja, tidur di tengah jalan, mengganggu orang keluar-masuk yang balik daripada tengok wayang dan sebagainya, tolong tuan pergi tengok". Dia pergi bawa motokar ronda, dibunyikannya siren. Kalau hendak tangkap pencuri dengan membunyikan siren ataupun buka lampu motokar besar-besar, orang lari, takkan dapat ditangkap. Kalau sekiranya laporan yang dikemukakan oleh orangramai dalam masalah ini, kalau hendak diserahkan kepada Biro Narkotik sahaja, atau serah atas kebijaksanaan Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja, kebijaksanaan pegawai Polis sahaja dengan tak ada kerjasama daripada orangramai, daripada ibubapa, maka kerja yang macam ini tak dapat diatasi. Kerjasama dari orangramailah yang penting, yang mustahak. Kalau seorang pegawai Polis menerima laporan daripada seseorang, katakanlah seorang Ahli Parlimen dan tak diambil tindakan terhadap orang itu, tak ada dijalankan rondaan, tak ada dijalankan tangkapan, maka kerjasama daripada orangramai ini tak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak melihat orang hisap dadah dan tidur di tengah jalan, malam ini, selepas persidangan inipun saya boleh bawa tetapi siapa yang hendak bertindak menangkapnya? Bila sudah ditangkap orang ini, saya rasa tak pernah berlaku tangkapan dan orang itu berkeliaran di tepi jalan, bersorak-sorak mengusik anak dara orang yang pulang dari kerja di tengah malam, ketuk pintu rumah orang di tengah malam dan sebagainya dan sesudah daripada itu orang ini nanti akan mencuri, merompak masuk ke rumah orang. Tetapi satu baiknya orang hisap dadah ini kalau dia masuk ke rumah orang dan mencuri, dia tak mencuri barang banyak-banyak, dia mencuri barang yang perlu sahaja untuk membeli dadah pada hari esok. Misal kata dia mencuri spot light satu sahaja, ada dua spot light kereta dia tak ambil kedua-dua tetapi dia ambil satu sahaja, esok dia jual dan dibelinya dadah untuk dua tiga hari, lepas itu dicurinya yang lagi satu itu, dia beli juga. Sesudah itu pula dicarinyalah masuk ke dalam kedai atau ke rumah-rumah orang, kalau ada rokok satu kartun, dia ambil rokok satu kartun, yang lain dia tak usek. Ini baiknya orang hisap dadah tetapi berbahaya.

Seorang yang menghisap dadah mengikut siaran talivisyen malam kelmarin ada menyuarakan cara bagaimana orang hisap dadah, mengikut keterangan yang disiarkan oleh talivisyen malam kelmarin mengatakan bahawa bila hisap dadah, ganja ini, hilang semua kesusahan, seronok sahaja, sedap sahaja, dunia ini dia punyai, senang. Dalam dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak kita cari—kesenangan, tak ada worried, sekarang hisap dadah no worry, itu yang dicari oleh mereka dan harganya pula murah—\$1.50; \$1.80; \$2; \$3. Kalau kita hendak kesenangan, hendak menjadi orang kaya bila hendak jadi orang kaya? Yang kaya ialah orang kaya juga, yang miskin ialah orang miskin juga, jadi bila masa orang miskin hendak jadi senang? Hendak tunggu dia jadi kaya (millionaire), tak ada peluang hendak minta goreng pisang di tepi jalan pun kena tangkap, jadi tak ada jalan bagi dia hendak mencari duit. Dia hidap ganja, hisap ganja; “saya raja”, kata

dia. Inilah bahaya dadah ini kepada jenerasi kita yang akan datang. Ada orang kata mengikut penyelidikan yang dibuat oleh ahli-ahli yang menyiasat yang terlibat menghisap ganja, dadah ini bukan sahaja orang miskin di kampung tetapi orang kaya juga sebab rupanya orang kaya pun susah juga, bukan orang miskin sahaja yang susah, orang kaya pun susah, dapat duit million-million pun susah. Ada isteri cantik pun susah, ada rumah besar pun susah, ada kereta besar pun susah, dibuat pagar rumahnya sampai sepuluh kaki pun susah juga. Jadi untuk menghilangkan kesusahan ini, hisap ganja. Orang kaya, tetapi dalam rumahnya yang tertutup itu siapa hendak tangkap? Anjingnya lebih besar daripada saya. Jadi bagaimana hendak tangkap orang yang macam ini? Kalau kita talipon kepada Pegawai Polis suruh pergi tangkap, tidak ada peluang hendak masuk ke dalam rumahnya. Jadi masalahnya masalah mesyarakat. Adakah pegawai-pegawai ini hendak meminta kerjasama daripada orangramai atau tidak? Itu masalahnya. Jikalau hendak meminta kerjasama daripada orangramai, sebarang laporan yang dihantar oleh orangramai kepada pihak ini samada pihak Pegawai Polis misalnya atau Biro Narkotik maka mesti bertindak segera tangkap orang itu, tidak payah bawa ke mahkamah; serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, ditanya di situ bagaimana dia dapat dadah. Pada waktu dia gila, waktu kepalanya tidak begitu kenal kepada orang, kita boleh tanya dari mana dia dapat dadah. Dia tentu ceritakan siapa orang yang terlibat itu. Kita beri lagi dia dadah sampai dia tidak sedar, dia akan menceritakan semua sekali. Ini evidence yang kita boleh tangkap orang yang terlibat. Beri dia tiga kati dadah, dan selepas itu kita boleh dapat evidence dengan menggunakan tape-recorder. Itu boleh dijadikan sebagai asas menyiasat. Belum sabit lagi kesalahan orang itu tetapi dapat kenyataan, seperti orang mabuk ini kadang-kadang dia bukan mabuk betul-betul, kadang-kadang ini mabuk ayam sahaja. Apabila dia sudah mabuk, dia cakap bermacam-macam: “Apa, awak berani lawan sama sayakah? katanya. Ini orang mabuk tetapi cakap-cakap orang mabuk ini boleh dijadikan sebagai asas untuk menyiasat benar atau tidak.

Begitujuga masalah dadah. Masalah dadah ini bagi fahaman saya, yang penting tangkap orang yang menghisap dadah dan

orang inilah kalau hendak disebat. Kalau hendak tunggu orang yang mengedar ini disebat, dari mana dia hendak naik kapal terbang daripada Kuala Lumpur sampai ke Singapura dan ke Stockholm. Bagaimana hendak ditangkap? Susah hendak tangkap benda yang macam ini. Siapa hendak tangkap, dia dapat upah begitu lumayan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi kapal terbangnya, makan minum dan kesenangannya dijamin oleh syndicate ini. Jadi siapa yang hendak beritahu bahawa taukeh syndicate ini sianu bin sianu dan di sini tempatnya. Siapa yang hendak beritahu? Seorang pun tidak beritahu. Jadi bagi fahaman saya perkara yang penting bagi kita sekarang ini, di dalam Fasal 5 ini disebutkan di dalam Huraiannya:

“Fasal itu juga mengadakan satu peruntukan khas berkenaan dengan rawatan bagi penagih-penagih dadah.”

Bagaimana kita hendak beri rawatan kepada seseorang penagih dadah kalau kita tidak serang dan tangkap orang itu? Adakah dia hendak menyerah diri begitu sahaja macam tiga orang dalam talivisyen malam tadi? Tidak mungkin. Malam tadi ada ditayangkan dalam talivisyen, dia bertanya kepada orang-orang itu bagaimana rasanya hisap ganja.

“Hilang semua susah-susah, tuan.” Kata orang itu. Semua susah-susah hilang.

Jadi apa awak rasa?

“Rasa senang”.

“Macam mana baunya?”

“Baunya macam bakar sampah”.

Jadi rupanya talivisyen malam tadi itu bukan hendak mencari fasal apa orang hisap dadah, tetapi dia hendak menunjukkan bagaimana rasa hisap dadah. Jadi sudah terbalik. Maka interview yang dibuat malam tadi itu seakan-akan bahawa menghisap dadah itu satu keseronokan, bukan satu bahaya. Saya tidak tahulah cara tayangan talivisyen yang macam ini hendak dibesar-besarkan sangat tentang masaalah hisap dadah malam tadi. Saya pun kelamkabut menengoknya juga.

Masaalah yang penting bagi kita iaitu selain daripada kita hendak menangkap siapa dia ketua dan syndicate ini maka kita mesti cari kakitangan yang di bawah. Kakitangan yang di bawah itu ialah pengguna-pengguna (penghisap-penghisapnya) terdiri daripada anak-anak kita, belia beliawanis kita.

Ada satu statistics yang dikeluarkan, boleh jadi sah atau tidak sah, yang mengatakan orang-orang yang menggunakan dadah ini 80 peratus daripadanya terdiri daripada pemuda-pemuda Islam. Saya tidak tahu dari mana statistics ini didapati oleh orang ini dan siapa yang mengeluarkan statistics ini, kita boleh cabar. Dia mengatakan 80 peratus orang Islam yang menghisap dadah. Dari mana dia dapat? Saya agak dia dapat daripada orang yang ditangkap iaitu daripada orang yang menyerah diri. Orang yang ditangkap itu agaknya terdiri daripada anak-anak Melayu yang di antara 100 orang dapat 80 orang Melayu atau orang-orang Islam. Tetapi dalam bandaraya ini banyak orang yang menghisap ganja, candu dan dadah yang kita tidak tahu. Saya tidak dapat menerima yang mengatakan 80 peratus itu terdiri daripada orang Islam malah soal penyakit dadah adalah penyakit masyarakat kita, bukan orang Islam sahaja tetapi juga orang bukan Islam.

Saya minta Yang Berhormat Menteri supaya memerhatikan, seperti yang saya sebutkan tadi Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Polis adalah berkuasa untuk menghantar sesiapa jua yang disyakki seseorang penagih dadah supaya diperiksa atau diperhatikan oleh seorang Pegawai Perubatan. Jadi seorang pegawai polis ini bolehlah dia menghantar siapa yang disyakki. Dia tidak boleh menghantar orang yang disyakki, orang itu mesti ditangkap dan dikurung. Katalah dalam kawasan Utara Kuala Lumpur ini dapat 100 orang dan selepas itu serahkan kepada Menteri Kebajikan Am. Cari dan tangkap orang itu betul-betul. Jangan pulangkan dia ke kampungnya. Orang yang hendak membeli dadah ini ialah orang yang penagih dadah itu. Macam kita tidak beli, ada pelanggannya. Jadi kalau pelanggan ini semua sekali kena tangkap di mana dadah itu hendak dijual? Masaalah yang dapat diambil perhatian dan perkara yang penting sekali bagi saya, saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri supaya Pegawai-pegawai Polis yang bertanggungjawab dapat bekerjasama dengan orang ramai yang memberi maklumat-maklumat ini.

Adapun hukuman yang boleh dikenakan hukuman bunuh atau penjara dan dalam hal yang demikian, dia bolehlah dikenakan hukuman sebat. Saya rasa hukuman yang macam ini memanglah tidak patut. Saya rasa bukan sahaja patut, tetapi patut orang ini

dihukum bunuh di hadapan orang ramai. Panggil dia di khalayak ramai di Rifle Range berhampiran Padang Tembak di sana, orang yang sudah sabit kesalahannya dan kita cari tujuh orang penembak dan kita tembak orang ini dengan tujuh kali das kerana kesalahan seperti yang dilakukan di negeri-negeri Islam di Mekah misalnya, kalau dia didapati salah membunuh orang, maka kepalanya akan dipancung selepas Sembahyang Jumaat. Selepas Sembahyang Jumaat itu terlampau ramai orang, diletak tepi jalan, diambil pedang, orang ini bersalah kerana bunuh orang, hukumannya dibunuh balik, dipancung di hadapan orang ramai. Apabila membunuh orang, inilah hukumannya. Jadi sekarang ini kalau ada berjumpa dengan penjual dadah, orang-orang yang bersalah yang hendak dikenakan hukuman bunuh maka, hukum bunuh itu diadakan di hadapan orang ramai dekat Padang Tembak. Kita gunakan polis atau askar seramai tujuh sepuluh atau dua belas orang, tembak orang itu dengan bren gun sebab dia ialah orang yang membunuh fikiran rakyat yang ber-puluh-puluh ribu, hukumannya tidak lain tetapi ditembak dengan bren gun di hadapan orang ramai.

Jangan seorang sahaja dia tidak takut. Kalau seorang sahaja hantar mayatnya pulang ke rumah sudah, masukkan dalam kubur, habis cerita. Kalau boleh panggil Ahli Yang Berhormat ini semua duduk di hadapan kerusi V.I.P. seperti kita membuka persidangan Parlimen dahulu dengan memakai b.tang-bintang di dada mereka baharulah ditembak orang itu dengan bren gun. Saya rasa cara semacam ini ada kesannya. Dengan sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan berapa orangkah yang telah dihukum mati kerana kesalahan-kesalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

9.21 mlm.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1975.

Di sini saya suka hendak memberi pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah mengambil berat berkenaan dengan pindaan

Undang-undang ini iaitu mengenakan hukuman bunuh sampai mati ataupun dipenjara seumur hidup dan dirotan. Untuk melakukan perkara yang semacam itu pula kita berkehendakkan bukan sahaja daripada rakyat jelata memberi sokongan bagaimana hendak menangkap mereka tetapi moral support dari peguam-peguam ini yang membela selepas orang itu kena tangkap, ini satu perkara yang selalu berlaku. Apabila satu-satu jenayah besar dikenakan ada sahaja peguam pergi membelanya. Sedangkan moral support dikehendaki daripada rakyat jelata tetapi sebaliknya Peguam-peguam tidak memberi moral support.

Tuan Yang di-Pertua, kita katakan hukuman akan dikenakan bagi mereka yang membawa atau mengedar ganja tetapi bagaimana pula orang yang beri tanah untuk menanam ganja ini, apakah hukumannya? Orang yang mengeluarkan perbelanjaan untuk menanam ganja ini, apakah hukumannya? Ini tidak ada tersebut di dalam Undang-undang ini mengatakan orang yang memberi kebenaran untuk menanam pokok ganja dan orang yang mengeluarkan wang untuk menanam pokok ganja ini tidak ada tersebut dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji untuk kebaikan masyarakat ini alangkah baiknya jikalau di sekolah-sekolah diadakan pensyarah-pensyarah untuk menerangkan bahayanya menghisap ganja ini dan begitu juga dalam panggong-panggung wayang diadakan gambar bagaimana bahayanya ganja ini supaya orang ramai mempunyai kesedaran tidak seperti kata Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah tadi, saya tidak ber-setuju sebagaimana kita ketahui ganja adalah merbahaya besar dan mengikut pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah mereka yang melakukan kesalahan ini hendaklah dibunuh di hadapan khalayak ramai, apa pula pandangan dunia terhadap kita? Itu kita mesti kaji. Itulah sahaja sedikit-sebanyak pandangan saya mengenai dengan perkara ini; timbulnya perkara ini ialah hasil daripada buah fikiran saya sendiri yang dikemukakan kepada Kerajaan mengenai perkara dadah ini dahulu jadi sepatutnyalah saya bercakap sedikit-sebanyak berkenaan dengan perkara ini. Saya berharap perkara ini akan mendapat sambutan daripada orang ramai khususnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini. Terima kasih.

9.22 *mlm.*

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan Yang Berhormat menyokong Rang Undang-undang ini dan saya tidak hendak bercakap panjang kerana telah disentuh banyak oleh Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah.

Ada sedikit perkara yang belum disentuhkan lagi kerana perkara ini berbangkit setelah diminta oleh pemimpin-pemimpin kita, Menteri-menteri kita dalam hal dadah meminta kerjasama orangramai, ibubapa, guru-guru, pegawai-pegawai, penghulu, imam-imam dan sebagainya. Masalah yang mereka timbulkan bahawa mereka tidak dapat memberi kerjasama dalam perkara ini kerana mereka sendiri tidak mengenali dadah ini. Ada orang yang tidak tahu apa itu ganja. Ada orang tidak tahu bagaimana rupanya heroin dan sebagainya. Jadi kalau anak-anak mereka di Pusat Pengajian Tinggi umpamanya membawa pulang ke rumah dengan menipu ibubapa mengatakan, ini ubat untuk menguatkan permainan silat gayong dan menaikkan badan supaya sihat, jadi ibubapa sendiri di rumah akan tertipu kerana mereka tidak mengenali ganja, heroin, morphine dan sebagainya. Saya mengesyurkan kepada Kementerian yang berkenaan khususnya melalui Biro Norkotik, Jabatan Penerangan dan Kementerian Kesihatan supaya membuat pameran secara besar-besaran dan luas hingga sampai ke daerah-daerah pedalaman, di sekolah-sekolah semasa diadakan perayaan hari ibubapa, hari kesihatan sedunia dan sebagainya supaya ibubapa sendiri mengetahui dan saya mengaku dalam Dewan ini, saya sendiri tidak kenal, banyak lagi dadah selain daripada pokok ganja yang telah dipamerkan di Perlis tempoh hari. Jadi bagaimana saya hendak menolong Kerajaan hendak mengawal supaya kanak-kanak sekolah, orang-orang yang berkenaan membawa pulang untuk dijual kepada orangramai, atau kepada saya? Perkara ini saya rasa belum disentuh lagi oleh rakan-rakan saya supaya dadah itu dipamerkan dan diberi pengetahuan secara meluas ke seluruh negara kita dan di daerah-daerah pedalaman supaya mereka mengenali cara penggunaannya dan memberi penerangan akan akibatnya setelah pendadah ini diserapi oleh penyakit bagi orang-orang yang menghisap dadah ini supaya ternyata di mata mereka bahawa inilah akibat-akibat dan contoh-contoh yang

akan agak lebih berkesan untuk diberi pameran secara meluas. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

9.27 *mlm.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya terpaksa bangun bercakap terhadap Rang Undang-undang ini sebelum peguam-peguam ditembak, kalau kita mengikut syor Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar. Sebenarnya kalau kita pandang kepada Rang Undang-undang ini kita nampak satu peruntukan baharu yang mana boleh membantu Pendakwa-pendakwa semasa mereka mengemukakan kes-kes di atas tuduhan di bawah Rang Undang-undang ini. Sebenarnya kalau kita lihat kepada Fasal 5 Seksyen 37B baharu menunjukkan satu peruntukan yang mana boleh membantu pendakwa. Sebenarnya inilah satu peruntukan yang biasanya peguam-peguam tidak suka. Saya baca laporan di Dewan Rakyat mengatakan ada seorang peguam telah membangkang keras terhadap peruntukan di bawah Fasal 5 ini. Tetapi bagi saya, saya tidak ada langsung keberatan, serupa juga di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (ISA) umpamanya, kita ada peruntukan serupa ini. Begitu juga di bawah Undang-undang Senjata Api Berbahaya, itu pun ada juga peruntukan semacam ini iaitu "admission of statement in evidence" satu peruntukan yang boleh membantu Pendakwa. Di sini dengan adanya peruntukan ini, saya boleh mengatakan peguam-peguam tidaklah akan selalu menang di atas kes-kes yang akan mereka bela jika seorang itu dituduh di bawah Ordinan Dadah Berbahaya, 1952.

Penggunaan dadah ini sudah sampai keperingkat yang merbahaya kepada negara kita, kalau kita memandangkan kepada angka-angka yang diberi oleh Timbalan Menteri Undang-undang sebentar tadi.

Daripada tahun 1970 hingga tahun 1974 angkanya sudah naik begitu banyak sekali. Jadi, kita tidak tahu, kita belum dapat lagi mengukur apakah akan terjadi kepada jenerasi muda yang menggunakan dadah di antara tahun 1970 hingga tahun 1974. Apakah jenis manusia yang akan timbul? Mujurlah kita sedar sekarang ini betapa bahayanya dadah ini. Kita sudah sampai keperingkat yang agak merbahaya. Jadi, di sini kita terpaksa mengambil tindakan

yang agak lebih sedikit untuk menghebahkan kepada orangramai betapa bahayanya penggunaan dadah. Satu kempen besar-besaran, satu kempen nasional patut diadakan. Serupa juga seperti kita mengadakan kempen anti-sorok. Itu telah membawa kesan. Patut juga kita mengadakan kempen semacam itu. Kempen ini bukannya setakat kempen sahaja. Saya rasa terperanjat apabila mendengar Yang Berhormat Senator Haji Othman Abdullah menyatakan berkenaan dengan programme yang ada di dalam talivisyen semalam. Saya sendiri tidak menyaksinya. Jikalau itulah cara-caranya, pada saya nampaknya tidak memberi kesan. Ianya seolah-olah mengangong-angongkan dadah.

Begitu juga kalau saya buat bandingan, kalau tidak salah, pada pagi tadi tatkala saya membaca surat khabar, satu seminar mengenai dadah sedang diadakan. Saya rasa terperanjat sedikit kerana seminar itu diadakan di Genting Highlands, tempat orang berjudi. Nampaknya judi ini di satu pihak dan dadah yang kita bincangkan ini disatu pihak pula—di tempat yang sama. Saya rasa ini tidak consistent. Kalau orang berjudi, biarlah disana. Rasa saya kalau mengadakan satu seminar semacam itu tak usahlah diadakan di tempat perjudian. Cari tempat yang lain. Banyak lagi tempat lain yang ada. Kalau begitulah caranya kita buat, nampaknya kita membuat satu cara mahu tidak mahu sahaja. Begitulah juga, rasa saya dari segi cara kita hendak melaksanakan undang-undang ini.

Senator Haji Othman Abdullah membawa contoh, kalaulah ada rungutan atau aduan daripada orangramai kepada pihak yang berkuasa, adakah pihak yang berkuasa itu akan mengambil tindakan serta-merta ataupun mereka menganggap ini satu tugas biasa, boleh diambil tindakan 24 jam kemudian. Rasa saya kalau kita menghadapi kempen nasional, kempen yang kita anggap penting, terpaksa kita mobilisekan semua tenaga terhadap menghapuskan dadah ini. Kita tahu kumpulan-kumpulan pemandu kereta, kalau mereka tidak ada kerja, sementara menunggu-nunggu itu, kadang-kadang mereka menghisap ganja. Adakah pihak yang berkuasa mengesan mereka ini? Kalau ada kumpulan-kumpulan orang-orang muda-mudi pada sebelah petang; pukul 10.00 malam umpamanya, rasa saya kalau

hendak menjalankan kempen ini, tidak ada salah langsung kalau pihak yang berkuasa hendak, kumpulkan mereka, tanyakan kenapa mereka berada disitu, ataupun periksa mereka itu. Itu satu tindakan yang berkesan kepada saya. Kita menghadapi satu kempen secara besar-besaran, kempen nasional, dan kalau kita tidak hapuskan penggunaan dadah ini, rasa saya masyarakat kita akan hancur dalam tempoh 10 tahun lagi.

Kita ambil contoh di Amerika Syarikat. Mereka menghabiskan wang beribu-ribu malah berjuta-juta ringgit untuk berperang di Vietnam. Berapa ramaikah askar-askar (pemuda-pemuda) Amerika yang berperang di Vietnam yang telah gugur, bukan kerana berperang tetapi kerana dadah. Tuan Yang di-Pertua, yang sedia tahu sendiri kedudukan di Amerika Syarikat itu, bagaimana ramainya bekas-bekas tentera Amerika yang tidak berguna lagi oleh kerana ketagihkan dadah. Memang itu tidak boleh dinafikan. Dan kita ini baru hendak sampai kesuatu peringkat yang mana pemuda-pemudi sudah mula merasai kedudukan ini. Tindakan tegas terpaksa diambil terhadap pemuda-pemudi kita. Tindakan yang lebih tegas patut kita tujukan kepada sekolah-sekolah. Jangan ingat murid-murid yang pergi ke-sekolah itu semuanya pergi belajar sahaja. Ada sekolah di Kuala Lumpur ini yang mana Guru Besarnya tahu, tetapi Guru Besar tidak mempunyai kuasa. Kalau Guru Besar itu jentek telinga murid-murid itu, sudah menjadi satu kesalahan pula kepada Guru-guru Besar tersebut. Ini menunjukkan kuasa yang tidak ada kepada Guru-guru Besar atau guru-guru. Jikalau begitu kedudukannya, bagaimana guru-guru hendak mengambil tindakan? Guru-guru pun apabila sampai peringkatnya mengatakan buat susah diri mereka sendiri sahaja. Rasa saya ini tidak menyelesaikan problem yang kita hadapi. Problem ini terpaksa dihadapi oleh ibubapa, guru-guru, polis dan orangramai keseluruhannya. Kalau perlu kita mengadakan upahan (reward) kepada orang-orang yang melapurkan adanya perbuatan trafficking dari segi dadah, kita beri upah serupa yang kita buat kepada orang-orang yang melarikan Income Tax dan pelarian cukai kastam. Tidak ada salahnya. Jikalau kita tidak membuat kempen secara besar-besaran, saya rasa kita tidak akan boleh menyelesaikan problem ini.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya kerana mengambil masa sedikit lagi tetapi oleh kerana ini satu masalah yang serious yang dihadapi oleh kita semua biarlah kita memberi perhatian yang lebih sedikit terhadap perkara ini. Kalau setakat ini kita buat kerja secara mahu tidak mahu sahaja, dari sekarang kita tukarlah corak kita. Saya tujukan juga perkara ini kepada pihak Polis sendiri. Banyak anggota-anggota Polis muda yang berumur antara 18 hingga 22 tahun ke atas mereka juga ada yang terlibat. Jadi tindakan disiplin yang keras sedikit hendaklah diambil terhadap mereka. Kita jangan takut kalau hendak exposekan mereka. Kalau perkara ini tidak dibawa secara besar-besaran mungkin ianya tidak mempunyai kesan. Kalau umpamanya ada pihak Polis atau pihak anggota tentera kita yang terlibat didalam penghisapan dadah ini, kita terangkan kepada umum, tak usah malu-malu lagi, kerana dengan secara begitu, rasa saya orang ramai sendiri akan berfikir tentang bahayanya dadah itu. Mereka boleh membantu kita bagi menghapuskan penggunaan dadah.

Itulah sedikit sebanyak pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan sebelum saya duduk, saya suka membuat satu pandangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang kerana dengan adanya peruntukan baru Seksyen 37B seperti yang saya sebutkan pada awal ucapan saya tadi bahawa ini sungguh membantu pihak pendakwa, tetapi dalam pengalaman saya sebagai peguam ada kalanya orang yang tidak bersalah langsung boleh dikenakan hukuman, kerana tekanan di bawah Seksyen 37B ini boleh dikatakan sebelah pihak. Kalau orang-orang itu betul-betul bersalah kenakanlah hukuman yang setinggi-tinggi sekali. Tetapi di bawah peruntukan Seksyen 37B ini jikalau orang itu tidak bersalah—betul-betul tidak bersalah tetapi kalau salahguna di bawah peruntukan Seksyen 37B orang yang terniaya itu boleh dihukum, orang yang tidak bersalah boleh dihukum. Saya ingat pada satu kes yang mana ini bukan satu kes heroin ataupun kes ganja tetapi opium, itu juga satu jenis dadah yang mana sebuah kereta daripada Singapura telah masuk ke Johor. Orang itu tidak tahu langsung yang ada orang telah melekatkan seketul opium di bawah mudguard keretanya, dan ada pula kereta lain yang melihat dan mengikutinya. Selepas sahaja di

Tambak Johor ataupun daripada Kastam Johor orang itu telah diberhentikan keretanya dan mengambil opium itu daripada mudguard kereta itu. Perkara semacam ini boleh berlaku terutama sekali jikalau kereta orang yang ternama yang mana pihak Kastam atau pihak Imigeresen tidak memeriksa langsung. Perkara seperti ini boleh berlaku dan telahpun berlaku. Jadi jikalau berlaku kes-kes seperti itu terpaksa pihak yang berkuasa menimbangkan betul atau tidaknya yang orang yang melakukan itu sebenar-benar melakukan kesalahan membawa dadah atau tidak. Inilah yang saya katakan tadi peruntukan di bawah Seksyen 37B ini pada keseluruhannya baik tetapi terpaksa pihak Pendakwa berjaga-jaga sedikit bila hendak menggunakan peruntukan ini.

Sekianlah dan saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

9.42 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan yang penuh dalam Akta Pindaan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Walaupun pada saat sekarang ini sudah hampir jam 10.00 malam, tetapi oleh sebab perkara ini adalah penting untuk negara juga rakyat negeri ini, maka kami Ahli-ahli Dewan Negara ini sanggup sampai pukul 1.00 malam termasuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak membahaskan masalah Rang Undang-undang ini secara detail, tetapi mengikut hujjah-hujjah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang kita dalam beberapa perkara.

Pertama sekali, mudah-mudahan dengan pandangan-pandangan saya ini akan memberi faedah kepada Kementerian ini dan juga kepada Kerajaan. Saya hendak memberi penafian dalam masalah ganja terutama yang disebut dalam Negeri Johor yang paling banyak. Pada saat yang akhir ini Negeri Johor kurang ganjanya disebabkan kerjasama dari orang ramai dan juga menunjukkan yang pihak yang berkenaan pada saat ini telah dapat mengurangkan masalah ganja. Saya berharap seluruh negeri lain akan mengambil contoh seperti apa yang dibuat oleh ramai dalam Negeri Johor dan juga dapat membasmikan masalah ini.

Yang Kedua, dadah dan heroin ini adalah satu gerakan kumpulan antarabangsa yang mereka melancarkan gerakan ini dengan tujuan hendak melumpuhkan tenaga manusia seluruh dunia ini. Dengan sebab itulah kita boleh perhatikan ada setengah-setengah negara yang tidak terlibat dalam masalah dadah ini, tetapi setengah negara sekarang telah lumpuh dan hancur keadaan rakyat di negeri itu terlibat dengan sebab pedaran dadah yang meluas dengan penagih-penagih. Mereka telah membuat slogan, "selagi negara itu mengamalkan sistem demokrasi, selama itu dadah dalam negara itu tidak boleh dihapuskan". Jadi sekarang kita telah banyak berkawan dengan negeri sosialis, kita patut meminta nasihat dari negeri itu bagaimana negeri itu yang rakyatnya dapat membasmi daripada menghisap dadah dan heroin.

Satu perkara yang saya fikir kenapa dadah di tanahair kita ini empat tahun lamanya telah jadi begitu memuncak pada hal kita ada Biro Narkotik dan lain-lain. Saya rasa dan juga setengah rakyat menyatakan bahawa badan ini tidak dapat menjalankan tugasnya dengan betul-betul, dengan sebab itu penyakit-penyakit ini telah merebak ke seluruh tanahair kita daripada peringkat kanakkanak sekolah, orang kampung hingga ke universiti. Dahulu pernah saya berkata dalam Dewan Rakyat yang mana ada setengah golongan Polis dan Askar menghisap dadah, maka melentinglah Peguam Negara kita dan mengatakan, "Yang Berhormat tidak boleh tuduh orang-orang Kerajaan." Tetapi saya sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab pada negara ini, apa yang saya jawab, "ada kenyataan dan saya telah lapurkan bahawa benar-benar askar kita telah menghisap dadah." Kemudian saya kata orang banduan dalam rumah sakit pun ada yang menghisap dadah. Kata Peguam Negara tuduhan itu tidak betul. Tetapi sekarang macammua penyakit ini telah jadi begini tenat. Saya percaya, Kementerian kena mengawasi dengan betul. Saya tidak menuduh bahawa perkara ini boleh jadi biak disebabkan kelonggaran oleh pihak-pihak yang tertentu, oleh itu perkara ini dapat dibebaskan. Hal ini patut kita perhatikan dengan sepenuhnya.

Tadi telah dicakapkan oleh Yang Berhormat ada makmal heroin di sebelah utara sana, tetapi saya memahami di bandar Kuala Lumpur ini juga ada makmal heroin yang memproses, dan ada pakar yang betul-betul

kepakaran dan mengikut peredaran masa. Heroin itu ada juga yang dibuatnya seperti rokok seperti gula-gula dan mereka mengedarkan ini bukan sahaja diedarkan kepada pelanggan-pelanggan termasuk di kedai-kedai kopi. Sebuah kedai kopi kalau ahlinya menjadi member dia tahu dan dia kenal, dan dia akan diberi heroin itu serupa rokok dan dibeli dengan harga \$3. Siapa yang menjadi member dapat, dan siapa yang tidak menjadi member tidak dapat. Ini terjadi di kedai-kedai kopi, di kelab-kelab malam dan bar semua diedarkan dadah ini.

Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin supaya kempen national dadah ini diadakan secara besar-besaran. Segala anggota negara menyertai masalah ini, sebab dadah dan heroin ini nyata berlaku. Kalau kita pergi di kampung dan pekan ataupun di bawah jambatan atau di mana-mana orang tahu di situ tempat dadah. Ada satu dadah yang pakai injection (suntek), itu yang paling baik katanya dan hal ini kita nampak, keadaannya nyata kalau badan ini mahu bekerjasama dengan Badan National kita insya Allah keadaan ini boleh dihapuskan dan dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, pihak Badan Biro Narkotik dan Kastam serta Pasukan Polis juga bersungguh-sungguh dengan sebab itu biro ini telah berjaya menumpaskan 33 kumpulan syndicate dadah dan heroin dalam negara ini. Saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada Pasukan Keselamatan. Tetapi malangnya raja syndicate ini lepas. Saya mengharapkan Kementerian atau siapa sahaja yang bertanggungjawab melepaskan raja syndicate itu, orang yang terlibat patut dibawa ke mahkamah dan ambil siasatan dan kajian bahawa raja syndicate dadah ini telah lepas lari. Diharap kerjasama daripada orang kenamaan, orang ini janganlah kita berlemah-lembut dengan mereka. Inilah yang menjadi rosak kepada rakyat negeri ini mengedarkan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama dengan Yang Berhormat tadi supaya reward itu dikeluarkan dan supaya jangan merasa rugi dalam masalah ini. Sebab kadang-kala orang yang ketagih dadah ini kalau dia tidak ada duit dia akan mencari sama ada dari ayah, emak, anak atau isterinya, dia tidak kira apa, asalkan dapat duit. Tetapi kalau kita berikan reward yang lebih, dia akan

dapat kerjasama dengan Pasukan Keselamatan dan dia akan memberitahu kita di mana ada kumpulan yang serupa ini.

Tuan Yang di-Pertua, syndicate dadah ada mempunyai ahli kepakaran yang cerdik sekali dan makmalnya juga daripada kepakaran doktor yang pintar sekali di dalam masalah menganalisa ubat-ubat ini. Jadi pasukan pencegah Biro Narkotik ini hendaklah diadakan orang yang terlatih, kepakaran, dalam hal ini maka itu barulah dapat kita mengesan. Kalau kita, Ahli-ahli Dewan Negara ini cuba mengesan syndicate-syndicate dadah ini tidak akan berjaya, sebab mereka bukan sahaja mempunyai kewangan tetapi mereka mempunyai kepintaran. Dengan dapat ahli-ahli penagih dadah di seluruh tanahair, katanya dia telah berjaya. Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong memberikan pandangan yang istimewa dalam masalah perangkaan yang dibuat bahawa 80% muda-mudi kita telah menghisap dadah. Ini patut diperbetulkan. Sebab ini menjadi satu kemarahan kepada pemuda-pemudi Islam kita yang menunjukkan bahawa pemuda-pemudi Islam ini yang ramai sekali menghisap dadah. Keadaan ini telah disungutkan oleh pemuda-pemudi Islam di luar bandar sebab di luar bandar tidak semua sekali mereka ini menghisap dadah. Dan kita juga patut membuat satu kajian, kenapa penagih-penagih dadah yang ramainya terdiri daripada pemuda-pemudi Islam. Ini patut juga kita fikirkan, kajikan dari segi mana dan sebab ini terjadi.

Akhirnya, dalam masalah hukuman yang hendak dikenakan sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, saya sangat bersetuju hukuman-hukuman ini, tetapi saya fikir patut dibawakan satu tambahan lagi ke Dewan ini supaya harta-harta jutawan syndicate ini juga kita rampas dengan kuat-kuasa undang-undang. Sebab dengan merampas harta syndicate ini, kumpulan ini tidak akan berleluasa di dalam tanahair kita. Jikalau dengan kekayaan telah didapati dari jualan pengedaran dadah ini mereka pada satu masa akan melanjutkan usaha-usahanya. Dengan kita merampas hartanya yang dapat menunjukkan hartanya didapati kekayaan yang didapati yang menjadikan jutawan itu melalui pengedaran dadah ini, saya fikir ini satu perkara yang sangat perlu kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya tadi sangat bertimbang rasalah kepada satu Rang Undang-undang Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan) yang terkandung di dalam peruntukan Rang Undang-undang itu. Kita sekarang ada kumpulan daripada Biro Narkotik, Polis dan Kastam, kita jangan menganggap bahawa orang yang menagih dadah ini orang salah, hendaklah kita mengatakan bahawa orang yang menjadi penagih dadah pada masa sekarang kita hadapkan, sifatkan mereka itu manusia yang sudah sakit. Sebab kalau kita sifatkan mereka itu orang yang salah maka akan liarlah mereka itu pada kita. Kita sifatkan mereka ini orang yang sudah terceburlah dalam satu penyakit, jadi kita carikan ikhtiar meminta pujuk ibubapa, keluarga mereka. Kalau ada anak-anaknya yang terlibat atau penagih dadah diberitahu kepada Kementerian yang berkenaan untuk dirawat dan dipulihkan semula supaya kejadian itu tidak berlaku.

Kita tengok baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, Tan Sri Haji Mohamed Ghazali Jawi telah menari pula dengan orang-orang penagih dadah di Pusat Latihan di Perak. Ini satu perkara yang saya fikir baik. Ertinya kita bersifat dengan keadaan berlembut pada mereka yang telah teraniaya dengan penyakit ini.

Setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan segala hormatnya saya memberi sokongan di atas Rang Undang-undang ini.

9.55 mlm.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih walaupun jam telah menunjukkan angka 5 minit lagi pukul 10.00 malam, biarpun kegelisahan berlaku kepada para Ahli-ahli Dewan ini di dalam sidang kita di saat ini, tetapi saya suka juga mengambil kesempatan dengan serba ringkas kerana memikirkan apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi bahawa perkara ini adalah perkara yang serious. Jadi tidak dapat kita melepaskan sesuatu perkara yang bahaya di hadapan kita sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Sebab itu atas rasa tanggungjawab bersama maka amat berbuku di hati saya kalau tidak saya bangun untuk memperkatakan sepatah dua yang belum dikatakan oleh rakan-rakan saya yang terlebih dahulu tadi. Di mana di dalam Akta Dadah Berbahaya

(Pindaan), 1975 maka saya memberi sokongan yang amat sangat kepada pihak Kementerian Undang-undang kita yang dapat menjalankan undang-undang membuat dan menjalankan Akta ini dengan betul-betul tegas. Kerana dari pihak kita semua menekankan perkara ini meminta kepada pihak Kementerian Undang-undang supaya dapat menjalankan perkara dengan tegas. Kenapa telah berkali-kali, berulang-ulang kata dari pihak Ahli-ahli dari Dewan Rakyat sampai ke Dewan ini meminta kalimah, menggunakan kalimah tegas ini. Kerana selalu kita dapati amat mendukacitakan kita, undang-undang demi undang-undang kita adakan tetapi apa yang kita dapat bersama pada hari ini. Undang-undang kita adakan, tetapi sesuatu yang kita lakukan tidak ubah sebagai melepaskan batu di tangga sahaja.

Kadang-kadang benda yang berlaku amat menyedihkan kepada kita sekarang bukan sahaja kita dapat melihat bahawa pihak murid-murid sahaja yang menjual dadah di sekolah-sekolah tetapi baru-baru ini di dalam akhbar kita sama-sama telah membaca, guru juga yang ada membuat kerja ini. Pada hal adakah patut orang yang seumpama ini melakukan pekerjaan yang sedemikian rupa? Saya yakin bukan guru sahaja harus ada sebagaimana kata daripada pihak kawan saya yang terdahulu tadi, daripada pihak-pihak yang berkenaan juga demi yang bersikap mahu material, yang bersikap materialism maka dia juga sanggup menghadapkan dengan melakukan perkara yang demikian kerana saya sendiri pernah mendengar, bersembang dan berbicara daripada kawan-kawan. Kalau kerja-kerja lain kami buat keuntungan kewangannya laba lambat didapati dengan begitu banyak, tetapi kalau ini dilakukan sedikit sahaja barang kami bawa laba keuntungan yang lebih kami dapati.

Jadi soal ini, yang sepatutnya daripada pihak Kementerian Undang-undang kita, apa yang saya tekankan tadi ialah ketegasan. Kalau benar-benar kita telah mengeluarkan Akta Dadah Berbahaya ini, laksanakanlah dengan sifat yang tegas, berani dan menjalankan tugasnya sebagai orang yang bertanggungjawab betul-betul.

Kami sedar pihak Kementerian Undang-undang apa yang kita katakan memang sudah ada jawapannya nanti—akan diambil perhatian. Tetapi perkara yang serious seperti

ini bukan lagi soal mengambil perhatian tetapi soal menjalankan ketegasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan dari semalam walaupun tidak terbangkit soal saya yang berupa Pertanyaan Bagi Jawab Mulut tetapi pihak Kementerian Undang-undang sudah menjawab Jawapan Bertulis pada tarikh 14hb April, 1975. Maka sebagai penekanan lagi di mana saya tegas dari semalam lagi untuk mengatasi perkara ini, selain daripada Akta Undang-undang yang kita bentangkan maka apa yang mesti kita lakukan ialah didikan rohani di dalam jiwa anak-anak kita daripada peringkat anak-anak tadi sampailah ke peringkat orang-orang dewasa.

Didikan rohaniah ini janganlah kita memandang bahawa adalah dari segi Islam sahaja tetapi tidak. Saya rasa di dalam segala bidang ugama yang ada di dalam negara kita pada hari ini mereka juga dapat menjalankan tugas, kempen, pendidikan rohaniah ini kepada segenap bidang masyarakat untuk memberi penjelasan bahawa penyakit dadah, heroin ganja dan sebagainya, ini semua adalah menjadi bahaya yang besar di tengah-tengah masyarakat dan negara kita.

Yang kedua, pihak Kementerian Undang-undang juga saya minta mesti berdamping benar dengan meminta kerjasama dari pihak Yayasan Dakwah di bawah Jabatan Perdana Menteri membuat kempen dengan kesungguhan mengenai dadah ini kepada segenap lapangan bidang masyarakat daripada masyarakat peringkat bawahan sampai kepada peringkat atasan. Walaupun semalam atau beberapa hari yang lepas pernah saya katakan mengenai perkataan iklan, tetapi ada mendapat tentangan daripada pihak-pihak seorang dua kawan. Sebenarnya iklan yang saya maksudkan ialah kempen.

Tuan Yang di-Pertua, kalau semalam saya pun terkejut juga sebab sama juga dengan saudara saya Senator Kamarul Ariffin terkejut apabila saya mendengar salah seorang Yang Berhormat di dalam Dewan ini mengatakan bahawa kempen melalui talivisyen mengenai dadah yang begitu rupa kenapa begitu tidak ada tentangan untuk membuat kempen walaupun mereka kata berupa satu larangan, tetapi

dengan cara tidak menyedari bukan berupa larangan, tetapi berupa mengajak orang supaya lebih mahu dan anih kepada perkara yang tersebut. Begitu juga kata saudara Yang Berhormat salah seorang tadi, saya tidak mahu mengulas, tetapi sedikit sebagai kenangan kita bersama di mana hendak mengadakan pameran dadah dan sebagainya. Kadang-kadang dengan pameran ini secara tidak langsung boleh kita membesarkan perkara-perkara yang tidak sewajarnya ini. Sebab itu patutlah pihak Kementerian Undang-undang yang mengeluarkan Akta Ordinan Dadah Berbahaya ini mengambil satu pandangan yang tegas dan sikap yang sewajarnya, janganlah kita melepaskan perkara ini sebagai melepaskan batuk dari tangga akhirnya orang peringkat bawahan yang kena hukuman, kena tembak, kena gantung tetapi peringkat secara terhormat maka terpelihara, terjamin dan terlepas dari segi undang-undang. Soal ini bukan dadah sahaja. Saya memperkatakan dengan tegas dari segi yang lain juga kita dapati kalau tadi kita ada membicarakan soal pelacur, sekarang pelacur tidak kita hairan, pelacur terhormat makin banyak ada dalam negara kita. Jadi janganlah perkara ini kita melakukan menjadikan orang yang tidak sewajarnya kita boleh tekan, kita tekan, tetapi orang yang berkenaan, kita lepaskan dari segi undang-undang dengan ada pembelaan-pembelaan yang sewajarnya. Maka inilah perhatian daripada pihak Kementerian Undang-undang ambillah sikap tegas dengan apa rayuan kami daripada Ahli-ahli Dewan pada malam ini.

10.04 mlm.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka hendak mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan mereka berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Sememangnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dan juga Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah yang mengatakan masalah ini ialah masalah yang serious. Saya sentiasa cuba mengurangkan seriousness. Kerajaan juga adalah sentiasa sedar berapa seriousness masalah ini dan juga Perdana Menteri kita tidak berapa lama dahulu telah membuat satu kenyataan atas problem atau masalah ini. Dan atas arahan Perdana Menteri sendiri Kementerian saya adalah

menyiapkan Rang Undang-undang ini dan dibentangkan di Parlimen secepat mungkin. Ada satu perkataan dalam bahasa Inggeris iaitu dangerous master but useful servant. Saya memandangkan Rang Undang-undang ini ialah satu Rang Undang-undang yang boleh kita anggap sebagai satu dangerous master tetapi useful servant. Ini satu alat dan penggunaan alat ini adalah bergantung kepada Kerajaan setakat mana Kerajaan boleh menggunakan dan melaksanakan peruntukan di dalam Rang Undang-undang itu.

Saya suka menjaminkan bahawa Kerajaan adalah berazam untuk mengurangkan pada permulaannya dan akhirnya menghapuskan masalah ini. Tetapi saya juga mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat ini adalah satu masalah yang tidak bertepatan. Masalah ini ialah masalah antarabangsa. Masalah ini tidak menghormati negeri, negara, bangsa, kebudayaan, agama, umur atau seks. Masalah ini telah timbul dalam masa sesudah Perang Dunia Yang Kedua khususnya di Amerika, Eropah terlebih dahulu dan di Malaysia khususnya dalam masa lima tahun yang lalu dan kegiatan-kegiatan ini telah bertambah. Apa yang kita telah buat setakat ini untuk mengurangkan masalah ini sedikit sahaja kerana kita belum dapat tahu berapa besar masalah ini—the size of the problem kita belum dapat tahu lagi. Apa yang kita telah buat sehingga sekarang ini ialah dipotong sedikit atas iceberg sahaja. Yang Berhormat sedia mengetahui iceberg ialah satu ice di dalam laut yang sebahagian sahaja boleh kita nampak tetapi kebanyakannya tenggelam dalam laut dan kita tidak boleh nampak. Kalau kita pandang atau lihat di atas sahaja masalah itu, itu tidak betul. Kita selalu menyiasat berapa besar masalah ini dan ini termasuk masyarakat kita di beberapa peringkat tidak menghiraukan umur dan seks, khususnya masalah ini sudah menyerang pemuda dan pemudi. Dengan sebab itu Kerajaan telah mengambil dari semasa ke semasa langkah-langkah yang sesuai, tetapi atas pengalaman kita dan daripada pengalaman sekarang Kerajaan adalah membuat pindaan kepada Rang Undang-undang yang ada sekarang.

Pindaan Rang Undang-undang yang di hadapan kita ini adalah sangat berat, tetapi sangat perlu dan saya sukalah menjelaskan sedikit mengapa hukuman bunuh atau hukuman mati adalah diperuntukkan. Saya

telah dengar inilah suatu hukuman yang berat di tempat yang lain, tetapi saya sungguh-sungguh besar hati mendengar semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini menyokong langkah ini. Peruntukan ini khasnya adalah ditujukan kepada trafficker iaitu orang yang membuat trafficking, biasanya bukan orang yang berpendapatan kecil, tetapi orang besar (boss) iaitu orang yang duduk di belakang gerakan dadah yang tidak boleh di lihat dengan senang, biasanya dialah yang menjadi ketua syndicate dadah dan dia orang yang kaya, dialah juga yang menggunakan orang yang lain untuk penjualan dadah itu hingga menimbulkan kebinasaan kepada masyarakat dan juga kepada negara. Trafficker selalunya sangat susah hendak ditangkap oleh kerana selalunya dia tidak melakukan kesalahan itu sendiri. Trafficker adalah orang yang menjadi ketua tertinggi sekali dan di bawahnya ada orang pertengahan yang digelar pusher atau peddler. Biasanya pusher atau peddler ini adalah orang-orang biasa dan dia mendapat bekalan (supply) daripada trafficker dan tugas pusher untuk mencari pengguna yang berkehendakkan dadah ini dan peringkat akhir sekali ialah pengguna, trafficker, pusher dan dependor atau drug addict. Selalunya trafficker melalui pusher mencari pengguna, pengguna selalunya terdiri daripada golongan muda-mudi dan dadah dijual kepada mereka.

Kita tahu sekarang di sekolah-sekolah bukanlah banyak penagih dadah tetapi kita sudah mendapat keterangan. Cara kegiatan mereka adalah begini, pusher pada mulanya mendapatkan seorang pengguna atau drug user atau drug dependent, kemudian pengguna dadah itu oleh kerana selalu menghisap dadah akhirnya sehingga menjadi penagih dadah, menjadi addict. Dia tidak boleh hidup tanpa dadah dan bila dia sudah jadi macam itu dia mesti berusaha mendapatkan dadah tiap-tiap hari, dia sedia membuat apa sahaja kesalahan jenayah untuk mendapatkan drug, bahkan dia sanggup untuk membunuh orang walau sesiapa pun. Kita ada mendapat keterangan bahawa ada seorang budak yang telah membunuh bapanya sendiri untuk mendapatkan drug, yakni akibat dadah itu moralnya sudah runtuh. Bila dia tidak dapat dadah dia sanggup menjadi binatang buas dan seolah-olah bukan manusia lagi, itu maksudnya dehumanisation. Inilah satu kesalahan yang

besar dan kalau drug trafficker itu dibiarkan berleluasa, dia boleh menjahanamkan maruah sesuatu masyarakat, dia boleh menjahanamkan kekuatan suatu angkatan military, dia boleh jatuhkan maruah dalam sesebuah universiti atau mana-mana tempat. Kalau dia dibiarkan, dia boleh buat seperti itu. Bill ini bertujuan membebaskan masyarakat dari keburukan-keburukan tersebut.

Sekarang ini kita telah mendapat suatu keterangan yang berlaku di sekolah-sekolah, apabila seseorang telah menjadi penagih dadah, unpamanya seorang murid sekolah yang ketagih dadah, dia tidak boleh hidup tanpa dadah, dan masa itu pender dadah (drug pusher) mengatakan kepadanya, "Kami boleh beri dadah 20% percuma kepada awak dengan syarat awal boleh dapat 10 orang rekrut yang baru". Ertinya seorang penagih mencari 10 orang, kalau dapat cari 10 orang, dia dapat dadah 20% percuma. Fikirkanlah kalau tiap-tiap seorang dapat mempengaruhi 10 orang menjadi penagih di dalam sesebuah sekolah, dalam masa yang singkat mungkin semua murid sebuah sekolah itu boleh jadi mangsa dadah. Inilah corak atau sistem yang digunakan oleh trafficker atau pengendali dadah. Orang-orang seperti ini kita tidaklah boleh memberi belas kasih kepada mereka dan mereka tidak ada tempat dalam masyarakat dan undang-undang semestinya diadakan dengan ketat dan keras sekali.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana penerangan Ahli Yang Berhormat Menteri tadi, mula-mula ada trafficker, di bawah trafficker ada pusher. Di atas trafficker itu siapa dia?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, selalunya trafficker adalah dianggap orang yang paling atas sekali. Mereka adalah terdiri dari golongan orang-orang yang mempunyai banyak wang, orang kaya dan merekalah yang merancangkan segala gerakan mengendali dadah ini, mereka supply dadah melalui wakil-wakil atau ajennya. Oleh itu simpati masyarakat haruslah diberikan kepada pengguna dadah oleh kerana dia menjadi mangsa macam anak-anak kita sendiri atau muda-mudi kita sendiri yang terlibat. Dan kalau kita beri hukuman yang berat kepada mereka oleh

sebab di tangannya ada drug, dan memilikinya menjadi kesalahan, itu tidaklah patut. Dengan sebab itu Rang Undang-undang ini memperuntukkan masaalah rawatan atau rehabilitation, bukan sahaja di negeri ini tetapi juga di negeri-negeri lain; drug addict atau orang yang mengguna dadah, bukan yang menjual, yakni sungguhpun dia terpaksa menjual untuk mendapat drug untuk kegunaannya sendiri, masyarakat haruslah menunjukkan simpati kepadanya dan mestilah membuat sesuatu tugas untuk melepaskan dia atau menyelamatkan dia (redeem) daripada belunggu drug trafficker. Dengan sebab itu peruntukan-peruntukan berkenaan dengan treatment of drugs dependent ada diberi di sini berdasarkan tiga kategori :

Yang pertama apabila seseorang Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Polis mendapat tahu ada seorang yang mengguna dadah, dia boleh menangkapnya dan boleh mengambil dua tindakan. Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Polis itu boleh membawa penagih dadah itu ke mahkamah atau boleh mendapatkan suatu akuan daripada seorang doktor dan menghantarkan dia ke satu institusi yang diluluskan oleh Kerajaan untuk rawatan. Ada cara yang lain pula sekiranya dia enggan pergi ke institusi rawatan, dia hendaklah dihadapkan ke mahkamah dan di sini dia akan mendapat hukuman atau denda mengikut undang-undang. Ini satu cara iaitu sebelum dia kena bawa ke mahkamah atau pre-conviction.

Yang kedua, ialah post-conviction. Bila seseorang sudah dibawa ke mahkamah dan sudah disabitkan oleh mahkamah, Pengadil atas laporan daripada pegawai Social Welfare atau Police Officer kalau laporan itu ada menunjukkan lebih baik orang ini dihantar kepada satu institusi untuk mendapat rawatan, mahkamah bolehlah menghantar dia ke institusi untuk mendapatkan rawatan atas syarat-syarat yang dikenakan oleh mahkamah.

Yang ketiga ialah seorang dengan sukarela-nya memasuki satu institusi untuk mendapatkan rawatan. Dia boleh datang sendiri kalau dia tahu masaalahnya dan dia terasa lebih baik dia mendapat rawatan dan menjadi baik sebelum di ditangkap oleh Polis, lebih baik dia masuk dalam satu-satu institusi, Rehabilitation Centre. Kalau dia tidak cukup umur,

ibubapanya boleh bawa dia dan kuasa ada diberikan kepada ibubapa atas seorang yang belum mencukupi umur. Inilah satu peruntukan (provision) yang sangat baik.

Mengenai perkara trafficker saya sudah mengatakan dia boleh dihukum sampai mati atau penjara seumur hidup dan juga dirotan tetapi sebelum keputusan boleh diambil, kebenaran hendaklah didapati daripada Public Prosecutor atau Attorney-General. Ini sebagai satu penjelasan pada umumnya. Bukan sahaja Polis, ada tiga agensi pada masa sekarang membuat kerja yang cergas untuk menangkap orang yang menggunakan drug atau dadah dan Pusat Biro Narkotik sendiri ada menangkap 373 orang dari bulan Januari, 1973 hingga akhir tahun 1974 dan juga Polis sendiri ada menangkap banyak orang tetapi saya tak ada lapurannya pada masa ini dan juga Kastam. Ketiga-tiga agensi ada menjalankan kerja dan antara mereka selalunya bekerjasama. Sungguhpun begitu masaalah ini adalah yang besar sekali dan saya fikir kita akan jalankan dengan lebih meluas lagi.

Dalam hal ini saya suka meminta kerjasama daripada pihak ibubapa dengan memberi maklumat kepada Pusat Biro Narkotik atas anak-anak mereka kalau mereka menggunakan dadah supaya Biro ini boleh memberi nasihat dengan cara rawatan atau lain-lain jalan. Biro ada membuat beberapa rancangan seperti seminar, syarahan, film shows dan membuat kerja yang cergas dan erat dengan Kementerian Pelajaran. Pegawai-pegawai Biro selalunya ada memberi syarahan kepada murid-murid di mana-mana sekolah dalam negeri ini.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin ada menegur sedikit atas seminar atau bengkel yang diadakan pada masa sekarang ini di Genting Highlands. Ini ialah satu bengkel yang dianjurkan di bawah Colombo Plan dan 23 buah negeri adalah menyertai dalam bengkel ini dan mereka berfikir lebih sesuai bengkel ini dijalankan di satu tempat, satu bangunan yang berasingan dan semua peserta boleh duduk dalam satu bangunan kerana mereka boleh berbual, boleh duduk bersama-sama dan bertukar fikiran antara satu dengan yang lain. Atas fikiran itu Kementerian saya ada mencuba beberapa tempat tetapi tempat-tempat yang sesuai tidak boleh didapati dan akhirnya di Genting

Highlands didapati ada satu dewan dengan beberapa kemudahan untuk mengadakan persidangan, sebab itu bengkel ini diadakan di sana. Bukan sahaja bengkel ini tetapi bengkel-bengkel dan seminar-seminar yang lain juga telah diadakan di sana, dengan sebab itu bengkel itu juga diatur oleh Colombo Plan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Dalam bengkel yang diadakan di Genting Highlands itu dia bawa heroin, dadah, ganja adakah ditunjukkan di situ?

Datuk Athi Nahappan: Ya, ada.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Adakah dicuba makan, bagaimana rasanya?

Datuk Athi Nahappan: Berbagai-bagai dadah, ganja dan lain-lain narkotik ada ditunjukkan tetapi tunjuk sahaja. (*Ketawa*).

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad berfikir barangkali di Kuala Lumpur juga ada makmal yang membuat dadah tetapi atas keterangan yang diterima sampai pada masa sekarang ini tidak ada apa-apa keterangan yang menunjukkan ada makmal di Kuala Lumpur tetapi satu makmal yang diadakan di Bukit Mertajam itu pihak Polis sudah menangkap orang-orang yang campur dalam kumpulan itu dan saya sudah sebut dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahajalah sebagai jawapan pada umumnya dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH BUDAK-BUDAK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.32 mlm.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Budak-budak, 1974" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Mahkamah Budak-budak membuat peruntukan untuk memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan bagi kanak-kanak dan pesalah budak-budak termasuk penubuhan Mahkamah Budak-budak untuk tujuan tersebut. Pindaan-pindaan yang disyorkan itu adalah bertujuan bagi menyelaraskan undang-undang itu dengan perkembangan-perkembangan terbaru di dalam kerja pemulihan pesalah budak-budak, dan juga bagi meminda peruntukan-peruntukan Akta tersebut supaya selaras dengan tujuan dan maksud undang-undang bersabit dengan pesalah budak-budak.

Pindaan-pindaan terpenting yang dicadangkan itu, ialah berkaitan dengan meninggikan umur tanggungjawab jenayah (age of criminal responsibility), menaikkan had umur (upper age limit) bagi seorang pesalah budak-budak, dan juga untuk mengemaskan lagi peraturan-peraturan mengenai Cubaan Akhlak.

Pada masa ini had umur terendah (lower age limit) bagi tanggungjawab jenayah ialah 7 tahun, seperti yang termaktub di Seksyen 82 di dalam Penal Code. Sekarang had umur ini dicadangkan supaya dinaikkan menjadi 10 tahun. Tujuan pindaan ini ialah supaya seorang kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak dihadapkan ke Mahkamah Budak-budak atas kesalahan yang boleh dianggap bersifat jenayah. Untuk menetapkan samada kanak-kanak itu patut dibebankan memikul kesalahan jenayah bergantung semata-mata kepada umur, tentu tidak tepat kerana banyak lagi faktor-faktor lain yang patut diperhitungkan, terutama sekali perkembangan emosi (emotional development) kanak-kanak itu dan peluang untuk bergaul dengan masyarakat yang juga terdedah kepada berbagai-bagai nilai dan pengaruh.

pegawai-pegawai di sana mengenai tugas-tugas dan tujuan Akta/Ordinan yang berkaitan terutama mengenai kuatkuasanya ke Sabah dan Sarawak berserta dengan implikasi kewangan. Namun demikian sehingga sekarang, berbagai masalah masih lagi timbul dan dengan itu perlantikan ahli-ahli bagi Sabah dan Sarawak bagi keempat-empat Badan yang berkaitan masih tidak dapat dibuat, dan boleh jadi tidak mungkin dapat dibuat dalam beberapa lama lagi. Dengan tiadanya perlantikan-perlantikan tersebut maka Badan-badan tersebut tidak dengan sah ditubuhkan.

Tujuan pindaan-pindaan ini adalah untuk membolehkan Badan-badan yang berkaitan ditubuhkan dengan sahnya memandangkan masalah-masalah yang dihadapi berkaitan dengan perlantikan ahli-ahli Lembaga dari negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen-seksyen yang berkenaan Akta/Ordinan tersebut.

Memandangkan jenis tugas-tugas dan luasnya yang mempunyai kewajipan-kewajipan yang penting dan perlu dijalankan dengan segera, maka Badan-badan ini terpaksa disahkan semenjak berkuatkuasanya undang-undang yang mengujud atau menyusun semula mereka itu. Oleh hal yang demikian, maka tujuan Rang Undang-undang ini adalah supaya badan-badan tersebut ditubuhkan dengan sahnya sejak dari masanya diwujudkan atau disusun semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

10.51 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan penuh atas Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah, 1975. Saya percaya bahawa dengan dikuat-kuasakan Akta ini akan memberikan perubahan yang besar, khususnya kepada pekebun-pekebun kecil kita yang taraf hidupnya bergantung dengan getah tidak kurang 3½ juta orang. Dengan keadaan ini saya memberi kepujian kepada Kementerian yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh dalam beberapa perkara.

Yang pertama sekali, iaitu dalam meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah, iaitu Penyelidikan dan Kemajuan Getah. Badan Kumpulan Wang Getah ini telah mendapat wang daripada ses (cess) pekebun kecil, dan pada tiap-tiap tahun wangnya akan bertambah. Saya harap Kementerian ini memberi perhatian kepada pekebun kecil yang pada masa sekarang diberi bantuan hanya satu ekar \$900 ditambah kepada \$1,200 sebab harga barang-barang dan juga mahal. Yang kedua rancangan membuka hutan berkelompok itu sangat baik, tetapi saya fikir patut diluaskan usahanya dengan membeli ladang-ladang.

Yang ketiganya, jenis benih getah baru yang dikeluarkan dan boleh ditoreh selepas ditanam 4 tahun patutlah diluaskan supaya dapat diterima oleh pekebun-pekebun kecil kita.

Satu perkara lagi yang patut difikirkan oleh Lembaga ini ialah jenis getah yang didapati dari Jabatan ini selepas satu tahun ditoreh tidak bersusu lagi. Masalah kulitnya mati patutlah diberi perhatian dan siasatan.

Ada satu perkara yang baru-baru ini berlaku bila mana pekebun kecil menukarkan tanaman daripada getah kepada kelapa sawit, bila hendak memasarkan kelapa sawit itu sangatlah sulit. Pada masa akan datang apabila dibenarkan mereka menanam kelapa sawit, maka masalah membawa hasil kelapa sawit ke kilang-kilang dan pemasarannya oleh pekebun-pekebun kecil hendaklah diperhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Lembaga Pasaran dan Perlesenan Getah, saya sangatlah berbesar hati bagi pihak pekebun kecil, kerana kelahiran Lembaga ini diharapkan supaya harga getah mendapat kadar yang saksama. Untuk menjayakan rancangan ini, Kementerian ini hendaklah mengadakan alat-alat talivisyen di tempat-tempat membeli, mengeluarkan dan broker-broker getah supaya dapat menerima siaran yang cepat dan betul tentang harga pasaran. Sebab pada masa dahulu, orang-orang ini menggunakan sistem berbisik. Maka dengan adanya cadangan ini, saya fikir ia boleh menggunakan sistem terbuka.

Yang kedua, sejauh mana telah dapat diterima oleh beberapa buah pertubuhan perdagangan negara-negara di Eropah Timur

yang ingin menjadi anggota Pasaran Getah Malaysia. Adakah ini cuba hendak menyedapkan hati pekebun-pekebun kecil kita. Saya harap pasarnya dapat diwujudkan dalam negara ini supaya dapat menjamin harga getah kita tidak akan turun di masa yang akan datang.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah Kerajaan telah mengadakan kilang getah yang disebut MARDEC. Kilang getah ini pada masa sekarang harga pembelian susu-susu getah daripada pekebun-pekebun kecil itu adalah sangat rendah dengan sebab kos-kosnya tinggi. Saya harap Kerajaan memikirkan supaya memberi subsidi pengangkutan untuk membawa hasil-hasil pengeluaran pekebun-pekebun kecil ke kilang-kilang. Maka dengan itu harga getah yang akan dapat diterima oleh pekebun-pekebun kecil kita adalah adil. Selain daripada itu, kilang MARDEC ini juga hendaklah menjualkan sahamnya kepada pekebun-pekebun kecil itu supaya pada suatu masa yang akan datang, kilang ini akan dapat dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil itu sendiri melalui sahamnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Pihak Berkuasa Pekebun Kecil (RISDA).

Yang Pertama, badan ini telah bekerja dengan bagus dan bersungguh-sungguh, tetapi dengan tugas yang begitu banyak diletakkan tidak dapat menjalankan kerjanya dengan licin. Saya berharap Kementerian ini menambahkan bilangan pegawai-pegawai di dalam Jabatan ini.

Kedua, mengambil tindakan kepada syndicate pemerias-pemerias pekebun-pekebun kecil yang sedang berlaku di dalam negeri Johor pada masa sekarang supaya hak-hak pekebun-pekebun kecil ini dapat dikembalikan semula kepada mereka.

Yang ketiga, pekebun kecil ada hak mendapatkan kawasan tanah sebagaimana keupayaannya sampai 450,000 ekar yang telah diminta kepada Kerajaan sampai sekarang hanya diberikan kepada mereka sebanyak 1,000 ekar lebih kurang sahaja. Saya berharap Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri akan mengusaha mendapatkan tanah untuk rancangan-rancangan yang dikehendaki oleh RISDA. Kerajaan tidak rugi memberi kepada RISDA tanah-tanah kerana ini satu badan yang bertanggungjawab, ada keupayaan wangnya dan pegawai-pegawainya sebagai-

mana yang telah dilaksanakan ini. Jadi dengan keadaan ini akan dapat meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil kita di dalam negeri ini.

10.59 mlm.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad yang telah memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang ini.

Saya memohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) The Government is fully aware of the socio-economic implications to the smallholders if and when the rubber prices are very depressed. As a matter of fact, we had experienced a very depressed rubber price before the Government launched the national crash programme for rubber on the 28th November, 1974. The price of rubber had fallen to as low as 97 cents per kilo but because of the implementation of the national crash programme, we have been in a position to raise the rubber price to a more satisfactory level. The price went up to 130 odd cents per kilo and we have been in a position to maintain a very stabilised price in the region of 120 to 125 cents per kilo for the past four months.

It is not easy to maintain a stable price for rubber on our own accord because we only produce 1.5 million tons of rubber whereas the world production including synthetic rubber and natural rubber is 10.9 million tons. Nevertheless, we have devised certain measures to store up rubber in the trees; at the same time, we had asked the exporters and remillers to stock up at least 27,000 tons of rubber. We also asked the estates to exercise the compulsory Sunday tapping holiday and the 18 tapping holidays. Because of all these measures taken, the rubber price has been stabilised. But because of the socio-economic implications to the smallholders, we cannot ask them to stop tapping. So the Government has taken measures to buy rubber directly from the smallholders. We are also in a position to provide \$900 per acre to the smallholders for their replanting purposes. This we have done and I am glad to tell this House that we have stabilised the rubber price at a reasonable level.

We hope to get close co-operation and sincere support from the natural rubber producing countries. If all of us can co-operate together to implement the international rubber buffer-stock scheme, I would say that we can bring the rubber price to a more reasonable and more promising level and we are doing our very best to get other natural rubber producing countries to come up with a common understanding that by complying with the buffer-stock scheme, we can upgrade the rubber price for our smallholders.

To get rubber directly from the smallholders, we have already established 14 MARDEC factories in the country. By so doing, we are in a better position to give fairer prices to the smallholders because we collect the latex and cup-lumps from them directly and we manufacture better quality rubber and sell this better quality rubber to the world market. This in turn gives a higher price for rubber to the smallholders and we intend to build more MARDEC processing plants in this country as one of the effective measures to uplift the smallholders' livelihood. We have tried and experimented with a lot of clones, so that these clones can provide better and higher yieldings to the smallholders and the smallholders can get information from our Rubber Research Institute.

It is not quite correct to say that M.R.E.L.B. is going towards an open market system. The system which M.R.E.L.B. is

experiencing is called the "reporting" system which is a hybrid between the "whispering" system and the "open-market" system.

I hope I have answered the questions raised by the Honourable Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.08 malam.